

DN.29.5.2001

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 29 Mei 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah penyalahgunaan laman web seperti pencerobohan, memfitnah, penyebaran khabar angin dan sebagainya yang boleh mengancam keamanan dan kedaulatan negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya kerajaan tidak membuat tapisan ke atas bahan-bahan dalam Internet. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna Internet tidak boleh menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu dan jelik. Dari segi perundangan, seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 jelas memberi peruntukan bagi tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu kerana jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Selepas pensabitan, jika mereka yang terlibat melakukan kesalahan lagi, mereka boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Selain itu, pendekatan lain yang diambil oleh kementerian ialah melalui langkah-langkah pencegahan. Antara usaha yang akan diambil ialah untuk mengadakan kod kandungan, dengan izin, *content code* yang diwujudkan secara rundingan melalui forum kandungan, dengan izin, *content forum*. Secara jangka panjang usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak

memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui Internet.

Di samping itu, kementerian juga mengkaji kemungkinan menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Internet Negara yang menyelaraskan dan mengawal selia aktiviti dan penggunaan Internet di negara ini. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai badan tertinggi yang bertanggungjawab mengenai aspek-aspek penggubalan dasar perundangan dan pengawalseliaan berhubung dengan penggunaan Internet. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui jawatankuasa yang bertanggungjawab ataupun kementerian mana yang bertanggungjawab dari segi menentukan *content*, kandungan Internet ini adalah disifatkan salah dari segi undang-undang dan memfitnah, dan setakat ini berapa ramai dan berapa banyak *contents* dalam Internet ini telah pun disifatkan sebagai melanggar undang-undang dan apakah dan penalti yang akan diambil kerana terlalu banyak menerusi Internet. Sekarang ini kita dapati khabar-khabar angin. Jadi, siapa yang memantaunya dan berapa ramai yang telah pun diambil tindakan?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi setakat ini kita cuba menggunakan *content code* yang akan diwujudkan melalui satu badan yang dipanggil forum kandungan. Dalam forum kandungan ini pihak-pihak yang berkenaan daripada pihak mass media, broadcasting, termasuk pihak pengiklanan dan lain-lain *content providers*, dengan izin, akan menubuhkan satu badan yang didaftarkan di bawah undang-undang ini dan mereka akan mengeluarkan satu content code yang dengan sukarelanya akan dipatuhi oleh ahli-ahli atau mereka yang memegang lesen kelas yang akan dikeluarkan secara berdaftar kepada mereka yang terlibat dalam industri kandungan ini. Sekian, terima kasih.

2. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan pekerja yang telah diberhentikan terutamanya di Pulau Pinang akibat kegawatan ekonomi di Amerika Syarikat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, dari pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia seramai 3,266 orang pekerja telah

diberhentikan kerja di Pulau Pinang akibat daripada kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat bagi tempoh Januari sehingga 19 Mei 2001.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Pulau Pinang saya hendak tanya lebih sikit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kementerian mempunyai maklumat tentang berapa ramai lagikah pekerja-pekerja yang akan diberhentikan dalam tempoh yang terdekat ini, kerana kita juga difahamkan umpamanya Kilang Seagate akan menutup operasinya sepenuhnya di Pe rai dalam bulan September ini dan mungkin juga ada beberapa kilang lain. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang memang datang daripada Pulau Pinang. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kementerian memang sentiasa memantau kerjasama baik di antara Jabatan Buruh dengan pegawai-pegawai personnel atau human resource director tiap-tiap kilang yang memang sudah terjalin rapat. Umpamanya, dalam kes Kilang Seagate kebanyakan mereka yang diberhentikan bukan dikategorikan sebagai pemberhentian kerja biasa, ia adalah selaras dengan hasrat syarikat untuk memberhentikan secara VSS. Maka memang kita sedia maklum perkembangan yang terperinci yang akan berlaku sehingga bulan September dalam kes Seagate. Begitu juga dalam syarikat-syarikat lain, umpamanya Motorola.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan ekonomi kita yang meleset sudah tentu ramai pekerja yang dibuang kerja. Tetapi saya mahu tanya kerajaan apakah ada satu dasar di mana pekerja-pekerja yang dibuangkan kita mengambil kira tentang pekerja asing dan pekerja dalam negara. Jadi, saya hendak tahu peratusan pekerja asing yang telah pun dibuang kerja dengan peratusan pekerja dalam negara dan adakah dasar di mana jika sesuatu industri atau sesuatu kilang yang hendak memberhentikan kerja mesti didahulukan pekerja asing sebelum pekerja tempatan. Itu soalan tambahan saya, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin. Yang Berhormat bertanya tentang dua perkara. Pertama, tentang dasar, Dasar Perburuhan Negara memang sentiasa mementingkan pekerja tempatan atau rakyat sendiri daripada pekerja asing. Ini berkali-kali dinyatakan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan banyak kali juga disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Merujuk kepada peratusan ini, dasar kita memang kita utamakan pekerja tempatan. Malah mana-mana syarikat atau kilang yang ingin menambah pekerja mereka ekoran daripada bertambahnya *demand*, dengan izin, mereka perlu memenuhi kriteria-kriteria tertentu setelah dan ketika di mana tidak ada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan ini dan perlu diisi kerana memenuhi demand export, maka report daripada Jabatan Tenaga Rakyat diperlukan bagi memastikan yang permit ataupun pengambilan pekerja asing itu dapat diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri.

Peratusan yang terdapat yang dibekalkan kepada saya dari Januari sehingga 15 Mei 2001 kita buat carta ini mingguan kerana kita akan bentangkan ini di MTEN. Majikan yang terlibat adalah 404, sementara pekerja tempatan berjumlah 11,243 orang (91%), sementara asing berjumlah 1,067 orang (9%). Ini sebenarnya menggambarkan statistik perburuhan nasional di mana jumlah pekerja tempatan adalah 9.5 juta berbanding dengan pekerja asing lebih kurang 800,000 ketika ini. Jadi, statistik ini adalah statistik yang menggambarkan secara relatif di antara pekerja tempatan dengan pekerja asing. Dan kadar pemberhentian pekerja juga dilihat *reflective*, dengan izin, kepada gambaran jumlah pekerja iaitu pekerja asing dan juga pekerja tempatan.

3. **Puan Siti Hawa binti Mohd. Nor** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan kenapakah berlakunya kelambatan penubuhan Mahkamah Keluarga dan apakah ianya lebih baik daripada Mahkamah Syariah.

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat peka dan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat termasuk wanita. Sehubungan ini, antara usaha yang dijalankan adalah untuk mencapai penyelesaian kes-kes kekeluargaan secara adil dan cekap.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sedang menyediakan cadangan penambahbaikan kepada sistem dan peraturan pengendalian kes kekeluargaan yang sedia ada. Kelulusan pihak Perbendaharaan telah pun diperolehi untuk melantik perunding bagi membantu kementerian melaksanakan usaha ini termasuk mengkaji kemungkinan mewujudkan mahkamah yang mesra keluarga.

Perkara ini perlu dipertimbangkan secara teliti kerana melibatkan undang-undang, agama, sosial dan sebagainya. Persoalan sama ada sebuah Mahkamah Keluarga adalah lebih baik atau tidak daripada Mahkamah Syariah tidak timbul kerana usaha yang dijalankan adalah untuk mempertingkatkan kecekapan jentera yang mengendalikan kes-kes kekeluargaan melalui langkah yang telah dinyatakan.

Di samping itu, usaha yang dijalankan oleh kementerian juga bertujuan untuk saling memperlengkapkan usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi kerajaan yang lain dalam memberikan perkhidmatan perundangan terbaik kepada keluarga.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Melalui kementerian yang sangat muda dan kerja yang terlalu banyak, soalan tambahan saya, saya ingin tahu pada umumnya, berapa peratus penghuni negara yang mempunyai masalah kepincangan keluarga. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum. Wallahua'lam. Itu sahaja saya boleh kata kerana masalah kepincangan keluarga itu selalunya adalah masalah peribadi melainkan ianya membabit perintah mahkamah atau kes-kes mahkamah ataupun ada laporan-laporan polis misal kata di bawah, dengan izin, *Domestic Violent Act*.

Kalau ianya dilaporkan maka kerajaan dapat mengumpul data. Namun begitu, Yang Berhormat Senator, di bawah kementerian ini, kita harap bahawa institusi keluarga dapat dimantapkan dan dikukuhkan lagi. Dan, diharapkan bahawa konflik-konflik keluarga dapat kita bendung di zaman dan era baru ini.

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah bilangan kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah masih banyak lagi? Dan, sekiranya ya, apakah sebab-sebab yang *pertinent*, dengan izin, yang menyebabkan bilangan yang banyak tertangguh di Mahkamah Syariah ini. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, angka terperinci yang diminta oleh Yang Berhormat Senator akan saya hantar secara bertulis kerana ia membabitkan keseluruhan negara dan negeri-negeri yang dimaksudkan. Namun begitu, saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam kita membuat penyediaan untuk Mahkamah Keluarga ini, didapati bahawa salah satu faktor yang menyebabkan kerumitan pengadilan di Mahkamah Syariah ialah kekurangan pegawai-pegawai dan Hakim-hakim Syarie.

Jadi, di antara rundingan kementerian dan juga JAKIM dan agensi-agensi lain, kita telah pun memberi kerjasama dan meminta kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya meramaikan, memberi lebih kuota untuk menentukan lebih ramai pegawai dan Hakim-hakim Syarie dihantar ke Mahkamah-mahkamah Syariah supaya kes-kes dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

4. **Tuan M. Ratnam** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan kementerian ialah satu kementerian yang bertanggungjawab dalam menggalakkan pembangunan industri kampung, apakah industri-industri kampung yang dimasukkan program kementerian untuk golongan miskin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang menggalakkan golongan miskin terlibat secara langsung dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Dan, kementerian tidak mengehendak mana-mana industri yang boleh diceburi oleh mereka. Apa yang penting ialah apa juga bidang yang mereka ceburi itu hendaklah mengikut keupayaan dan kecenderungan mereka dan di dalam sektor yang berdaya maju, berdaya tahan, mengeluarkan hasil dan pendapatan segera, mempunyai rangkaian pasaran yang terjamin dan beroperasi untuk berkembang.

Antara industri yang biasa diceburi oleh golongan miskin ialah pengeluaran pertanian terutamanya makanan, pemprosesan hasil pertanian, kraf tangan, perniagaan dan perkhidmatan, termasuk pelancongan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian membuat kajian pasaran luar negara, terutama sekali dari segi produk-produk yang boleh diklasifikasikan sebagai produk-produk kraf tangan, kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke pasar-pasar di Amerika atau di mana-mana, kita dapati banyak produk-produk serupa ini, daripada Filipina dan China. Jarang sekali kita dapati produk-produk ini daripada Malaysia. Jadi, adakah promosi dibuat ke arah itu? Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai kraf tangan, saya tidak berapa pasti mengenai fakta itu tetapi memang kami ada bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian iaitu melalui FAMA. Jadi, dari segi pengeluaran pertanian memang dibuat kajian pasaran. Dan, memang kementerian kami bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian untuk

menentukan pasaran dahulu sebelum kita menggalakkan khasnya pengusaha-pengusaha di luar bandar menceburi bidang pengeluaran tersebut.

Sebab pasaran ditentukan dahulu seperti ada suatu ketika, ayam – mengenai ternakan ayam kampung .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan kepada produk pertanian, tetapi produk-produk kraf tangan.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya tahu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Berertinya benda macam tanah liat, buat daripada mengkuang, bukan pertanian.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya tahu Yang Berhormat, tetapi saya kata kraf tangan tadi belum lagi saya ketahui tetapi saya memberi contoh apa yang kementerian ini buat bersama Kementerian Pertanian dan insya-Allah, lepas ini kita akan pergi pula kepada kraf tangan. Terima kasih.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita difahamkan bahawa projek industri kampung ini telah pun berjalan hampir 10 tahun, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa banyakkah projek industri kampung di seluruh negara yang telah dapat dimajukan dan boleh mendapat pasaran di seluruh negara ataupun di luar daripada negara.

Dan, yang kedua, apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha industri kampung sebab difahamkan selama ini pihak kementerian ada memberi bantuan berbentuk bantuan peralatan tetapi sehingga hari ini, saya tidak nampak bantuan itu disalurkan lagi. Jadi, itu soalan saya. Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dari soalan pertama tadi, sebab ini merangkumi juga kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Kementerian Pertanian, jadi data-data mengenai bagaimanakah prestasi sebelum ini, bagi industri-industri luar bandar itu saya belum adalah maklumat di sini.

Tetapi, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa memang sebelum tahun 1997, memang di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada memberi mesin secara percuma tetapi memandangkan pemberian mesin secara percuma ini tidak sangat memberi pulangan langsung bahkan ianya telah disalahgunakan, jadi mulai tahun lepas, ada skim baru yang telah digubal oleh

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, namanya Skim Pembiayaan Ekonomi Desa. Bermakna tidak percuma tetapi secara pinjaman.

Dan, ianya adalah mempunyai objektif untuk membangunkan pengusaha-pengusaha bumiputera luar bandar di dalam semua bidang ekonomi, bukan sahaja pinjaman mesin tetapi termasuk juga pinjaman modal kerja. Dan, ianya sekarang ini, kita membuat kerjasama dengan Bank Rakyat dan Bank Pembangunan dan pengusaha boleh meminjam seminimumnya RM20 ribu sehingga RM½ juta. Terima kasih.

5. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nama pertubuhan yang menerima bantuan wang daripada luar negara pada tahun 1999 dan 2000 dan nyatakan jumlah wang yang diterima.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa pertubuhan di negara kita yang menerima bantuan wang daripada luar negara. Di antaranya ialah Persatuan Pengguna Pulau Pinang, ALIRAN dan Sahabat Alam Malaysia.

Walaupun demikian, pertubuhan-pertubuhan ini tidaklah melakukan kesalahan daripada segi undang-undang kerana Akta Pertubuhan 1966 tidak menghalang penerimaan wang atau harta dari dalam atau luar negara. Menurut seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966, pertubuhan-pertubuhan tersebut hendaklah mencatatkan penerimaan wang atau harta daripada sumber-sumber di luar Malaysia dalam penyata tahunan yang akan dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan.

Oleh yang demikian, kerajaan dapat mengetahui pertubuhan-pertubuhan yang menerima sumber kewangan dari luar negara. Dan, sekiranya berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan sumber-sumber kewangan tersebut melakukanlah siasatan serta mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat terperanjat sekalilah kerana mendapat tahu daripada pihak kerajaan, mereka ini tidak melanggar mana-mana syarat. Dan, kalau saya dengar betul tadi, ALIRAN pun menerima sumbangan daripada negara-negara luar. Yang tidak disebutkan oleh pihak kementerian ialah Malaysiakini.com, yang juga di dalam surat khabar mengakui menerima daripada Soros secara tidak langsung.

Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, kalau ALIRAN menerima wang daripada luar dan kalau kita baca makalah-makalah daripada majalah ALIRAN,

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya begitu kritikal dengan politik negara, jadi, macam mana pula pihak Kementerian Dalam Negeri mengatakan ALIRAN dan juga Malaysiakini.com yang begitu kritikal juga kepada pihak negara tidak menyalahi dari segi syarat-syarat yang ditetapkan. Saya kurang faham.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Sebenarnya, di dalam jawapan saya ini tidak melibatkan isu Malaysiakini.com. Pada umumnya, di bawah Akta Pertubuhan 1966, seperti yang saya katakan tadi dalam jawapan asal, memang tidak menjadi satu kesalahan jika sesebuah pertubuhan walaupun didaftar di bawah akta ini menerima sumber kewangan daripada luar negara.

Apa yang penting sekali ialah pada setiap tahun segala penerimaan sama ada dalam negeri atau dari luar negara harus dicatatkan dalam penyata kewangan. Selepas mesyuarat tahunan diadakan, semua butir-butir ini akan dihantarkan kepada pendaftar pertubuhan untuk semakan.

Masalah sebab apa organisasi, macam ALIRAN boleh menerima sumber kewangan dari luar negara, ini pun bukan menjadikan satu masalah. Dan, yang penting ialah bagi sebuah organisasi macam ALIRAN, jika ALIRAN ini tidak bergerak mengikut tujuan-tujuan yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan, maka organisasi ini akan melakukan satu kesalahan.

Tetapi yang penting sekali ialah jika terdapat sebarang komplain atau aduan-aduan yang dikemukakan, pihak kerajaan berhak untuk menjalankan siasatan. Bagi pihak ALIRAN, kemungkinan, saya tidak tahu pada hari ini sebab saya tidak ada maklumat yang tepat, kemungkinan siasatan pernah diadakan tetapi sama ada pada akhirnya organisasi ini telah melakukan satu kesalahan atau tidak, saya tidak tahu buat masa ini. Kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh dapat banyak lagi maklumat yang lebih lanjut kepada Yang Berhormat. Tetapi yang penting sekali ialah kerajaan sentiasa menjalankan kerja-kerja pengawasan dan jika aduan diterima, maka dengan begitu pantasnya kerajaan akan menjalankan siasatan juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kemungkinan terdapat badan-badan menerima bantuan dari luar yang tidak melaporkan kepada kerajaan dan sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengenal pasti badan-badan ini supaya mereka

tidak dapat menjalankan kegiatan yang subversif, sebagai contoh. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat begitu banyak ribu persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang telah pun didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan tidak mungkin kerajaan dapat mengawas setiap organisasi ataupun pertubuhan. Kemungkinan ada.

Jika kita tidak menerima laporan atau tidak ada aduan terhadap mana-mana organisasi atau pertubuhan yang menerima sumber kewangan dari luar negara dan dalam penyata tahunan pun tidak menyebut demikian, kemungkinan ada, kerajaan tidak tahu. So, kita juga harap rakyat juga dapat memainkan peranan yang penting dan jika terdapat mana-mana pertubuhan yang menerima sumber kewangan, maka kerajaan kalau diberitahu, maka tindakan akan dikenakan terhadap pertubuhan berkenaan. Sekian.

6. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai kalangan bekas tentera yang telah memohon peluang perniagaan dan pinjaman di bawah projek PROSPER. Nyatakan berapa ramai pemohon bekas tentera yang berjaya berdasarkan kepada pernyataan yang telah diumumkan bahawa bekas tentera akan diberi keutamaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Usahawan Bumiputera dalam bidang Peruncitan (PROSPER) yang telah diumumkan pada 2 Ogos 2000 merupakan satu skim khas hasil dari resolusi Kongres Usahawan Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor perniagaan runcit.

Skim ini mengintegrasikan dan menyelaraskan pelbagai aspek perniagaan dengan objektif untuk membantu dan memudahkan perniagaan runcit. Kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk menjayakan skim ini termasuklah kemudahan sokongan modal, kemudahan premis, kemudahan pinjaman, bantuan pengurusan perakaunan, peluang perniagaan dan latihan.

Sehingga kini, seramai 1,693 calon telah mengikuti kursus ataupun bengkel program ini dan seramai 158 orang adalah bekas tentera. Satu program khas turut dianjurkan khusus bagi faedah pesara tentera iaitu program yang diberi nama Penempatan Pekerjaan dan Kaunseling Kerjaya Pesara Tentera.

Program ini berjaya menarik hampir 4,500 bakal atau bekas pesara tentera dan melibatkan penyertaan sebanyak 27 syarikat yang berpotensi seperti Airod Sdn.

Bhd. Kumpulan Guthrie Berhad, Kontena Nasional Berhad, Park May Berhad, PNB, PUNB dan lain-lain lagi.

Tujuan program ini adalah untuk menemukan majikan dengan bakal atau bekas pesara tentera berhubung dengan peluang-peluang pekerjaan yang ada di pasaran yang berpotensi untuk diceburi. Kini sistem PROSPER berada dalam landasan yang membolehkan PROSPER mewujudkan ramai bumiputera termasuk bekas tentera menjadi usahawan dalam masa yang terdekat.

Sehingga kini PROSPER telah meluluskan seramai 30 calon untuk menjalankan perniagaan masing-masing dan daripada jumlah itu 5 calon adalah daripada bekas tentera, sementara itu 11 lagi calon bekas tentera adalah dalam proses penilaian terakhir. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Soalan tambahan. Persatuan Bekas Tentera Malaysia ada mempunyai Dewan Perniagaan. Apakah pandangan Yang Berhormat jika Dewan Perniagaan mencadangkan mendapat kerjasama dengan PROSPER terutama dalam menyokong ahli-ahli yang layak untuk mendapat kemudahan PROSPER. Dewan akan menapis dan mengemukakan calon-calon yang benar-benar layak untuk mendapat kemudahan dengan PROSPER. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat yang juga bekas pesara tentera. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, setakat ini juga kita telah dapat menarik hampir 4,500 pesara tentera untuk menyertai program yang telah kita sediakan. Jika ada Dewan seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, saya kira itu satu cadangan yang baik dan kita boleh bincangkan untuk memberikan faedah kepada bekas tentera ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Soalan tambahan saya berkenaan PROSPER ini. Apakah kerajaan sedar bahawa apabila kerajaan mengumumkan secara *ad-hoc* PROSPER ini dilancarkan dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta, kemudian memakan masa hampir satu tahun hanya untuk meluluskan 30 calon dan melalui pelbagai proses, sebenarnya akan menidakkkan sasaran ataupun cadangan kerajaan untuk membantu usahawan khususnya usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan.

Kaedah yang diuruskan oleh PROSPER ini sebenarnya bukan cara business-oriented, dengan izin, dan apakah persediaan kerajaan untuk menyelesaikan masalah supaya modal ataupun dana yang diluluskan sebanyak RM500 juta akan

digunakan kepada ramai calon kerana mengikut kaedah yang berlaku sekarang ini beribu daripada pemohon telah merasakan dengan izin, fed-up dengan program ataupun kaedah yang diusahakan oleh PROSPER ini dan ini akan back-fire, dengan izin, kepada program-program kerajaan. Niatnya ikhlas tetapi pendekatan, kaedah, mekanismenya agak tidak berapa business-oriented, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat mengenai kaedah yang dilaksanakan oleh PROSPER. Setelah saya nyatakan di sini bahawa kaedah yang kita laksanakan buat masa kini, mungkin kalau perkara ini kurang memuaskan, kita sentiasa boleh merubahkan dasar-dasar kita kerana kita bukanlah kerajaan yang statik tetapi saya percaya cadangan yang dibuat dan pelaksanaan adalah mengambil kira pengalaman-pengalaman yang lepas-lepas di mana kadang-kadang kita dapat ramai usahawan yang kita bantu kadang-kadang tidak dapat mencapai matlamat dan tidak mampu membayar balik hutang-hutang.

Oleh itu, kaedah yang PROSPER lakukan bukannya untuk menyusahkan bumiputera tetapi untuk melatih bumiputera supaya lebih berjaya. Sebagai contoh, seramai 3,222 orang telah menghadiri personality test. Ertinya mesti hadir personality test dahulu, kita hendak temu duga dan hendak tengok latar belakang adakah betul-betul dia ini berminat di dalam bidang peruncitan. Daripada bilangan 3,222 yang menghadiri bengkel, hanya 1,653 orang yang hadir bengkel – dah separuh dah yang hadir bengkel.

Sewaktu hadir bengkel, kita sudah memberikan peluang-peluang perniagaan, memberi mereka kursus perakaunan, persediaan dan sebagainya dan apabila mereka ini sudah menghadiri bengkel kita meminta mereka menghantar proposal daripada hasil bengkel ini supaya hendak menilai sama ada mereka faham ataupun tidak untuk melaksanakan perniagaan ini. Daripada bilangan 193 yang hadir bengkel yang hantar proposal hanya 91 orang. Daripada proposal yang dihantar, kita buat penilaian sama ada proposal yang dibuat, tempat perniagaan dan sebagainya ini sesuai ataupun tidak.

Daripada 91 yang hantar proposal, kita hanya lulus, setakat ini baru 30 sahaja dan saya percaya cara ini memang susah. Sudah menjadi adat dunia, Tuan Yang di-Pertua, kalau susah dapat itu insya-Allah ia akan kekal lama. Kalau mudah dapat ini, orang Putih kata, easy come easy go.

Jadi, insya-Allah dengan cara ini kita akan latih tetapi kalau benar dakwaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli, menyebabkan back-fire ataupun fed-up

kepada usahawan-usahawan bumiputera kita mungkin akan kaji cara yang lebih berkesan demi untuk kepentingan dan kejayaan usahawan bumiputera. Terima kasih.

7. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah penyusunan bahagian berita dan hal ehwal semasa di RTM dilaksanakan dan apakah pembaharuan yang dilakukan agar orang ramai mendapat maklumat yang lebih jelas dan terkini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Melati. RTM telah memperkemaskan jadual kerja dan tugas di bahagian berita dan Hal Ehwal Semasa untuk laporan yang lebih meluas, komprehensif, efektif dan terkini.

Pembaharuan yang dilakukan ialah dengan pendekatan yang mementingkan identiti Malaysia yang bersifat multi-racial atau masyarakat majmuk dan menggambarkan bahawa parti dan rakyat bersama sebagai pendukung kerajaan dan tidak sekadarkan kerajaan didukung oleh kepimpinan negara. Maka itu, dalam semua pemberitaan, baik sosial, politik dan ekonomi, dijadikan sebagai satu dasar yang ditekankan kepada para wartawan di RTM sendiri bahawa semestinya mengemukakan penyertaan wajah-wajah berbilang kaum dalam isu-isu yang ditimbulkan atau dilaksanakan ataupun telah diumumkan. Sekurang-kurangnya ini dapat dilihat dengan jelas dalam temuramah kita dalam pelbagai isu.

Kita juga akan mengambil langkah supaya penyampai berita dan pemberita tidak hanya terdiri daripada satu kaum sahaja. Hanya dengan itu kita akan dapat meluaskan konsep siaran nasional dan pengertian bahasa Melayu sebagai bahasa bersama dan TV1 tidak hanya lagi merupakan TV hanya untuk orang Melayu.

Untuk menjadi lebih menarik berita dan juga Hal Ehwal Semasa juga tekah mewujudkan segmen baru dalam slot *Berita Perdana* nya pada setiap malam yang bertujuan untuk memberikan pendidikan, pengetahuan, analisis, panduan, hiburan dan penghayatan terhadap dasar-dasar yang telah dijalankan atau yang telah diumumkan.

Hal ini telah dimungkinkan untuk dilakukan mulai pada 1 April lalu apabila masa siaran Perdana telah menjadi satu jam. Sejak itu kita telah memastikan sukan dan ekonomi sebagai satu segmen yang pasti yang tidak boleh disingkirkan atau dibuang tetapi mesti ada pada setiap malam dalam *Berita Perdana*.

Di samping pada setiap malam, antara 5 hingga 10 minit dengan penambahan masa tadi, kita adakan segmen berikut dalam slot beritanya; iaitu pada hari Isnin kita mengadakan ke arah Malaysia bersih dan indah dengan pendedahan yang mana baik dan juga yang buruk untuk menggerakkan negara ke arah kebersihan dan keindahan.

Pada setiap hari Selasa kita mengadakan fokus, analisa berita dan sebagainya. Umpamanya, kita telah mengadakan 'program memperlekehkan ulama' dan juga tentang skim cepat kaya dan sebagainya.

Kemudian, pada hari Rabu kita mengadakan satu ruangan khas untuk usahawan Melayu. Kita menentengahkan usahawan-usahawan Melayu yang telah berjaya daripada bawah sehingga ke atas.

Kemudian, pada setiap hari Khamis kita mengadakan pembangunan dan pertanian. Semuanya antara 5 hingga 10 minit.

Pada hari Jumaat kita mengadakan ruangan pendidikan dan perubatan.

Kemudian, pada hari Sabtu kita mengadakan ruangan pendidikan dalam segmen berita juga.

Kemudian, pada hari Ahad kita mengadakan ruangan seni dan hiburan yang kita harap untuk mengembangkan seni tanah air terutamanya teater tanah air.

Kita juga mengadakan rancangan 30 minit setiap petang Jumaat yang juga mengemukakan komentar dari para pengarang akhbar yang kita angkat juga untuk siaran Berita Perdana pada malam Jumaat dan setakat ini telah muncul pengarang-pengarang daripada *Star*, *Bernama* dan sebagainya dan pengarang-pengarang akhbar lain juga akan muncul dalam ruangan ini.

RTM berharap menerusi beritanya juga akan dapat membangunkan kesedaran rakyat kepada menghayati dan menilai sejarah. Ini tidak akan tercapai kalau sekadarkan mengenangnya pada satu hari sahaja tetapi kita akan lakukan dengan penyusunan rancangan yang merupakan build up beberapa hari sebelumnya, umpamanya yang kita lakukan terhadap P. Ramlee sekarang ini. Ini juga akan kita lakukan kepada pemimpin-pemimpin negara seperti Tun Razak, Tunku, Sambanthan, Tun Tan Siew Sin dan juga pada hari-hari kebesaran lain umpamanya Hari Pahlawan, Hari Tentera, Hari Ibu, Hari Guru, Hari Polis dan sebagainya, ini akan menimbulkan suatu suasana yang dirasakan oleh rakyat dari segenap peringkat untuk mengenang untuk menjadi suatu bangsa yang besar.

Peranan sastera dan sasterawan dalam membangunkan kesedaran ini juga kita ambil berat dan kita ketengahkan umpamanya kita mengadakan segmen sajak dan pantun dalam berita itu sendiri yang telah mendapat sambutan dan aluan daripada orang ramai.

itulah sahaja penjelasan saya, insya-Allah, jika RTM terus komited dan bersungguh-sungguh dalam usaha ini dan dengan sokongan rakyat dalam empat lima tahun lagi barangkali kita dapat membangunkan suatu generasi baru yang berjiwa besar.

Pada setakat ini kita adalah suatu bangsa yang kaya tetapi banyak yang tidak bersyukur, miskin jiwa dan berfikiran tidak rasional.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya adakah pihak RTM sentiasa membuat kajian awal bagi satu-satu program diwujudkan untuk memenuhi minat penonton. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, hal ini kita lakukan dan kita lakukan berdasarkan daripada kajian dan research kemudian kita kemukakan dan kita mempelajari rancangan-rancangan yang telah tidak mendapat sambutan telah tidak muncul lagi. Tetapi sejak daripada pembaharuan dilakukan mulai April lalu, banyak telah kita ketengahkan program-program drama dan sebagainya dan juga agama dan yang lain-lain yang saya rasa lebih daripada *feedback* yang kita dapat adalah mendapat sambutan dan aluan yang baik daripada orang ramai.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya sebenarnya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun memberikan ruang dan minda yang lebih luas kepada penonton-penonton RTM. Tetapi saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, dari segi penampilan unsur-unsur sejagat seperti hak-hak asasi manusia dan juga dari segi proses pendemokrasian, adakah isu-isu dan nilai-nilai sejagat seperti ini juga dipamerkan bagi memberikan perbandingan antara apa sebenarnya yang berlaku di negara-negara yang pada umumnya menyatakan yang nilai-nilai sejagat ini kepunyaan mereka dan ingin hendak mengajar pula negara-negara macam Malaysia dan negara-negara baru yang lain tetapi sebenarnya apa yang berlaku di balik tabir nilai-nilai ini ialah perkara yang lebih buruk lagi daripada apa yang berlaku di Malaysia. Jadi, saya ingin mengetahui adakah *angle* ini juga dipamerkan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah yang telah kita lakukan secara yang saya kira tidak begitu terdedah tetapi dapat dirasakan

oleh rakyat, umpamanya kita telah mengadakan satu fokus demo krasi dan juga demonstrasi yang menunjukkan keadaan yang tidak aman, tidak tenteram di negara luar dan bagaimana kita hidup di sini. Umpamanya kita juga sedang merancang untuk menunjukkan bagaimana pembunuhan, demonstrasi, kekerasan berlaku di Filipina, bagaimana keadaan yang menggetarkan yang sedang berlaku di Indonesia tetapi kita mengadakan Malam Citrawarna yang gilang gemilang.

Kemudian yang terakhir ialah bagaimana suatu kejadian dapat kita ketengahkan kita utamakan malam tadi apa yang berlaku di Britain sendiri yang menjadi suatu negara yang mengagumkan kita kononnya dari segi hubungan kaum dan sebagainya dan mereka jugalah juara dalam mengemukakan pendapat-pendapat tentang hak asasi manusia tetapi telah menindas kaum-kaum yang lain yang juga ada di sana. Dan hal ini tidak akan berlaku kalau tidak ada penindasan kesampingan orang-orang yang bukan bangsa mereka di negara itu sendiri.

Jadi, kalau dalam hal ini, saya ingat dari masa ke semasa kita juga akan mengetengahkan perkara-perkara yang boleh mengimbangi pemikiran rakyat untuk melihat kita sebenarnya kita adalah tidak begitu buruk seperti yang digambarkan oleh akhbar-akhbar asing, media asing yang merasakan mereka selalunya adalah benar dan menganggap bahawa kita tidak benar.

Umpamanya, saya beri contoh lagi semalam ialah bahawa seruan supaya jangan menimbulkan isu-isu perkauman, kita dengar suara pemimpin Britain di British menyeru supaya jangan menimbulkan isu-isu sensitif, kita telah mengetengahkan ini pada tahun 1969 lagi. Tetapi siapa yang di depan, kita di depan ataupun mereka yang di belakang.

Jadi, inilah kita dari satu masa ke suatu masa kita akan mengadakan program yang menimbulkan kesedaran rakyat dan kebesaran diri mereka.

**8. Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan secara terperinci berkenaan perancangan pembangunan dan penstrukturan semula secara menyeluruh masalah setinggan dan perumahan yang tidak tersusun dan mesra rakyat.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah bagi mencapai matlamat setinggan sifar pada tahun 2005. Bagi maksud perancangan pembangunan

setinggalan, kementerian dengan kerjasama USM telah menjalankan bancian setinggalan dan kerajaan sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa Kabinet mengenai setinggalan kawasan Lembah Klang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di dalam perancangan pembangunan rumah kos rendah, cara untuk menyelesaikan masalah setinggalan yang biasanya diberi perhatian ialah dari segi keperluan, kemudahan-kemudahan sosial, pengagihan secara adil dan telus serta kemampuan.

Oleh yang demikian, penyediaan rumah kos rendah di bawah RMK-8 juga mengambil kira faktor kemampuan seperti rumah untuk disewa atau dibeli. Dalam RMK-7 sebanyak 14,751 unit rumah kos rendah telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin yang melibatkan peruntukan hampir RM600 juta.

Dalam Program Perumahan Rakyat Bersepadu sekarang sebanyak 51,853 unit rumah kos rendah dalam pelbagai peringkat pembinaan. Daripada jumlah tersebut 34,148 unit sedang dibina di Kuala Lumpur. Di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak 45,583 telah siap dibina, sementara itu sebanyak 129,598 unit rumah kos rendah telah siap dibina oleh sektor swasta dan koperasi serta 15,420 unit oleh sektor awam lain.

Pengagihan rumah-rumah tersebut dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer dengan keutamaan kepada rakyat berpendapatan rendah dan setinggalan. Sekian, terima kasih.

**Puan See Too Mee:** terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian membuat kajian tentang berapakah kawasan setinggalan yang didapati di seluruh negara kita dan berapakah peratusannya yang dicadangkan untuk penstrukturan semula pada setakat ini. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, kita telah minta kerjasama USM untuk menjalankan bancian setinggalan dan membuat kajian bersama dengan kerajaan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita semua sedia maklum, kawasan setinggalan memang berlaku berleluasa. Kita tidak tahu sama ada apakah kawasan setinggalan ini diduduki oleh seluruh kalangan rakyat negeri ini. Saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat, berapakah jumlah kalangan kawasan setinggalan daripada warganegara asing yang mendirikan tinggal di kawasan setinggalan dan juga jumlah kalangan rakyat negara ini yang mendirikan

rumah di kawasan setinggan. Bolehkah kementerian memberitahu kita, oleh kerana kita tahu banyak orang bercakap setinggan tumbuh seperti cendawan di mana-mana. Apakah jumlah ini kalangan jumlah rakyat tempatan, jumlah rakyat kalangan luar negeri dan adakah rumah yang dirancang oleh kerajaan rumah murah ini juga diberikan kepada rakyat dari luar negara yang tinggal dalam negara kita ini. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Kajian sedang dibuat berkenaan dengan angka beberapa orang setinggan rakyat Malaysia dan juga rakyat pendatang. Pada masa ini, kebanyakan rakyat pendatang mempunyai banyak rumah setinggan tetapi rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan dan swasta tidak diberi peluang kepada orang pendatang.

**9. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan tentang senario masa kini yang serius terhadap golongan muda yang kebanyakannya menentang kerajaan dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil untuk memastikan keadaan ini tidak berlarutan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari ada segelintir golongan muda yang menentang kerajaan. Umpamanya, golongan ini menyertai aktiviti-aktiviti kuang sihat yang dianjurkan oleh pihak pembangkang seperti perhimpunan haram, tunjuk perasaan dan sebagainya. Selain daripada itu, ada yang berpandangan bahawa keputusan pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar di institusi pengajian tinggi awam yang lalu juga menunjukkan seolah-olah golongan mahasiswa atau golongan muda menentang kerajaan apabila ada dakwaan yang mengatakan calonnya ditaja oleh pihak pembangkang mencapai kemenangan.

Kemenangan pemimpin-pemimpin pelajar yang dikatakan ditaja oleh pembangkang dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar atau berjaya menguasai persatuan, atau badan pelajar tidaklah boleh dijadikan ukuran. Ini adalah kerana peratusan mahasiswa yang membuang undi semasa pilihan raya kampus berlangsung adalah kecil, misalnya hanya sebanyak 31.6% pelajar Universiti Utara Malaysia yang keluar mengundi. 33% pelajar Universiti Putra Malaysia dan 44.25% pelajar Universiti Sains Malaysia yang keluar mengundi.

Jelaslah kemenangan ini bukannya memberikan gambaran bahawa golongan muda telah bangun menentang kerajaan. Walaupun golongan muda yang

menentang kerajaan tidak serius, sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu, kerajaan tetap mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan golongan muda tidak terpedaya dengan janji-janji yang manis dan hasutan pihak pembangkang mahupun pihak-pihak lain yang cemburu dengan kejayaan cemerlang Kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada melalui institusi-institusi pengajian, kerajaan juga melalui institusi latihan seperti Biro Tata Negara akan memberi atau mendedahkan maklumat yang sebenar mengenai negara dan keadaan semasa menerusi kursus-kursus, seminar-seminar dan lain-lain kepada golongan muda untuk difikir dan dipertimbangkan oleh mereka.

Kerajaan yakin golongan muda yang menentang kerajaan kerana terpedaya dengan janji manis dan hasutan pembangkang akan sedar dan insaf apabila menyedari yang mana intan dan yang mana kaca. Terima kasih.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa penuntut-penuntut yang menentang kerajaan ini, apabila mereka balik ke kampung mempengaruhi juga emak bapa mereka untuk menentang kerajaan sehingga di mana kawasan-kawasan yang majoritinya lebih 80% pengundinya orang Melayu, parti kerajaan mengalami masalah. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita kerajaan bukan sahaja sedar perkara ini berlaku, malah kita juga sedar ada juga pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dalam pilihan raya yang lepas, dalam pilihan raya yang kecil, semuanya ini kita sedar dan sebab itu seperti yang telah saya nyatakan tadi, bahawa untuk mengatasi masalah ini, maka pelajar-pelajar yang didapati kurang jelas mengenai dasar-dasar kerajaan dan juga perjuangan kerajaan, kita akan memberikan latihan-latihan dan apabila mereka ini telah mendapat menilai yang mana benar, yang mana tidak dan kita juga berharap mereka juga apabila balik ke kampung akan membetulkan balik fakta-fakta ini kepada ibu bapa dan juga masyarakat di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. baru-baru ini pihak kerajaan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin pelajar menerusi badan perundingan. Saya ingin mengetahui sejauh manakah sukses yang dicapai bagi menentukan pemimpin-pemimpin pelajar ini peka dengan kegiatan-kegiatan dan dasar-dasar kerajaan dan pada masa yang sama, untuk menentukan perundingan seperti ini dapat disebarluaskan. Adakah

pihak kerajaan menerusi RTM dan sebagainya akan mengambil pelajar-pelajar sebagai ahli-ahli panel dalam forum-forum tertentu seminggu sekali kerana mereka inilah merupakan generasi yang akan menentukan masa depan negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang benar baru-baru ini kita telah mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar di bawah badan perundingan pelajar yang mana badan ini telah pun diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan hari ini telah pun menjadi kenyataan dan baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat dan kita harap bahawa perjumpaan ini dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pelajar-pelajar akan dapat memberikan pandangan-pandangan mereka dan komen-komen mereka dan inilah akan menjadi platform kepada mereka sebagai mini Parlimen untuk semua pemimpin-pemimpin pelajar duduk berbincang dengan pimpinan tinggi negara dan kita harap apabila perkara ini dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang, sedikit sebanyak pelajar-pelajar ini akan dapat penjelasan-penjelasan yang lebih jelas dan kita juga harap bahawa dengan adanya penjelasan ini maka anggapan-anggapan negatif oleh pelajar kepada pihak kerajaan akan dapat kita hapuskan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menjemput pemimpin-pemimpin pelajar muncul di dalam rancangan-rancangan televisyen, saya kira ini juga merupakan cadangan yang baik dan saya percaya Kementerian Penerangan akan mengambil perhatian mengenai cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

10. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menyediakan kemudahan menganalisis kandungan racun pada sampel sayur-sayuran di Cameron Highlands dan kawasan terdekat bagi memendekkan tempoh ujian bahan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menyediakan kemudahan menganalisa kandungan racun perosak dalam sayur-sayuran di Cameron Highlands memandangkan terdapat dua makmal iaitu Jabatan Kimia Ipoh dan Makmal Kesihatan Awam Ipoh yang menyediakan kemudahan analisis ini bagi kawasan tersebut. Pada kebiasaannya laporan kimia dapat

dikeluarkan pada hari yang sama sekiranya sampel-sampel diterima pada waktu pagi untuk kes-kes yang memerlukan perhatian segera.

11. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah kementerian akan mencadangkan kepada Tenaga Nasional Berhad supaya mengkaji semula bayaran sambung semula bekalan elektrik iaitu sebanyak RM80.00 dan bayaran denda 1% atas jumlah bayaran elektrik oleh kerana kelewatan membayar bil.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad telah melaksanakan kadar caj sambungan semula bekalan elektrik yang baru dan mengenakan surcaj 1% ke atas pembayaran lewat bil elektrik mulai bulan September 2000. Oleh kerana ianya baru dilaksanakan, kerajaan tidak ada rancangan untuk mengkaji semula kedua-dua caj ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Poo Yew Choy:** Pendapatan bulanan mereka adalah begitu kurang, bolehkah pihak kerajaan bersimpati dengan mereka dan mengurangkan bayaran menyambung semula bekalan elektrik, oleh sebab tiap-tiap bulan mereka terpaksa membayar sewa gerai, membayar bekalan air, jika tambah RM80 untuk bayaran menyambung semula bekalan elektrik, bulan itu mereka tidak perlulah makan. *[Ketawa]* Pendapatan mereka kadangkala saya difahamkan ada RM300, RM400 dan kalau potong begitu banyak mana ada duit beli beras. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, caj sambungan RM80 adalah dikenakan ke atas pengguna syarikat perniagaan dan untuk pengguna-pengguna rumah cuma RM10 dan ini adalah cara untuk menggalakkan mereka supaya membayar pada masa yang ditetapkan dan tidak membebankan TNB dari segi kos atas pembayaran yang lewat ini.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan pengguna yang terlibat ialah syarikat-syarikat yang terlibat dan bukan kepada pengguna rumah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau tujuan TNB ialah untuk mencari lebih unsur-unsur kewangan, pada pandangan saya adalah lebih baik kalau mereka teruskan usaha ini melalui satu cadangan iaitu yang dinamakan power line, apakah komen kementerian tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat boleh ditimbangkan oleh kerana dia dapat menambahkan pendapatan bagi pihak TNB. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, power line itu merupakan satu teknologi di manakah data-data boleh disalurkan melalui talian atau kabel elektrik yang sedia ada dan ini merupakan satu teknologi yang masih dikaji oleh beberapa syarikat dan terdapat ketidakstabilan atas kajian yang tertentu, walaupun teknologi bertambah baik.

Ada cadangan berkenaan dengan power line ini dikeluarkan kerana penetrasi untuk elektrik adalah lebih daripada 9% di Semenanjung Malaysia berbanding dengan penetrasi talian telefon yang merupakan 2.3% dan mereka menganggap bahawa jika data disalurkan melalui kabel elektrik atau power line, mungkin komunikasi di antara negara ini boleh dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 26 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]***

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)**

**11.10 pagi.**

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:**

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu Usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

**merestui** usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu

dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan.”

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan bagi tempoh 2001 hingga 2005 untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini.

Baru-baru ini saya telah membentangkan di Dewan ini Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010 yang mengandungi Dasar Wawasan Negara. Dasar ini menggariskan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi dekad pertama millenium ini yang terus akan membawa negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Pada hari ini saya membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan yang meliputi tempoh 2001 hingga 2005 yang merupakan fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Saya yakin, insya-Allah, kita akan dapat mengatasi pelbagai cabaran yang akan dihadapi dengan pelaksanaan dasar dan strategi yang digariskan dalam dokumen ini serta bantuan semua pihak. Keyakinan ini berasaskan kepada kemampuan kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan memuaskan walaupun telah dilanda kegawatan ekonomi akibat krisis kewangan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh adalah membanggakan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) sebenar mencatat pertumbuhan purata 4.7% setahun melintasi sasaran yang dikaji semula sebanyak 3%. Kadar pengangguran terus kekal pada paras yang rendah kira-kira 3% manakala indeks harga pengguna turun kepada 1.6% pada tahun 2000.

Selain daripada merangsang penggunaan dan mengawal tekanan inflasi, langkah pemulihan ekonomi juga mewujudkan persekitaran yang stabil, persekitaran yang membolehkan sektor perbankan dan korporat melaksanakan program Penyusunan Semula dan Pembangunan, penubuhan pelbagai agensi bagi menguruskan Pinjaman Belum Berbayar (NPL). Permodalan semua bank dan penyusunan semula hutang korporat telah berjaya memperkukuhkan kedudukan sektor perbankan dan korporat di samping membantu sektor ini memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi yang lebih produktif.

Mengenai sektor luaran, akaun dagangan kita menunjukkan lebihan yang tertinggi iaitu sebanyak RM86.5 bilion pada tahun 1999. Hasil daripada prestasi

perdagangan yang cemerlang, akaun semasa telah pun meningkat dengan ketara dan berupaya mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan serta pembayaran pindahan bersih. Oleh itu, akaun semasa yang mengalami defisit semenjak tahun 1990 telah mencapai lebihan mulai tahun 1998 dan mencatat lebihan tertinggi sebanyak RM47.9 bilion pada tahun 1999 atau 17.1% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua pencapaian ini adalah hasil dari keputusan kerajaan untuk tidak meminjam dari IMF. Jika tidak, sudah tentulah negara ini berada di bawah telunjuk agensi itu. Walaupun kita telah berjaya memulihkan ekonomi dengan cara kita sendiri tetapi untuk memberangsangkan pemulihan ini, kerajaan terpaksa melaksanakan Dasar Pembangunan Fizikal dengan meningkat dan mempercepatkan perbelanjaan kerajaan bagi projek infrastruktur di samping memberi bonus kepada kakitangan kerajaan untuk memajukan penjualan runcit. Tindakan ini telah berjaya mengurangkan kesan kegawatan ke atas usaha pembasmian kemiskinan dan juga penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan terus menerajui usaha membasmi kemiskinan dengan melaksanakan projek-projek yang dapat menjana pendapatan dan menyediakan kemudahan bagi meningkatkan kualiti hidup golongan miskin. Program khusus bagi golongan miskin di bandar juga dilaksanakan seperti penempatan semula setinggan dan projek perumahan kos rendah untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.

Di samping itu, pertumbuhan ekonomi yang pesat sebelum pertengahan tahun 1997 dan pelaksanaan secara giat Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah membantu mengurangkan kadar ketermiskinan. Justeru itu, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia berkurangan daripada 8.7% pada tahun 1995 kepada 7.5% pada tahun 1999 dan peratusan rakyat termiskin turun daripada 2.1% kepada 1.4% sahaja dalam tempoh yang sama. Namun, kita sedar perjuangan kita untuk membasmi kemiskinan masih belum selesai dan perlu lagi diperhebatkan.

Kita juga telah mencapai kemajuan dalam penyusunan semula masyarakat terutamanya dari segi penyusunan semula guna tenaga dan pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dari segi pemilikan ekuiti korporat bagaimana pun peratusan hak milik korporat bumiputera telah berkurangan

daripada paras yang dicapai pada tahun 1995. Hak milik modal saham bumiputera telah merosot daripada 20.6% pada tahun 1995 kepada 19.1% pada tahun 1999.

Sementara itu pemilikan ekuiti bukan bumiputera juga turut berkurangan daripada 43.4% kepada 40.3%. Kemerosotan ini mencerminkan tidak adanya ketahanan ekonomi di kalangan orang kita sendiri terutamanya bumiputera untuk mengekalkan struktur pegangan ekuiti dalam tempoh yang sukar akibat krisis ekonomi yang melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan guna tenaga yang memberangsangkan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh telah membawa kepada keadaan pasaran buruh yang ketat. Bagi menangani keadaan ini pelbagai langkah telah diperkenal untuk meningkatkan penawaran tenaga kerja mahir termasuklah meningkatkan kapasiti pendidikan dan latihan terutamanya di sektor swasta serta menyediakan insentif bagi menambah kadar penyertaan tenaga buruh wanita. Usaha juga diambil untuk meningkatkan proses pengeluaran berintensif modal dengan menggalakkan firma mengguna pakai teknologi penjimatan buruh.

Kerajaan juga telah melaksanakan usaha untuk menambah peluang pendidikan dan latihan, hasilnya telah meningkatkan enrolment di semua peringkat pendidikan meliputi pendidikan prasekolah hinggalah ke peringkat ijazah.

Tumpuan khusus juga telah diberikan untuk merapatkan jurang prestasi antara sekolah luar bandar dan bandar dengan meningkatkan dan memperbaiki kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta menempatkan lebih ramai guru terlatih di sekolah-sekolah di luar bandar. Tiga buah universiti dan tiga buah politeknik baru telah dibuka bagi meningkatkan enrolment di institusi pendidikan awam di peringkat yang tinggi (tertiary). Sementara itu pelaksanaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah membolehkan sektor swasta turut menjadi penyediaan pendidikan tertiary yang utama. Selain daripada memberi peluang kepada rakyat Malaysia mengikuti pengajian peringkat tinggi dalam negara yang dapat menjimatkan pertukaran asing, infrastruktur pendidikan dan latihan yang disediakan dengan meluas juga telah dapat meraih pelajar asing untuk mendapatkan pendidikan di Malaysia. Perkembangan ini menyediakan asas yang kukuh bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 859,480 unit rumah telah dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan pencapaian ini merupakan pencapaian 107% daripada sasaran yang ditetapkan. Kerajaan telah memberi penekanan

khusus bagi mempercepat pelaksanaan program perumahan kos rendah. Dalam hubungan ini pelbagai langkah telah dilaksanakan termasuk keluasan tabung pusingan perumahan kos rendah dan penubuhan Syarikat Perumahan Negara Berhad serta melaksanakan program perumahan rakyat bersepadu bagi menempatkan semula setinggan di kawasan bandar. Keluasan perkhidmatan pencegahan dan penggalakan kesihatan seperti kempen gaya hidup sihat, peningkatan liputan program pelalian, perkhidmatan kesihatan sekolah serta penyediaan air bersih dan sanitasi di kawasan luar bandar telah meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan terus menjadi strategi utama untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara. Penswastaaan telah menyediakan peluang pekerjaan yang sebahagian besarnya memerlukan kemahiran baru dan juga memerlukan teknologi yang lebih canggih. Melalui penswastaaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah berjaya menjimatkan perbelanjaan modal berjumlah RM49.2 bilion manakala hasil yang diperolehi daripada penjualan ekuiti dan asset berjumlah RM4.4 bilion. Penjimatan ini membolehkan kerajaan menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan sosial seperti pendidikan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada rakyat terutamanya isi rumah miskin yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, cabaran utama yang akan kita hadapi ialah melaksanakan Dasar Wawasan Negara bagi memperkukuhkan keupayaan, kebolehan dan keazaman negara mengharungi cabaran-cabaran masa depan. Pada masa yang sama, matlamat mencapai perpaduan negara akan terus diutamakan. Selaras dengan matlamat ini tema Rancangan Malaysia Kelapan adalah mencapai pertumbuhan mampan yang berdaya tahan. Dalam hubungan ini tiga teras utama Rancangan Malaysia Kelapan adalah mengubah strategi pertumbuhan daripada strategi berasaskan input kepada strategi yang didorong oleh pengetahuan bagi meningkatkan potensi pertumbuhan pengeluaran, mempercepatkan perubahan struktur sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta memperkukuhkan kestabilan sosioekonomi menerusi pengagihan pendapatan dan kekayaan negara secara saksama.

Pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan ini akan meliputi semua sector dan melibatkan segenap lapisan rakyat. Ini bermakna bahawa kandungan

pengetahuan bagi semua aktiviti ekonomi sama ada dalam sektor pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan kerajaan perlu dipertingkatkan bagi memperkukuhkan lagi nilai ditambah dan keluaran negara. Matlamat akhir pembangunan ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, justeru itu kerajaan akan terus memastikan semua rakyat akan diberi peluang dan kesempatan yang sama untuk melibatkan diri dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Usaha akan ditumpukan kepada penyediaan peluang pendidikan yang lebih baik khususnya di kawasan luar bandar serta peningkatan accessibility rakyat kepada kemudahan-kemudahan kesihatan yang lebih baik daripada penyediaan perumahan yang mampu dimiliki atau disewa oleh rakyat.

Kita juga akan menggalakkan gaya hidup yang sihat serta menyediakan kemudahan-kemudahan kebudayaan dan rekreasi yang lebih banyak bagi membolehkan rakyat menikmati aspek kehidupan yang lebih baik. Penyertaan dalam sukan juga akan digalakkan bagi memperkukuhkan semangat perpaduan dan setia kawan di kalangan rakyat kita. Kerajaan juga akan mengambil langkah untuk memastikan masyarakat kita berdaya tahan bagi menghadapi pengaruh negatif yang mungkin merosakkan moral serta menjejaskan keharmonian dan toleransi di kalangan rakyat. Bagi mencapai hasrat tersebut strategi utama adalah bagi memperkukuhkan nilai hidup, nilai moral dan etika di kalangan rakyat dengan menanamkan semangat membentuk satu identiti bersama dan bangga terhadap negara di kalangan segenap lapisan rakyat. Penekanan yang lebih akan diberi bagi memupuk dan juga menyemai nilai-nilai positif terutamanya di kalangan belia menerusi pelaksana program seperti program rakan muda.

Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan asas ekonomi makro dan sektor kewangan serta prestasi ekonomi yang mantap pada tahun 2000 akan menyediakan asas untuk menyediakan pertumbuhan yang tinggi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. KDNK dijangka berkembang pada kadar purata 7.5% setahun dengan kadar inflasi yang rendah. Senario untuk tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kelapan menunjukkan bahawa penggunaan swasta sebenarnya diunjur meningkat sebanyak 7.4% setahun selaras dengan jangkaan peningkatan dalam pendapatan per kapita daripada RM13,360 pada tahun 2000 kepada RM17,800 pada tahun 2005. Penggunaan swasta per kapita dijangka meningkat daripada RM6,200 pada tahun 2000 kepada RM9,070 pada tahun 2005 berikutan peningkatan dalam pendapatan boleh guna.

Pelaburan swasta akan terus menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi dengan pertumbuhan purata sebanyak 19% setahun. Bahagian pelaburan swasta kepada jumlah pelaburan dijangka mencapai 68.7% pada tahun 2005. Dalam tempoh rancangan pasaran modal terutamanya pasaran sekuriti dan hutang swasta atau dengan izin, *private debt security market* serta tabung pencen dan kumpulan yang merupakan sumber pembiayaan yang penting bagi pelaburan sektor ekonomi yang produktif. Pelaburan asing juga akan terus merupakan sumber pembiayaan yang penting meskipun peratusnya kepada jumlah pelaburan dijangka merosot, berikutan jangkaan pertumbuhan pelaburan dalam negeri yang lebih tinggi dan peningkatan persaingan di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan pelaburan langsung asing atau, dengan izin, FDI.

Sumbangan produktif ini faktor keseluruhan DFP sebagai sumber pertumbuhan akan terus dipertingkatkan dalam tempoh rancangan ini. Ini merupakan perubahan sektor yang meluas untuk meningkatkan kecekapan ekonomi. Perubahan ini termasuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pengurusan, menambahkan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta meningkatkan penggunaan teknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi ICT dalam semua sektor ekonomi. Sehubungan dengan ini sektor swasta akan digalakkan untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar terutamanya dari segi P&P serta inovasi produk. Prestasi eksport Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang dijangka baik. Nilai eksport kasar diunjur berkembang pada kadar purata 7.9% setahun. Eksport Malaysia dijangka dapat menembusi pasaran yang lebih luas dengan liberalisasi perdagangan bagi barangan dan perkhidmatan yang dijadualkan di bawah pertumbuhan perdagangan dunia WTO serta komitmen untuk mengurangkan tarif di bawah peraturan perdagangan dua hala dan serantau. Bagi mencapai tujuan ini Malaysia perlu meningkatkan daya saing keluarannya menerusi peningkatan produktiviti dan kualiti. Antara langkah yang akan diambil termasuk menubuhkan pusat perdagangan trading houses, dengan izin, yang akan menyediakan perkhidmatan sokongan untuk mempromosikan keluaran eksport Malaysia.

Pada masa yang sama import kasar yang merangkumi barangan modal bahan perantaraan dijangka berkembang pada kadar 10.2% setahun. Langkah yang bersesuaian akan diambil untuk mengurangkan intensif import dengan meningkatkan pengeluaran barangan modal dan perantaraan termasuk alat ganti dan komponen selaras dengan usaha kita untuk membendung inflasi yang diimport

dan mempromosikan kempen beli barangan buatan Malaysia. Pengimportan barangan pengguna dijangka meningkat dengan lebih sederhana. Sepanjang tempoh rancangan, akaun semasa imbalan pembayaran dijangka terus mencapai lebih walaupun pada kadar yang menurun. Manakala akaun dagangan imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih sebanyak 17.4% daripada KNK. Walau bagaimanapun, akaun perkhidmatan akan terus mengalami defisit sebanyak 11.4%.

Langkah yang bersesuaian juga akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit yang besar dalam akaun perkhidmatan. Pendapatan tukaran asing dijangka meningkat hasil daripada sumbangan sektor perkhidmatan pelancongan, pendidikan, perkapalan serta insurans kewangan dan khidmat pakar runding. Dalam tempoh rancangan, usaha akan terus diambil bagi mengekalkan inflasi pada kadar yang rendah. Bagi maksud ini langkah untuk memperkukuhkan pengeluaran makanan dalam negeri akan terus dilaksanakan terutamanya dengan menyediakan tanah yang sesuai dan menggalakkan inisiatif bersama sektor awam dan swasta bagi meningkatkan bekalan makanan dan seterusnya mengurangkan import. Sektor awam akan terus memberi tumpuan kepada peranannya untuk terus membantu meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke lapan.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat secara sederhana dengan pengurusan fizikalnya yang berhemat dan penggunaan sumber yang cekap. Sementara itu perbelanjaan pembangunan di sektor awam dijangka meningkat daripada RM222.9 bilion bagi Rancangan Malaysia Ketujuh kepada RM253.4 bilion bagi Rancangan Malaysia Kelapan. Daripada jumlah ini, RM110 bilion atau 43.4% merupakan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan RM109.4 bilion atau 43.2% adalah perbelanjaan pembangunan bagi perusahaan awam bukan kerajaan (PABK). Walaupun paras mutlak perbelanjaan pembangunan sektor awam dalam nilai semasa adalah lebih besar berbanding dengan perbelanjaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi daripada segi nilai sebenar ia adalah lebih rendah selaras dengan dasar mengurangkan dalam sektor awam dalam aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pembasmian kemiskinan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% menjelang tahun 2005. Program pembasmian kemiskinan akan mempunyai sasaran yang lebih khusus bagi menangani masalah kelompok kecil miskin terutama ianya di kawasan-kawasan

pedalaman dan di kalangan orang-orang Asli, juga golongan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pertumbuhan ekonomi yang diramalkan kukuh dalam tempoh rancangan dijangka mewujudkan lebih banyak peluang kepada golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan dan membolehkan mereka keluar daripada belunggu kemiskinan. Selain dari itu kerajaan akan mempergiatkan usaha bagi memastikan golongan miskin dan berpendapatan rendah juga mendapat manfaat daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan, perkhidmatan, kesihatan, perumahan dan penyediaan kemudahan awam yang tinggi mutunya.

Bagi menangani masalah kelompok kecil miskin di bandar dan kawasan pinggirannya, kerajaan akan melaksanakan program-program seperti penyediaan perumahan dan kemudahan awam serta peluang-peluang untuk menambahkan lagi pendapatan.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan akan melaksanakan program menempatkan semula setinggan. Di samping itu, pendekatan bersepadu yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan akan diteruskan melalui program seperti Pembangunan Bersepadu Untuk Masyarakat Bandar, Pusat Rahmat, Projek Harapan dan Skim Khas Ibu Tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus menangani isu ketidakseimbangan pendapatan terutamanya antara dan dalam kumpulan etnik, kumpulan pendapatan, sektor ekonomi wilayah dan negeri. Langkah juga akan diambil bagi menggalakkan pekebun kecil dan petani terutamanya yang mempunyai tanah bersaiz kecil dan tidak ekonomi untuk mempelbagaikan kegiatan mereka seperti dalam aktiviti akuakultur dan ternakan serta aktiviti bukan pertanian yang boleh menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, kerajaan akan mewujudkan mekanisme menambahkan lagi pendapatan bagi melindungi pekebun kecil dalam tempoh kejatuhan harga komoditi yang teruk di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penyusunan semula hak milik sektor korporat, kerajaan akan mempelbagaikan usaha untuk memperbaiki penyertaan berkesan di kalangan bumiputera serta meningkatkan pemilikan modal saham kepada sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010. Sehubungan dengan ini, program yang menyediakan peluang kepada usahawan muda dan pengurus korporat yang berpotensi khususnya dalam sektor moden dan strategik akan diperkukuhkan lagi.

Memandangkan syarikat bumiputera secara relatif telah banyak menceburi sektor pembinaan, pengangkutan dan pertanian, mereka akan digalakkan untuk mempelbagaikan penyertaan dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Selain daripada menentukan sasaran kuantitatif, agenda penting adalah untuk meningkatkan daya tahan bumiputera bagi membolehkan mereka mengekalkan pemilikan ekuiti korporat dan tidak terdorong untuk melepaskannya bagi tujuan keuntungan jangka pendek atau semasa negara mengalami kemerosotan ekonomi.

Perlaksanaan strategi dan program untuk menyusun semula guna tenaga dalam pelbagai sektor dan pekerjaan akan dipertingkatkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Di antaranya termasuklah usaha memperbaikiimbangan guna tenaga bumiputera dan juga bukan bumiputera dalam sektor awam dan swasta. Ianya memerlukan pendekatan bersepadu daripada kedua-dua sektor tersebut.

Penumpuan bukan bumiputera dalam sektor swasta dan bumiputera dalam sektor awam akan dikurangkan dengan menambah bilangan bukan bumiputera dalam sektor awam dan dengan sektor swasta mengambil lebih ramai lagi bumiputera dalam pengurusan dan penyeliaan perusahaan dan perniagaan mereka.

Bagi mencapai objektif penyusunan semula guna tenaga, pendidikan dan latihan juga akan terus memainkan peranan yang penting. Dalam hubungan ini, lebih banyak tempat-tempat akan disediakan kepada pelajar-pelajar bumiputera yang berkelayakan di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta terutamanya dalam kursus-kursus sains, ICT serta kursus-kursus profesional yang lain.

Tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan pencapaian pelajar bumiputera terutamanya dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Sehubungan ini, pelajar bukan bumiputera tidak perlu kawatir kerana kerajaan akan bertindak secara adil dan mana-mana sahaja yang mendapat keputusan yang cemerlang akan mendapat peluang untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat tertiary.

Tuan Yang di-Pertua, program-program bagi membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (BCIC) atau MPPB, akan lebih tertumpu kepada usaha mewujudkan usahawan bumiputera yang lebih berdaya tahan, berdikari dan bertaraf dunia. Program latihan keusahawanan akan dipergiatkan bagi

melahirkan golongan teknopreneur bumiputera, dengan izin, dan membolehkan usahawan bumiputera menghadapi cabaran globalisasi dan menggunakan lebih banyak kandungan pengetahuan dalam aktiviti mereka.

Di samping itu, program latihan ini akan memupuk nilai positif seperti amanah, rajin dan disiplin yang merupakan sifat penting untuk melahirkan usahawan bumiputera yang berjaya. Bagi maksud ini, Institut Keusahawanan Negara (IKN) akan ditubuhkan sebagai pusat untuk menjalankan perancangan strategik mengenai keusahawanan, risikan pasaran, R&D atau P&P, pembangunan kurikulum, rangkaian perniagaan dan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi utama Rancangan Malaysia Kelapan ialah mewujudkan asas sumber manusia yang kukuh yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Bagi membolehkan Malaysia merapatkan jurang pembangunan dengan negara maju dalam dekad ini, adalah penting bagi pertumbuhan ekonomi negara didorong oleh produktiviti.

Untuk tujuan ini, usaha akan dipergiatkan lagi bagi menambah kapasiti institusi pendidikan dan latihan dengan memberi penekanan yang lebih dalam meningkatkan penawaran tenaga manusia dalam bidang sains dan juga dalam bidang teknologi. Selaras dengan itu, kapasiti program pendidikan dan latihan berkaitan sains dan teknologi di peringkat tinggi akan dipertingkatkan untuk mempercepatkan pencapaian nisbah 60:40 pelajar aliran sains kepada sastera.

Bagi mencapai objektif ini, sistem pendidikan dan latihan akan diubah suai untuk memastikan graduan daripada institusi pendidikan tinggi dapat memenuhi keperluan pengetahuan dan teknologi baru bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan lagi daya saing.

Sistem pendidikan dan latihan akan juga memberi tumpuan kepada usaha memupuk daya cipta dan kemahiran kognitif untuk melahirkan tenaga manusia yang tinggi pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan serba boleh, di samping sanggup belajar secara berterusan serta mempunyai kecekapan usahawan teknologi. Selaras dengan amalan dan dasar pendidikan dan latihan yang lebih liberal, sektor swasta akan terus berperanan sebagai penyelia utama pendidikan dan latihan terutamanya di peringkat tertiary

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, kekurangan tenaga buruh sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh telah menyebabkan

ekonomi mengalami pasaran tenaga buruh yang ketat dan tekanan ke atas upah. Negara dijangka terus mengalami kekurangan pekerja berkemahiran tinggi terutamanya tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Dalam hal ini, kerajaan akan juga menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat melalui penggunaan ICT seperti pembelajaran jarak jauh dan menerusi laman web serta penubuhan kolej komuniti di seluruh negara.

Beberapa inisiatif akan juga dilaksanakan untuk mendorong lebih banyak syarikat terutamanya usahawan kecil dan sederhana menggunakan proses pengeluaran berintensif modal dan mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan. Di antaranya yang penting adalah menggalakkan lebih ramai wanita terutamanya yang mempunyai pendidikan tertiary untuk memasuki dan kekal dalam pasaran buruh.

Bagi mencapai tujuan ini, pindaan selanjutnya ke atas Akta Pekerjaan 1955 akan mengambil kira kaedah kerja yang baru seperti tele-kerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Pindaan akta ini juga akan menggalakkan penubuhan taman asuhan dan didikan kanak-kanak di kawasan tempat tinggal serta memastikan peluang latihan yang lebih baik. Pesara yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai juga akan dipertimbangkan untuk bekerja semula mengikut keperluan.

Satu lagi isu penting yang perlu diberi penekanan adalah kenaikan upah mestilah setimpal dengan peningkatan produktiviti. Peningkatan upah yang tidak selaras dengan penambahan produktiviti akan menyebabkan tekanan inflasi dan menjejaskan daya saing keluaran negara di pasaran antarabangsa dalam jangka panjang. Oleh itu, kerajaan akan menggalakkan syarikat-syarikat mempercepatkan pelaksanaan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti bagi memastikan pergerakan upah adalah selari dengan peningkatan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar purata 8.9% setahun dan sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 35.8% pada tahun 2005. Momentum pertumbuhan sektor pembuatan akan terus dikekalkan melalui pembangunan industri yang berkeupayaan memenuhi permintaan pengguna yang semakin kompleks, membentuk pakatan strategik dan membangunkan kelompok industri yang dinamik.

Pemindahan teknologi serta peningkatan aktiviti R&D atau P&P dijangka dapat membentuk lebih banyak lagi rantaian yang kukuh antara perusahaan besar dengan perusahaan kecil dan sederhana dan dengan itu dapat mengukuhkan lagi pertumbuhan sektor pembuatan. Dalam tempoh Rancangan, adalah penting bagi kita memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Usaha yang bersungguh-sungguh akan diambil bagi meningkatkan taraf hidup petani dan pekebun-pekebun kecil akan diambil bagi meningkatkan taraf dan juga pekebun-pekebun kecil melalui perladangan yang lebih teratur dan produktif. Langkah baru perlu digubal dan dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti serta menyumbang kepada penambahan pendapatan petani dan juga pekebun kecil.

Di samping usaha meningkatkan pengeluaran makanan, sumber pertumbuhan baru seperti buluh, rotan, bunga-bunga, herba, tumbuhan ubat-ubatan dan ikan hiasan akan juga digalakkan.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 7.7% di dalam tempoh rancangan. Tiga sektor kecil terutama yang dijangka mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi adalah pengangkutan, penyimpanan dan juga komunikasi, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan serta sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran.

Sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran akan dirangsang oleh peningkatan pendapatan serta usaha bersepadu untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan pusat membeli-belah utama. Dalam usaha berkaitan termasuklah menjadi tuan rumah acara sukan utama, mempromosikan Malaysia sebagai pusat utama untuk mesyuarat, persidangan dan pameran serta menganjur aktiviti yang berdasarkan peristiwa di sepanjang tahun. Usaha juga akan dilaksanakan bagi mempromosikan pelancongan dalam negeri terutamanya untuk mengambil peluang cuti dua hari Sabtu setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk lima tahun akan datang, tumpuan kita adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai *hub* ICT, dengan izin, dan multimedia di peringkat global. Dalam hubungan ini, infrastruktur ICT akan dinaik taraf. Infrastruktur ICT juga akan diperluaskan ke kawasan luar bandar bagi merapatkan lagi jurang digital.

Antara program yang akan dilaksanakan termasuk Info Desa dan Internet Desa yang menawarkan kursus kesedaran dan latihan. Kerajaan akan terus membantu memperkenalkan perkhidmatan yang baru dan berinovatif dalam industri komunikasi dan juga multimedia.

Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) Gelombang Pertama akan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan setelah kerajaan menentukan keberkesanan pelaksanaannya. Konsep sekolah bestari akan diperluaskan untuk merangkumi 8,000 sekolah, manakala tele-kesihatan akan dilaksanakan di Pusat Penjagaan Kesihatan dan Klinik Desa. Agenda masa hadapan melibatkan pelaksanaan Aplikasi Perdana Gelombang Kedua yang akan memberi tumpuan kepada usaha menarik pemaju teknologi tercanggih dan terkini serta menggalakkan aktiviti P&P dan pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan alam sekitar dan kesannya terhadap kehidupan kita akan terus ditekankan oleh kerajaan. Usaha-usaha sewajarnya akan diambil bagi meningkatkan kualiti udara dan air, mengurus sisa pepejal dan buangan industri dengan cekap, membangun persekitaran bandar yang sihat serta memelihara habitat dan sumber semula jadi.

Sektor awam dan sektor swasta perlu sedar bahawa pemuliharaan alam sekitar merupakan tanggungjawab semua pihak dan kita perlu berusaha secara bersama mengawal pencemaran dan kemerosotan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Rancangan Malaysia Kelapan adalah RM110 bilion. Sektor ekonomi akan diberi peruntukan yang terbesar sebanyak RM50.5 bilion atau 45.9% daripada jumlah peruntukan di mana sektor pengangkutan dan komunikasi serta sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian menerima sebahagian besarnya. Sektor sosial akan diperuntukkan RM37.0 bilion atau 34.1% yang mana lebih daripada separuh adalah untuk pendidikan dan latihan. Sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak RM10.8 bilion atau 9.8% manakala sektor pentadbiran am sebanyak RM11.2 bilion atau 10.2% daripada jumlah peruntukan.

Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar, langkah akan diambil untuk mengubah kawasan luar bandar supaya menjadi lebih baik, *conducive* kepada pelaburan serta membina kehidupan desa yang lebih menarik di mana rakyat dapat menikmati pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur berkualiti di samping perkhidmatan sosial yang lebih baik. Oleh itu, kerajaan memperuntukkan sebanyak

RM13.2 bilion untuk program pembangunan luar bandar. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan disalurkan untuk pembangunan tanah, pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan pelbagai infrastruktur fizikal dan sosial termasuk jalan luar bandar serta bekalan elektrik dan air. Dari segi infrastruktur, teras pembangunannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan adalah untuk menaik taraf dan menambah kemudahan infrastruktur terutamanya di kawasan kurang maju serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan di kawasan bandar. Sebahagian besar daripada peruntukannya adalah bagi membangunkan sektor pengangkutan dari segi pembangunan jalan baru bagi membuka koridor pertumbuhan serta meningkatkan perhubungan ke kawasan luar bandar.

Untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar utama, pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan berdaya serta sistem pengangkutan pintar akan dilaksanakan. Keupayaan dan kecekapan perkhidmatan rel akan dipertingkatkan dengan pelaksanaan projek landasan elektrik berkembar dari Rawang ke Ipoh dan seterusnya ke Padang Besar di Utara dan dari Seremban ke Johor Bahru Selatan. Untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah, keupayaan dan kecekapan pelaburan dan lapangan terbang juga akan dipertingkatkan. Bagi memastikan bekalan air bersih yang berterusan dan mapan dalam jangka panjang, pembangunan dan pemeliharaan sumber air negara akan disepadukan dengan kerjasama dan penyelarasan yang lebih erat di wujudkan di peringkat persekutuan dan negeri serta pengusaha industri.

Oleh itu, sebanyak RM4 bilion akan diperuntukkan untuk melaksanakan projek penyaluran air antara negeri, membina dan menaik taraf loji rawatan air serta mengurangkan kehilangan dan pembaziran air. Bagi memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan pembedungan, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion untuk membangun dan membaik pulih loji rawatan pembedungan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas penggunaan peruntukan bagi sektor sosial. Peruntukan pembangunan bagi pendidikan dan latihan akan digunakan bagi menambah peluang dan memperbaiki kualiti pendidikan dan latihan terutama untuk memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan. Kapasiti program pendidikan dan latihan dalam bidang sains dan bidang berkaitan teknologi akan diperluaskan. Untuk meningkatkan pencapaian, pelajar di sekolah

luar bandar dan kawasan pendalaman, langkah akan diambil untuk menambah dan menaik taraf kemudahan serta perkhidmatan sokongan pembelajaran.

Di peringkat pendidikan tinggi, peruntukan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan ditambah untuk membiayai lebih ramai pelajar termasuk pelajar di institusi pengajian tinggi swasta. Pinjaman juga akan diberi kepada pelajar-pelajar yang mengikuti latihan di institusi latihan kemahiran, di samping itu beberapa universiti, politeknik dan institusi latihan kemahiran baru akan juga dibina. Bagi perkhidmatan kesihatan, tumpuan akan diberi bagi memperluaskan skop dan liputan serta mempergiatkan pelaksanaan perkhidmatan penggalakan, pencegahan, penyembuhan dan pemulihan. Perumahan dan perkhidmatan sosial lain akan terus diberi keutamaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan menyumbang kepada pembentukan masyarakat penyayang. Keutamaan juga akan terus diberi untuk pembangunan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Pembangunan rumah kos rendah akan dipercepat untuk memastikan rakyat yang berkelayakan akan disediakan rumah sama ada untuk disewa atau dijual kepada mereka.

Kita telah berjaya memulihkan semula ekonomi daripada kegawatan serta membangunkan dengan lebih pesat kerana kita mempunyai asas yang kukuh bagi pertumbuhan yang pesat dan mapan yang telah dibina sejak beberapa dekad yang lepas. Semua angka menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia bukan sahaja telah pulih tetapi pulih lebih baik dari negara-negara lain yang terlibat di rantau ini [*Tepuk*] Setelah KDNK menguncup sebanyak 7.4% pada tahun 1998, pertumbuhan sebanyak 5.8% dicapai pada tahun 1999 dan 8.5% pada tahun 2000. Rizab asing negara telah meningkat daripada USD20 bilion pada tahun 1997 kepada USD27 bilion sekarang. Pengangguran berada di sekitar 3% dan inflasi adalah rendah. Pendapatan per kapita meningkat daripada RM12,160 tahun 1998 kepada RM13,360 pada tahun 2000.

Walaupun kerajaan menjangka pertumbuhan ekonomi pada tahun ini akan merosot berbanding dengan tahun lepas kerana keadaan ekonomi di Amerika Syarikat yang tidak memberangsangkan, beberapa langkah termasuk Dasar Pengembangan Fizikal telah diperkenalkan untuk meningkatkan penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi negara kepada ekonomi Amerika Syarikat, kerajaan juga akan memperluaskan pasaran sasaran bagi eksport. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah awal yang diambil

akan dapat melindungi ekonomi negara daripada kegawatan seumpama yang pernah kita tempuhi yang tercetus pada tahun 1998.

Kejayaan Rancangan Malaysia Kelapan akan bergantung kepada pelaksanaan program-program yang telah pun digariskan. Tanpa pelaksanaan yang cekap, cepat dan telus segala pembangunan dan kenaikan taraf hidup yang dikehendaki tidak akan tercapai. Jika projek-projek yang ditetapkan tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin matlamat untuk mendapatkan kesan berganda daripada pelaburan awam yang boleh merangsangkan sektor swasta akan gagal. Segala pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan juga harus berpegang kepada prinsip ketelusan dan penyelewengan ataupun perbuatan rasuah bukan sahaja salah dari segi undang-undang tetapi ia menaikkan kos pembangunan dan mewujudkan pasaran yang tidak efisien.

Untuk memastikan tadbir urus kerajaan yang baik dan utuh dipatuhi oleh semua jabatan dan agensi pelaksana, kerajaan berharap bahawa anggota-anggota perkhidmatan awam dapat memainkan peranan yang penting. Tanpa adanya pegawai-pegawai yang cekap, berdedikasi dan bertanggungjawab dan yang berpegang kepada prinsip-prinsip yang menghindari amalan rasuah, penyelewengan dan kelemahan disiplin, segala rancangan akan gagal di peringkat pelaksanaan. Atas sebab ini kerajaan mengucapkan tahniah kepada sektor perkhidmatan awam yang telah melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan berjaya [*Tepuk*]. Saya juga berharap bahawa tahap kecemerlangan ini bukan sahaja dapat dikekalkan pada Rancangan Malaysia Kelapan, malah akan dapat ditingkatkan lagi. Kecemerlangan ini menjadi salah satu lambang *good governance*, dengan izin, yang sentiasa diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaan projek-projek dan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sedang diuruskan iaitu melaksanakan sistem memantau projek atau *project monitoring system* dengan izin. Projek-projek di bawah *e-government* juga dalam peringkat pelaksanaan. Adalah diharapkan bahawa dengan adanya projek-projek untuk meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti serta menjamin tingginya mutu khidmat yang diberikan kepada rakyat, insya-Allah rancangan-rancangan yang telah pun ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan akan tercapai maksudnya dan matlamatnya, insya-Allah. Rancangan Malaysia Kelapan adalah menjadi fasa pertama Dasar Wawasan Negara. Kita

percaya segala yang dirancang dan diramalkan oleh kerajaan akan menjadi kenyataan dalam jangka masa lima tahun Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh insaf dan keyakinan, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah Usul RMK-8 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**11.56 pagi.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi mengenai Rancangan Malaysia Kelapan. Pertama sekali ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah, Timbalan Perdana Menteri kerana melapangkan masa yang sibuk beliau secara persendirian membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan yang sama-sama kita ikuti tadi.

Saya juga turut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana menghadiri gambaran yang begitu menyeluruh dan berseimbang. Kalau hendak dikatakan apakah dua perkataan tentang pembentangan RMK-8 ini 'menyeluruh' dan 'berseimbang', saya rasa adalah dua perkataan yang amat tepat, menepati segala tujuan-tujuan ke arah mencapai Wawasan 2020 pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesinambungan kepada Dasar Wawasan Negara, Fasal Pertama telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat dengan begitu jelas, saya rasa ia telah merangkumi segala aspek. Saya katakan menyeluruh kerana daripada bandar kepada luar bandar, kepada setinggan dan kepada segenap pelosok tempat, segenap lapisan masyarakat, kita memberi perhatian. Dari segi ekuitinya, dari segi tenaga kerja mahirnya, dari segi perumahannya, dari segi sikap berdaya tahan seluruh penduduk dan juga strategi tentang pembasmian kemiskinan yang memberi sasaran untuk mencapai 0.5% pada saya, satu kebanggaan yang seluruh rakyat Malaysia patut menerimanya dengan baik. Lebih-lagi Tuan Yang di-Pertua, soal setinggan di bandar kerana kadang-kadang soal

setinggalan ini adalah terlepas pandang kerana kita selalu membicarakan soal bandar dan luar bandar tetapi penekanan pembentangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi mengenai setinggalan khususnya permasalahan tentang perumahan kos rendah adalah amat meyakinkan.

Dari segi sektor korporat dan juga sektor bertumpukan manusia berasaskan ICT, saya rasa ini adalah penekanan yang amat tepat kerana lagi-lagi kita diingatkan dengan ekonomi berteraskan ilmu pengetahuan dan dalam suasana ekonomi berteraskan pengetahuan, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada kerajaan kerana memberi peruntukan untuk pembelajaran sepanjang hayat termasuk dengan teknologi terkini, *web based technology*, termasuk juga dengan pengkhususan kepada jurang digital di antara bandar dan luar bandar dan saya rasa segala peruntukan yang telah diberi itu adalah amat bertepatan sekali secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan Yang Amat Berhormat di peringkat akhir persembahan beliau tadi menekan tentang pelaksanaan adalah amat bertepatan. Saya juga turut mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan khususnya pegawai-pegawai kerajaan di segenap pihak yang tinggi sehingga yang terendah sekali sebab semuanya telah mengambil peranan yang begitu penting untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh. Tetapi harapan kita ialah bagaimana tahap pencapaian setinggi mana pun apa yang telah kita lalui dalam RMK-7 itu saya harap itu dijadikan hanya sebagai asas supaya dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih lagi kerana inilah mode atau cara dan suasana perjalanan ekonomi berasaskan pengetahuan. Lebih-lebih lagi saya lanjutkan juga kepada sektor swasta dan juga rakyat jelata sekalian kerana kalau pegawai kerajaan sahaja melaksanakan kerja-kerja dengan baik dan cemerlang, mempertingkatkan prestasi mereka ke tahap yang lebih tinggi daripada RMK-7, tidak memadai kalau sekiranya pihak swasta juga tidak menyambut baik dan positif dengan segala tindakan kerajaan. Begitu juga dengan rakyat jelata sekalian hendaklah menerima ini dengan secara positif. Janganlah hanya sentiasa memikirkan secara negatif di atas segala kerja-kerja yang dibuat oleh kerajaan.

Suasana ekonomi berasaskan pengetahuan menggalakkan rakyat berfikir supaya rakyat boleh memilih di antara yang baik dan buruk. Kita hendak rakyat menggunakan pemikiran mereka yang rasional untuk memberi penghormatan dan

sokongan kepada segala usaha kerajaan kerana usaha sebaik mana pun kalau tidak mendapat sokongan rakyat dan di semua peringkat, semuanya tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan. Saya juga pertama sekali ingin menyebut tentang soal ekuiti yang telah pun disebut dengan begitu terang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi tentang pencapaian bumiputera yang telah pun menurun daripada 20.6% tahun 1995 ke tahap 19.1% dalam tahun 1999. Dalam hal ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk membuat beberapa saranan kepada pihak kerajaan supaya dalam usaha peruntukan baru saham-saham mungkin juga kita tidak patut hadkan kepada hanya individu yang sama dan yang tertumpu dalam ruang yang ada dalam register pihak kementerian yang berkenaan sahaja. Sepatutnya kita panjangkan dengan lebih luas, kita kemaskinkan daftar yang sudah ada di tangan kementerian sekarang. Kita menganggapkan daftar yang ada sudah lama, mungkin patut dikemaskinkan, mungkin rakyat jelata yang tidak layak dahulu sekarang sudah layak.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyarankan mungkin peruntukan yang lebih tinggi lagi patut diberi kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan agensi-agensi amanah yang lain kerana kita mengetahui program ASN dan ASB umpamanya telah mencapai kejayaan yang begitu amat cemerlang sekali. Mengikut yang saya tahu bilangan pemegang saham ASN/ASB ini menjangkau 7 juta orang dan kalau diambil perselisihan di antaranya bolehlah kita rumuskan sebagai dalam lingkungan 5 juta pemegang saham. Lima juta bumiputera ini sebagai contoh, patut diberi juga keutamaan dalam isu-isu baru yang dikeluarkan oleh pihak kementerian dalam bentuk-bentuk yang lain kerana mereka ini sudah pun terlatih, terdidik, mentalnya sudah bersedia untuk membuat pelaburan kerana program ASN/ASB itu adalah sebagai langkah selamat untuk mereka menceburi dunia pasaran saham. Oleh kerana itu, kalau mereka diberi peluang keutamaan dalam peruntukan-peruntukan baru, saya rasa mereka ini akan mencuba pula walaupun sedikit-sedikit. Malah boleh dijadikan sebagai satu skim keuntungan, bonus dan sebagainya yang tidak dapat diperolehi itu boleh dilaburkan dalam peruntukan-peruntukan yang baru. Saya rasa ini akan lebih menggalakkan lagi masyarakat bumiputera membuat pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang soal ekuiti. Kadang-kadang perkara moratorium, perkara sekatan yang diletakkan dalam sesuatu masa

dan seberapa bilangan saham adalah juga menjadi punca utama mengapa merosotnya pegangan saham ekuiti pihak bumiputera. Kerana sebagai contoh, pihak kementerian mungkin menentukan beberapa peratus dan sekian-sekian lama, katakanlah dalam masa tiga tahun atau lima tahun dan sebagainya. Tetapi kadang-kadang terdapat juga kelonggaran bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh membuat kelonggaran boleh meluluskan permohonan supaya moratorium itu dikecualikan. Kadang-kadang masalah memberi pengecualian inilah yang sebenarnya mungkin mengakibatkan kemerosotan pegangan ekuiti pihak bumiputera. Jadi, saya harap kepada pihak kerajaan supaya perkara sekatan atau moratorium ini dapat dilihat dengan lebih ketat supaya tidak berlaku perkara-perkara yang kita tidak ingin dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah perkara yang begini panas baru-baru ini dibangkitkan iaitu mengenai penjualan Pos Malaysia kepada Syarikat Phileo Allied. Mengikut sedikit yang kita dengar daripada akhbar amat membanggakan kerana keseluruhan kakitangan Pos Malaysia menerimanya dengan baik. Ertinya, kepentingan mereka terjamin. Mengikut penerangan akhbar juga kita katakan bahawa kita patut menerima ini dengan baik kerana seolah-olah Pos Malaysia dibumiputerakan melalui ikhtiar ataupun langkah yang diambil oleh Phileo Allied. Tetapi setakat yang kita baca daripada akhbar yang saya harap akan mendapat penjelasan yang lebih teliti daripada pihak kerajaan mengatakan bahawa pengambilalihan oleh Phileo Allied ini mengambil keseluruhan modal Pos Malaysia dengan harga RM800 juta. Keseluruhan RM800 juta ini, RM550 juta akan dibayar secara tunai dan RM250 juta lagi dalam bentuk pinjaman oleh tukar daripada MOF kepada Phileo Allied.

Mungkin saya ingin bertanya ialah kalau kita sudah menjual keseluruhan saham itu kepada pihak Phileo Allied dan apakah pula peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dalam menentukan kepentingan bumiputera terjamin. Sebab yang disebutkan pinjaman daripada MOF itu sebenarnya boleh dibayar dengan agak senang oleh Syarikat Phileo Allied ini kerana dalam kedudukan, dengan izin, cash richnya kerana usaha tindakan korporat yang lebih awal daripada ini. Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan supaya perkara ini dapat diberi penerangan dengan lebih jelas, saya amat menghargai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan tentang penglibatan secara elektronik beberapa kadar aplikasi perdana yang telah pun diterangkan oleh

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Saya rasa usaha kerajaan untuk mengamalkan aplikasi perdana ini amat baik sekali dan yang terkini kad pintar yang pernah kita bincangkan sedikit dalam membahaskan rang undang-undang yang lalu amat baik. Cuma yang saya nampak mungkin kita patut memberi pengkhususan yang lebih kepada apa yang dipanggil e-transaction, e-commerce, kerana segala tindak balas masyarakat melalui elektronik ialah dengan menggunakannya tiap-tiap hari kerana aplikasi-aplikasi perdana atas namanya adalah perdana, oleh kerana itu dibuat pada peringkat tahap yang atas oleh pihak kerajaan, pegawai tinggi dan sebagainya.

Jadi, kita hendak katakanlah mungkin ruang ini boleh diberi tumpuan yang lebih. E-transaction ini ertinya kita menggunakan transaksi hari-hari secara elektronik - membeli buku, membeli barang-barang keperluan dapur, mengetahui design rumah, lampu dan sebagainya. Segala barang-barang yang terdapat dalam kedai di luar, kalau boleh di peringkat sekecil-kecilnya dapat diamalkan secara e-transaction. Dengan jalan ini, masyarakat seluruhnya akan merasakan bahawa, oh memang manfaat, memang baik betul kita menggunakan elektronik ini. Ia tidaklah mendapat pandangan bahawa benda-benda elektronik ini hanya untuk peringkat yang atas. Ini bersesuaian dengan komen saya sendiri dalam Dewan yang mulia ini mengenai penggunaan kad pintar pelbagai guna kerajaan yang sekarang ini menggunakan e-cash. E-cash sekarang amat terhad, hanya boleh dipakai dengan kad pintar itu dengan hanya satu bank, sedangkan keseluruhan perbankan menggunakan ATM mesin yang menggunakan magnetic stripe sebagai asas teknologi untuk mendapat wang dan sebagainya. Jadi, bila kita memperkenalkan kad ini, saya harap dengan masa yang sesingkat mungkin perkara ini akan dapat diselaraskan supaya keseluruhan tempat-tempat ATM yang menggunakan kad berasaskan teknologi magnetic stripe itu akan dapat dipergunakan dikemaskinikan juga dengan chip seperti yang terdapat dalam kad pintar.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap tentang soal-soal kecil ini sebenarnya adalah begitu amat mustahak dalam pembangunan ekonomi kerana guru-guru pengurusan kita setelah menulis buku berpanjangan mengatakan, dengan izin, 'moving to small is nice', satu lagi, 'small will be more effective efficient', satu lagi 'small will eat up the big' dan contoh satu lagi 'small is beautiful'. Jadi, kalau kita mulakan dengan 'small is beautiful' ini dan rakyat merasai kebaikannya, jadi pada

saya kesan untuk kita membudayakan Internet ataupun elektronik ini akan lebih berkesan lagi. Saya rasa ini adalah amat berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini juga kita boleh memberi tumpuan menunjukkan bahawa segala usaha melalui elektronik ini tidak penting kepada saiznya sebab semuanya boleh berlaku dengan cepat. Oleh kerana itulah jaguh dunia ICT, Bill Gate menulis buku 'Business as the Speed of Thought'. Jadi, kalau pemikiran Bill Gate tentang business menjalankan dunia perniagaan sepantas kita memikir, kita hendaklah memanfaatkan ini dengan amalan supaya rakyat jelata lebih boleh menginsafinya.

Mengenai hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita juga patut memberi lebih tumpuan kepada insentif yang berbentuk daya tarik yang setakat ini kerajaan memberi ialah galakan daya tolak (push) insentif. Ertinya, dengan menyediakan prasarana, melengkapkan tahap telekomunikasi dan sebagainya. Ertinya, kalau jurang-jurang sekarang ini jalan kecil, kita luaskan dengan jalan besar supaya dapat berjalan dengan lebih pantas. Yang saya maksudkan ialah kalau ada tarikan insentif yang lebih hebat sebagai contoh, kita memberi tax rebate kepada orang-orang yang membeli buku dan membuat perniagaan melalui Internet.

Sekaligus kita mengajak kita membeli buku dan membaca selaras dengan dunia ekonomi berteraskan pengetahuan. Dan, sekaligus kalau dia beli melalui *internet*, dia dapat rebet, dapat kemudahan ataupun *deduction* harga yang berlainan. Jadi, begitu juga pada badan-badan perniagaan. Kalau sekiranya organisasi perniagaan juga menjalankan usaha mereka melalui transaksi ini mengeluarkan tender yang besar, memproseskan tender sehingga akhirnya membuat keputusan memberi tender, 100% melalui elektronik, mungkin juga syarikat yang berkenaan boleh diberi penghormatan teks rebet insentif yang pelbagai cara.

Saya rasa perkara ini juga akan menggalakkan pihak syarikat menentukan ada prasarana, ada kemudahan untuk pengguna menggunakannya. Dan, ini selaras dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi tentang *life long learning*, menggunakan *web base technology*. Saya rasa kemudahan untuk belajar melalui elektronik, *E-learning* ini juga satu peluang untuk kerajaan dapat menggalakkan orang belajar, menggalakkan mendapat ilmu, dapat *certificate*, diploma dan juga ijazah melalui elektronik.

Dan, kalau dia pakai 100% melalui elektronik, dengan adanya universiti terbuka sekarang. Beri dia gala kan, ertinya lebih murah lagi ataupun insentif-insentif

yang lain ataupun kalau di bayar, dapat diiktiraf oleh pihak Kementerian Kewangan supaya dapat *special tax deduction*, sebagai contoh. Daripada saya, dari segenap sudut, kita memberi galakan, dari segenap sudut kita memberi kemudahan, saya rasa rakyat akan terasa terpanggil dengan sendiri untuk mengambil bahagian di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah mengenai satu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di negara China pada 27 Februari dalam satu forum Asia di China. Beliau telah mencetuskan idea, dengan izin, *tax the rich nations to finance poor countries*. Kita patut memberi mengenakan cukai kepada negara-negara maju dengan harapan untuk menolong, membantu negara-negara yang mundur, yang miskin.

Saya rasa perkara yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini amat tepat dan sepatutnya diambil tindakan oleh pihak kerajaan untuk mempelopori ini. Dan bermodalkan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi ini saya rasa dalam negara pun kita boleh menggunakan model ini. Modelnya ialah pada syarikat-syarikat yang besar-besar milik kerajaan khususnya dan juga syarikat-syarikat antarabangsa yang membuat untung berbilion ringgit. Saya tahu Syarikat Tenaga Nasional umpamanya membuat RM1.4 bilion, juga Telekom membuat berbilion ringgit juga keuntungan.

Selain daripada mendapat hasil dividen kepada pemegang-pemegang saham, patut juga kita fikirkan untuk mengenakan usaha yang khas supaya mereka dapat membantu masyarakat luar bandar dalam skim untuk mengurangkan ruang digital, yang telah disebut tadi. Kita tahu kerajaan telah buat, kerajaan telah berusaha mengikut yang telah dibentangkan tetapi kalau syarikat-syarikat yang besar milik kerajaan Telekom, Petronas, Tenaga Nasional dan sebagainya, MISC mungkin. Maka, kalau sekiranya mereka ini dapat membuat peruntukan khusus menunjukkan bahawa mereka mempunyai program yang tertentu dalam memberi bantuan, sokongan kepada pihak kerajaan untuk mengurangkan ruang digital daripada luar bandar ini amat menggalakkan, amat memanfaatkan luar bandar. Dengan cara itu, apabila masyarakat melihat syarikat-syarikat gergasi ini membuat keuntungan yang besar, oleh kerana mereka tidak ada pegangan saham, mereka tidak mendapat nikmat dan keuntungan. Tetapi kalau sekiranya secara visual, cara aktif dan diperakui pula oleh kerajaan, mereka sentiasa membuat projek, katalah program besar-besaran budaya ICT, pada rakyat luar bandar khususnya yang

bandar ini tidak apalah bagi khusus pada luar bandar, mengambil sebagai anak angkat kawasan-kawasan tertentu, saya rasa ini akan lebih meyakinkan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri baru kita Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, dalam jawapan-jawapan soal lisan, beliau sentiasa menyebut tentang *gender sensitizing*. Ini saya pertama kali dengar, saya rasa pun bunyi takut sikit, *gender sensitizing*. Tetapi, alhamdulillah, saya ingin berkongsi maklumat di sini, bahawa melalui Persatuan Ahli-ahli Komanwel baru-baru ini mereka telah memilih Malaysia sebagai tempat untuk membuat persidangan, *study group*, satu pasukan kajian yang khas seramai hampir 12 orang di seluruh Komanwel datang dengan satu jemputan khas yang dijemput daripada negeri Finland, yang mempunyai kes yang baik tentang *gender sensitizing* ini berlaku di Kuala Lumpur selama seminggu.

Dan, Alhamdulillah, saya berkesempatan dengan wanita -wanita di Komanwel ini dalam *study group* itu, sebagai rasminya penasihat, tetapi tidak rasminya mempengerusikan mesyuarat itu. Jadi, *I was the lucky one*, jadi saya pun sekarang ini saya mengakulah Tuan Yang di-Pertua, *very sensitize* dari segi gender.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jelaskan sedikit maksud *sensitize* tadi tu?

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Ya, insya-Allah, saya akan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita pun minat hendak dengar.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Perkara ini saya bangkitkan kerana tajuknya ialah dengan izin, "*Study Group on Gender Sensitizing Commonwealth Parliaments. The Task of Reforming Parliament*". Dalam Parlimen ini pun, kita hendak buat satu perubahan, reformasi supaya dia lebih *gender sensitize*. Maksudnya, ialah saya bagi contoh, memang susah sikit hendak cerita tetapi kita sensitif terhadap gender, kita tidak hanya – katalah Parlimen ini sebagai contoh, secara praktikal, segala kemudahan kita membuat andaian orang lelaki sahaja, andaiannya, kerana kalau kita lihat tidak ada ruang tempat untuk – katalah ahli Parlimen yang mengandungi untuk ada kemudahan khas untuk mereka berehat, hendak menyusu anak, kalau dia datang. Ini dia punya gambaran.

Jadi, kemudahan-kemudahan yang begini memberi ruang kepada wanita bahawa tidaklah semua prasarana yang ada dalam Parlimen, sebagai contoh, hanya

dia fikir dari segi kemudahan orang lelaki sahaja. Kita mesti memberi keutamaan memikir juga tentang hal wanita, kerana wanita mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara. Wanita akan memainkan peranan lebih penting dalam Parlimen. Oleh kerana itu, kemudahan-kemudahan asas seperti yang mana saya sebutkan tadi, sebagai contoh, hendaklah diberi keutamaan.

Mungkin, umpamanya sebagai contoh, praktikal ini saya dapat semua daripada perbincangan. Maklumlah 5 hari dengan wanita, memang betul kita *sensitize*. Cara tempat duduk ini pun, kalau ikut sekarang, ialah kita sudah lama tidak apalah. Ini maksud saya kalau kita, insya-Allah, kalau berpindah ke Putrajaya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata, “*Okaylah, sekarang kita tinggal, bawa pergi Putrajaya – Parlimen. Jadi kita ubah tempat duduk, umpamanya*”.

Tempat duduk yang begini, bila lelaki hendak lalu depan wanita, susah. Wanita hendak lalu depan lelaki pun susah. Betul tidak. [Disampuk] Ertinya dari segi *layout*, Dewan yang mulia ini, yang kita buat dahulu, sudah lama dahulu tidak *gender sensitize*. Ha, itu maksudnya. Jadi, kita hendaklah – saya cuba bercakap ini kerana memang diminta oleh keseluruhan *study group*. Katanya, “*You, sebagai ahli Exco*”. Ahli *Commonwealth International*, minta tolong sampaikan ini, supaya semua Parlimen yang 165 Parlimen dalam Komanwel ini, kena *gender sensitize*, kena lebih prihatin terhadap keperluan-keperluan wanita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi, dia boleh jadi pakar rujuk.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Insya-Allah. Dan, saya bolehlah, saya rela memperhambakan diri untuk kepentingan wanita dalam serba lapangan. Dan, Alhamdulillah, dalam bulan April yang lalu, dalam mesyuarat Exco yang terakhir di Barbados. Saya memang mengatakan itu, saya mesti sampaikan mesej ini kerana rakan-rakan *study group* yang di Malaysia minta saya bercakap dan saya pun bila membuat penekanan, mereka pun kata, macam yang Tuan Yang di-Pertua juga. Kata sekarang kita ada orang yang lebih *sensitize* dari segi ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan ialah selain daripada *physical arrangement* yang saya sebutkan tadi, perkara-perkara lain yang patut diberi pengkhususan ialah dari segi peringkat institusi-institusi, iaitu dari segi partinya, dari segi institusi Parlimen umpamanya. Dari segi parti itu sendiri, dari segi undang-undang yang hendak kita buat, dari segi apakah wanita boleh buat dalam hal

ini. Ini yang hendak saya tujukan kepada kementerian kita yang baru. Mungkin perkara ini patut diperhebatkan lagi, bukan hanya wanita bercakap tentang hal wanita tetapi kaum lelaki juga hendaklah ada keprihatinan dan *sensitize* atas soal gender ini kerana kalau kita melihat satu keadaan yang apa yang saya panggil *win win*.

Walaupun wanita sekarang sudah menjangkau 70%, pelajar-pelajar ini dalam universiti. Ini saya pernah tanya, merisaukan juga, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Abdullah, tetapi kalau kita fikir pula risau, baru ini saya lihat statistik penggunaan internet lebih lelaki – 64% lelaki. Yang wanitanya hanya 36%. Jadi, dalam satu pembentangan kertas kerja di konvensyen UMNO Selangor baru-baru ini, 3 hari yang lepas, saya kata, ini satu signal yang baik kerana penggunaan *internet* sekarang lebih lelaki. Bilangan pelajar wanita 70% di universiti. Saya kata jangan takut hal ini. Kita hendak wujudkan *win win situation*. Jadi, dalam penggunaan *internet*, saya galakkan wanita, “*Ayuh gunakan lebih banyak internet*”. Tetapi kaum lelaki, “*Ayuh lebihkan lagi hasil usaha dalam universiti, supaya lebih ramai kaum lelaki masuk dalam.*”

Jadi, strategi kita, Tuan Yang di-Pertua, kita jolok juga kaum lelaki, kita jolok – maaf saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tambah bilangan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tambah bilangan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Kita tambah bilangan juga yang wanita. Jadi, kita dapat perseimbangan dari segi kaum lelaki dan kaum perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin *highlight* kan di sini yang saya rasa satu contoh yang amat baik, yang saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian yang cukup baik. Dalam suasana kita mempunyai kemelut politik, salah faham, cucuk, adu-domba dan sebagainya, *match* kalau dari segi istilah pengurusan dalam menganalisa masalah dan mencari keputusan, kita kata keadaan kita ini macam *match*.

Jadi, contoh tauladan yang dibangkitkan oleh seorang wakil dari Finland, ini unik, Finland bukan ahli Komanwel tetapi kita jemput khas seorang wanita yang segar, bekas Menteri. Segak itu maksudnya, kemaslah. Dan, dia menceritakan, dan ini diberi pengkhususan dalam laporan ini pun, mengatakan, dalam Finland dia

telah mewujudkan, dengan izin, *network of women in Finland's Parliament*, satu *network* khusus untuk wanita.

Yang saya tertariknya ialah kata dia, dia kumpulkan wanita pada semua parti, tidak kira parti, dia hanya bercakap common issues, dengan izin, tentang hal wanita. Bila datang ada perbezaan, ha itu kita tidak cakap, ini luar agenda. Ini yang best ini. Saya ingin menyebut Yang Berhormat Puan Jamilah daripada PAS baru-baru ini, semalam, dia menyokong kuat Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga khususnya dari segi....saya tidak ingat tajuk apa tetapi dia sokong terus, bulat-bulat apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Saya rasa ini menjadi satu platform dan peluang terbaik. Kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri yang baru ini dengan kementeriannya yang baru, kalau bermodelkan *network* yang saya sebut dari Finland ini, yang kalau hendak tanya soalan boleh tanya saya lagi sebab saya ada email dia, memang kita dok ber email pun kerana yang memberi objektif ini, saya hendak sebut tiga objektif *network* yang telah amat berjaya ini.

Satu, dengan izin, *to promote equality between man and woman* – hendak beri perseimbangan. Kalau kita hendak macam saya kata tadi perseimbangan, ini dia, *network* ini.

Kedua, dengan izin, *to further the implementation of women's rights*. Ini tentu Dato' Shahrizat suka. Ini hendak lebih galakkan lagi hak wanita.

Ketiga, dengan izin, *to introduce the perspective of woman into the drafting of legislation*. Ini mustahak. Jadi, kita masuk elemen wanita ini dalam masa merangka undang-undang. Ini yang *gender sensitized*.

Hasil cemerlang kumpulan *network* wanita di Finland ini ialah mereka dapat menghasilkan satu rang undang-undang khusus mengenai wanita melalui *networking* ini sampai dibentangkan di Parlimen dan diluluskan. Jadi, alhamdulillah, itu satu kejayaan, bukan senang hendak mendapat satu *loose group*, dengan izin, *networking* ini *across the board* oleh semua parti tanpa ada masalah tentang bercakap tentang fahaman politik yang berlainan. Saya rasa ini patut dicontohi dalam negara Malaysia. Mungkin insya -Allah, dengan izin Tuhan, permulaan ini akan dapat dilanjutkan dalam usaha-usaha yang lain sebab kadang-kadang kalau satu usaha tidak boleh, tidak apalah, apa boleh buat, dia orang tidak hendak bercakap, tidak hendak berunding, entah apa sebab saya pun tidak tahu tetapi kalau kita cari pentas

lain dan pentas ini adalah amat bertepatan dengan kebangkitan kuasa wanita Malaysia ini.

Oleh kerana itu, saya amat menyokong kuat supaya pihak kementerian memberi pengkhususan atau pertimbangan, boleh dikaji dengan lebih mendalam, ada kertas-kertas yang lain, saya hanya membentangkan setakat memberi konsep dan nota kebaikannya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai soal *e-village*. Saya membangkitkan soal *e-village* ini kerana dalam bulan September 2000, saya ada nota sikiti ini - dalam bulan September 2000 telah dijalankan satu pelancaran yang begitu hebat dan menarik dan kita dimaklumkan dalam bulan Mac tahun ini wujud satu mesyuarat yang dipanggil *e-viap* (E-Village International Advisory Panel).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil pendekatan yang sama dengan MSC. MSC ada International Advisory Panel, *e-village* pun ada. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memandang jauh masa depan untuk mewujudkan *e-village*. Cuma, saya ingin mendapat penerangan sedikit tentang kedudukan terkini sebab saya mendapat tahu, melalui akhbar juga, mengatakan bahawa terdapat usaha untuk menukar struktur ekuiti tuan punya syarikat *e-village* ini. Itu kita hendak tahu apa perkembangan terkini, siapa pula yang pegang sahamnya yang majoritinya, yang controlnya dan siapa pula yang hendak mengendalikan *e-village* ke arah mencapai matlamat yang diidamkan. Idaman itu baik. Saya pun pernah berkongsi pendapat mengatakan bahawa semuanya baik, cuma back to cara kita mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkenaan dengan *e-village* ini ialah dari soal creative multimedia – multimedia kreatif, sebab ini pokoknya untuk yang menjadi sasaran *e-village* itu sendiri dan kita bercakap tentang creative multimedia atau multimedia kreatif, maka terlibatlah beberapa agensi kerajaan, terlibatlah beberapa pertubuhan yang bersangkutan-paut dengan penerbitan produksi filem, *content developers* dan sebagainya.

Oleh kerana itu, saya ingin menekankan di sini keadaan yang ada dalam suasana kita sekarang ini. Yang saya hendak bangkitkan ialah bagaimana kewujudan kementerian-kementerian, siapa yang berkuasa dan berhak dalam bidang ini dan kita boleh bertanya sama ada perkara ini patut diteruskan begini atau

caranya ada cara lain yang boleh kita menguruskannya sebab soal pengurusannya juga adalah begitu amat mustahak dan kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk memproses produksi yang datang dari luar negeri. Ada pula satu jawatankuasa khas mengenai filem luar negara yang mana Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan permit filemnya. Itu satu senario.

Keduanya, FINAS. FINAS ini kita tahu yang mengeluarkan – ini filem negara ini, Perbadanan Filem Nasional pula sebenarnya mengeluarkan lesen-lesen pengeluaran di dalam Malaysia. Ini di bawah Kementerian Penerangan. Sudah ada dua kementerian. Kastam pula mengimplementasikan kawalan mengenai import dan eksport bahan-bahan filem dan juga bahan-bahan kreatif yang berkaitan. Ini di bawah Kementerian Kewangan. Kemudian Imigresen pula bertanggungjawab mengenai soal permit dan status social visit, dengan izin, bagi artis-artis luar negara dan juga juru-juru gambar dan juruteknik dan sebagainya, mereka bertanggungjawab dan ini di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Kemudian ada pula soal pembiayaan oleh Bank Pembangunan – Bank Pembangunan juga saya percaya di bawah Kementerian Kewangan dan sebagainya. Bererti kalau sekiranya kita ingin mewujudkan satu suasana menggalakkan syarikat-syarikat luar negara menggunakan kemudahan e-village bila ada dan tersedia dengan pengurusan yang cekap, mereka ini terpaksa pergi lima atau enam tempat untuk menghasilkan sesuatu. Pening kepala!

Cuba bayangkan kita semua kena buat begitu, kita dulu dalam masa, saya ingat 20 tahun dahulu kita kena pergi post-office untuk buat ini, bayar elektrik yang ini, Telekom yang ini, eh teruk! Tetapi sekarang kita pergi satu tempat, lebih senang. Kalau kita pun teruk hanya sebagai individu, bagaimana pula syarikat-syarikat asing luar yang kita hendak tarik buat galakannya di sini.

Sebab kalau hendak tarik buat galakan hendaklah bagi senang tetapi kita hendak tarik dia, bagi dia susah. Oleh kerana itulah kadang-kadang, yang ini kata ya, yang badan lain pula kata tidak boleh. Oleh itu, kadang-kadang badan-badan instrumen, saya pernah dengar cerita daripada rakan-rakan dalam dunia ini – dunia hiburan, perfileman, kebudayaan, seni dan sebagainya, kata, kadang-kadang artis boleh masuk, alat muzik tidak boleh masuk, terlekat sebab masalah lain. Jangan tanya saya kenapa, ini analisa yang amat *gender sensitized* – alat muzik tidak boleh

masuk, artis boleh masuk. Sampai kadang-kadang permit artis dah dekat nak habis yang dalam sana masih bermasalah.

Ini gambaran menyeluruh yang saya sebut. Oleh kerana itu, kita mesti fikir bersama apakah jalan yang paling baik untuk kita mengadakan satu *one-stop agency*, dengan izin. Kita telah berjaya dalam banyak bidang – *one-stop agency concept* ini. Kalau saya melihat yang terakhir kita lulus, kalau tidak salah saya Suruhanjaya Multimedia (Multimedia Commission), ada suruhanjaya.

Mungkin sudah sampai masa dan saatnya pihak kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Filem Malaysia. Jadi, kalau Suruhanjaya Filem Malaysia ini segala tanggungjawab oleh kementerian-kementerian, lima, enam yang saya kata tadi, kita letakkan di bawah satu suruhanjaya. Biarlah pihak kerajaan menyediakan draf undang-undang terus masuk ke Dewan Rakyat, masuk ke Dewan Negara saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara akan juga meluluskan untuk mewujudkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perfileman Malaysia ini.

Jadi, kalau ada Suruhanjaya Perfileman Malaysia (SPM), bukan Sijil Pelajaran Malaysia, SPM lah juga. Kalau tidak mahu SPM – takut confuse, kita panggil Suruhanjaya Filem Malaysia sudahlah, filem sahaja tetapi bunyi filem dengan perfileman dari segi bahasa lain sedikit. Itu masalah lain, nama masalah lain tetapi kena ada sebab kalau kita melihat sahaja negara jiran, Australia umpamanya, mereka telah mewujudkan, beberapa tahun yang silam, hampir 15 tahun yang lalu, satu suruhanjaya filem dan mengikut sejarah oleh kerana mewujudkan suruhanjaya filem merupakan *one-stop agency* inilah, maka produksi perfileman mereka meningkat. Dua pihak – dari segi pengeluaran sendiri dan dari segi daya tarikan syarikat-syarikat besar untuk melabur dan beroperasi di Australia.

Saya bercakap dari segi Sydney ada studio yang besar, di Queensland ada Movie World dan sebagainya. Ini semua terdedah kepada kita semua, malah kalau tidak silap saya wakil dari Australia sendiri pun turut hadir sebagai penasihat dalam E-Village International Advisory Panel yang saya sebut. Oleh kerana itu saya rasa patut diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan dari segi ini supaya dapat industri muzik, industri hiburan, perfileman, multimedia dan sebagainya patut diberi galakan.

Saya juga hendak menyebut, kalau bercakap tentang galakan, saya hendak menyambung apa yang saya sebut dalam perbahasan dahulu saya sebut *Discovery Channel* memberi galakan kepada orang muda untuk menunjukkan bakat kreativiti. Lanjutan daripada itu saya hendak sebut satu lagi, kita tahu syarikat ASTRO,

syarikatnya Maxis kalau tidak salah, tidak ingat apa nama syarikat itu – yang ada lesen besar. Saya ingat dia menggunakan satelit. Lesen yang dipunyai olehnya, mengikut fahaman saya, ini kerajaan boleh jawab sama ada angka saya betul atau tidak – hampir 120 channel – saluran yang dia ada kuasa untuk mengeluarkan pengeluaran ini, 120 lebih. Sekarang hanya baru guna, kalau tidak salah, lebih kurang congak-congak 30 lebih sahaja. Adalah satu Riang Ria, itulah yang nampak ada *local content* – ada perisian yang berbentuk tempatan.

Adalah nasib baik, tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan, saya nampak sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mahadzir, saya teringat ruang TV Pendidikan juga menggunakan Astro, itu baik. Tapi saya katakan melalui Suruhanjaya Filem Malaysia ini umpamanya bila diwujudkan nanti, patut meminta pihak Astro ini meruangkan satu lagi channel, satu lagi saluran untuk hasil-hasil terbitan tempatan berdasarkan kreativiti anak-anak muda umpamanya, sebab dunia Internet, dunia ICT, dunia kreativiti ini adalah dunia orang muda. Malah saya telah menyebut dalam Komanwel sendiri, 1.7 bilion penduduk merupakan 30% penduduk dunia, 50% daripada itu, ertinya 0.8 bilion adalah penduduk yang berumur 25 tahun ke bawah, orang muda.

Ini zaman generasi muda. Jadi, kalau zaman generasi muda, kita patut melihat masa depan, kita patut memberi ruang selebar-lebarnya untuk anak-anak muda menggunakan kreativiti masing-masing dengan membuat hasil usaha mereka, mengeluarkan melalui channel ini.

Bila masyarakat muda mempunyai agenda yang khusus, mereka boleh membuat kumpulan-kumpulan berbentuk syarikat kecil, syarikat sendiri, syarikat dari segi konsep dalam universiti umpamanya, kumpulan 5, kumpulan 10, panggil kumpulanlah, kalau tak panggil syarikat pun nanti masalah ROC pula, kumpulan 5, kumpulan 10, kumpulan 15, ini kita buat pertandingan atas tajuk-tajuk sejarah, atas tajuk-tajuk nilai murni, atas tajuk-tajuk ICT dan sebagainya, apa sahaja tajuk. Kalau ini diberi ruang maka sibuklah pelajar-pelajar di universiti berkumpul secara pasukan menggunakan masa ruang untuk memikirkan hal-hal yang baik berdasarkan pengajaran mereka, berilah dalam 20 kategori pun berilah. Dan yang terbaik itu kita raikan, kita acknowledge, kita iktiraf di antaranya ialah melalui penerbitan saluran ini. Oleh kerana itu kalau perbuatan filem itu sendiri dibuat oleh orang muda, untuk orang muda, jadi generasi muda juga akan terikut dengan saluran ini.

Pada saya, perkara ini saya harap pihak kementerian memberi perhatian yang begitu berat kerana kerangka ini dari segi infrastrukturnya kita sudah hebat, sudah kuat, sudah baik. Perancangan menyeluruh desa wawasan dan sebagainya baik, yang kita hanya sebut tanpa memberi penekanan yang agak mendalam ialah dari segi pembangunan content, isinya, pembangunan isi ini. Kita sebut, tetapi tidak ada tindakan susulan program strategik yang mempunyai sasaran kumpulan sasaran yang berlainan. Dan pada saya, saya memilih untuk bercakap kumpulan sasaran generasi muda, boleh dimulakan di universiti, di sekolah menengah, di kolej, IPTA, IPTS dan sebagainya. Saya harap perkara ini akan diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi, Dato' Setiausaha Parlimen minta laluan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik sekali segala macam pandangan Yang Berhormat beri dan juga sokongan Yang Berhormat beri kepada pihak kerajaan, tetapi dalam hal kita sudah merancang dan dapat kita laksanakan dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan universiti dari segi soal kreativiti dan sebagainya, tetapi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat sedikit, penjelasan, kalau dapat Yang Berhormat berikan.

Kita dapat bergerak dengan lebih pantas lagi, tetapi persoalannya hari ini kita diganggu-gugat oleh walaupun ini tidak besar, tetapi ancaman ini sudah datang dari dalam. Khususnya daripada politik partisan tadi yang mengganggu-gugat pembangunan kita, walhal kita sudah habis pilihan raya. Sepatutnya sesudah pilihan raya, yang mana sudah ditentukan kita ikut, kita turut, tetapi malangnya akhir-akhir ini sesudah pilihan raya, kempen pilihan raya tidak habis-habis, sehingga kita rasanya akan pilihan raya itu tidak habis-habis.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, apa yang harus kita lakukan untuk meleraikan perkara ini dan apa nasihat sepatutnya diberi untuk tidak ada ganggu-gugat daripada pihak-pihak tertentu dengan soal politik partisan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir, apa yang dibangkitkannya itu adalah amat bertepatan. Permasalahannya ialah ganggu-gugat ini telah juga menjadi di antara punca utama kegagalan pelajar-pelajar di universiti.

Kalau kita semua bertanggungjawab dan prihatin tentang kecemerlangan pelajar, parti-parti pembangkang yang memainkan peranan untuk menyemaikan unsur negatif yang Yang Berhormat sebut itu, patut mengambil dua stand, pada saya. Satu, juga menganggap dahulu saya katakan gunakan masjid sebagai kawasan bebas politik, saya pernah cakap. Saya lanjutkan ini juga dalam kawasan universiti, kampus.

Kampus, tempat belajar, jadi kita panggil juga kampus bebas politik. Politik pelajar itu lainlah, maksud saya politik negara yang seolah-olah hendak macam Yang Berhormat sebut tadi hendak election, hendak ada pilihan raya.

Jadi, kalau kita memberi ruang kepada pelajar-pelajar kita, untuk menumpukan masa belajar, jadi mereka akan lebih mendapat manfaat daripada hal itu, kalau tidak, saya mendengar daripada para pensyarah sendiri mengatakan bahawa kalau dibuat perbandingan di antara pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera, yang pelajar bumiputera ini nampaknya lebih aktif dari segi politik kepartian sehinggakan menjadikan sebab dia lemah dalam pelajaran, ini Yang Berhormat lebih tahu, saya hanya hendak menyebut.

Tetapi, satu lagi ialah ruang yang ada kalau kita kata pelajar hanya kena belajar sahaja, pun agak pelajar kata ini dull, dia tidak ada excitement. Orang muda hendakkan juga excitement, fund in learning dan kadang-kadang excitementnya ialah dengan mencari salah orang, excitement dia ialah dengan membuat perancangan-perancangan yang mengikut naluri hati dia sebagai orang muda.

Jadi, oleh kerana itulah ruang ini saya rasa adalah satu ruang yang mungkin pihak kerajaan juga boleh membuat pendekatan yang lebih mirip kepada mendekati pelajar dengan program yang menarik minat mereka.

Saya tahu program Kementerian Belia dan Sukan ada Rakan Muda dan sebagainya, itu tak apalah, kita melihat kepada program yang lain, yang sudah ada kita melihat, mengkaji kehasilannya. Tetapi kalau kita cari program yang berlandaskan kekuatan pelajar itu sendiri, saya terfikir sekarang umpamanya kalau kita mengajak pelajar-pelajar menganjurkan satu peraduan pertandingan untuk menyediakan satu proposal, satu cadangan yang boleh kita katakan, ha awak prepare cadangan 20 muka, macam ini, baik itu kumpulan tadi. Kalau tadi saya kata keluarkan produk kreatif, sekarang buat satu kumpulan mengeluarkan atas tajuk pemimpin berwibawa pada alaf baru ini. Sebagai contohlah.

Kalau saya beri tajuk pemimpin berwibawa pada alaf baru, kepada pelajar menjadi sebagai assignment, jadikan syarat lima orang atau sepuluh orang satu pasukan, mereka terpaksa berkongsi pendapat, ada team work, menyediakan kertas, sudah ada challenge dari segi penulisan. Jadi, ada berpasukan, ada kreativiti ruang untuk berfikir secara kreatif, ada ruang untuk menunjuk bakat menulis dan kemudian kita membuat pembentangan ala korporat, membuat presentation, pertandingan presentation, cadangan dia ini yang 10 muka surat atau 20 muka surat dan sebagainya kata, kena ada executive summary dan bila dia bentang kena bentang di hadapan khalayak ramai dengan menggunakan ICT, teknologi maklumat, menggunakan alat tercanggih, power point dan sebagainya.

Jadi, kalau saya pada program ini, yang menjadi serampang banyak mata, sedangkan baru-baru ini saya hanya melihat umpamanya yang terkini, saya tidak ingat bila, masih lagi dalam abad ke-21 kita menganjurkan pertandingan bahas, Yang Berhormat Dato' Mahadzir sendiri tahu pertandingan bahas di Kedah kita buat dalam tahun 50-an, ini masa Bulan Bahasa, Minggu Bahasa dan sebagainya. Bahas ini di antara sepasukan dengan pasukan yang lain, itu pada saya out dated, dengan izin. Minta maaf lah siapa yang organized ini, tetapi oleh kerana tidak ada yang lain, ada sponsornya, saya lihat, Ya Allah, yang aku buat tahun 50-an dahulu masih diulang, seolah-olah kita buntu dengan kreativiti untuk mewujudkan yang lain. Dan ada pula sponsorship televisyen kadang-kadang direct telecast lagi hebat, kadang delayed telecast, dengan izin, tetapi pada saya perancangan peraduan yang saya sebut ini, sebagai contoh adalah lebih meyakinkan kerana yang dia pergi a team of five atau sepuluh, yang present seorang, yang idea tulis banyak, tulisan pun beri markah, penyampaian pun beri markah, penggunaan teknologi pun beri markah, bagaimana ia menggunakan carta graphics dan juga innovations, video dan sebagainya, multimedia.

Jadi, sekali gus melalui satu projek sasaran pelajar, saya telah mendapat lima atau enam hasil objektif yang banyak, bukan pepatah Inggeris kata, killing two birds with one stone, dengan izin, tidak. Sekarang, saya bunuh lima atau enam sasaran dengan hanya satu kaedah, satu pendekatan.

Jadi, itu terima kasih Yang Berhormat kerana bertanya soalan itu, jadi saya pun berkesempatan keluar idea ini. Tentang program ini sebenarnya saya amat berminat sebab kita bermodelkan kepada dunia korporat dan saya pernah bentangkan, cerita kepada rakan dalam universiti, minta dia tolong anjurkan, saya

kata inilah caranya kita dapat menarik rakan-rakan pelajar. Kemudian mereka itu sudah ada networking, ini saya lanjutkan konsep sedikit.

Bila sudah sepuluh orang satu pasukan, berapa universiti, 20 universiti yang ambil bahagian. Jadi, 200 orang, 30 universiti sudah ada 300 orang, sudah wujud 300 pelajar universiti yang menggunakan kebijaksanaan pemikiran mereka dalam program ini, ini networking saya, kalaulah saya menjadi penasihat program ini sebagai contoh.

Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir, kalau Kementerian Pendidikan buat program, saya jadi penasihat, saya tahu apa yang hendak nasihat. Ini saya jamin. Cerita lain tetapi ke arah masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sendiri, maksud saya macam saya bercakap tadi, bukan sahaja push approach tetapi juga pull approach, pendekatan ini, dia kena lain. Tidak apalah, yang lain pendekatan begitu begini, begitu begini, kalau saya meraba-raba ini untuk lentik bagi bunyi, kenalah cuba banyak tempat, kadang-kadang ada tempat dia bergerak, tergerak, katalah daripada hujung rambut sampai hujung kaki, saya cuba menggerakkan satu badan, umpamanya, badan itu merupai masyarakat pelajar sebagai contoh, bayangkanlah di mana saya hendak tekankan, pressure kuat sedikit di mana, hendak beri ada satu pergerakan dan respond, ini model yang saya sebutkan.

Jadi, saya ingat itu memadai dari segi menjawab pendekatan persoalan Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir sendiri dan saya percaya daripada universiti di mana Yang Berhormat datang itu pun saya mendengar khabar, kadang-kadang pelajar pun ketandusan idea untuk buat aktiviti, ini saya dengar daripada causes mouth, dengan izin. Kalau dia bohong saya, bohonglah, tetapi saya tak mahulah sebut siapa, privately saya boleh beritahu.

Mereka kata dia pun memang habis idea, dia excited bila saya cerita ini, tetapi tak buat, apa sebab wallahu'alam, mungkin ada pula politik dalam universiti, ini masalah. Tetapi saya ingat kalau adapun politik dalam universiti, pihak kementerian seperti Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir, boleh ignorekan masalah politik ini, ini program baik, mari kita buat. Cari sponsor mari kita buat, cubalah, dunia multimedia, dunia ICT, dunia berasaskan pengetahuan, suruh kita mencuba, malah saya pernah bercakap baru ini juga dalam convention ICT itu sebenarnya "Ingin Cuba dan Teroka", itu sebenarnya. Ingin Cuba dan Teroka, ingat itu. ICT - Ingin Cuba dan Teroka, oleh itu ada idea cuba, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir pun

suruh cuba, memang suruh cuba dan kalau kita tidak cuba, apakah kad pintar pelbagai kerajaan dapat kita jayakan, tidak boleh, kerana kita cuba, kita dahulu.

Oleh kerana itulah, kita telah berjaya mewujudkan kad pintar walaupun tersilap sedikit. Kalau beri nama pintar, printlah pintar, jangan cetak kad pengenalan, satu sebelah, di sebelah lain tulis, lesen kereta. Tidak, kita hendak mengajar ini, kata awak nama Ghazi, dan lepas itu panggil saya Awang. Saya nama Ghazi bukan Awang, ha begitulah.

Jadi, pada orang ramai ini saya sudah sebut untuk hendak menghabiskan tajuk ini pada masa yang terdekat, jadi saya sambung sedikit dengan kad pintar, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi, saya rasa masih ada lagi yang hendak diucapkan. Boleh kita sambung selepas rehat nanti.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan pada petang ini jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyambung. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini penghargaan kita kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Jamaludin sendiri memberi taklimat yang begitu baik kepada kita tengah hari tadi, lengkap dengan jamuan makan dan satu beg mengandungi maklumat yang terkini mengenai jabatan. Saya ucap tahniah.

Saya sebut ini kerana tadi saya sebut ada tiga kumpulan hendak menentukan kejayaan Rancangan Malaysia Kelapan. Satu sektornya ialah pegawai kerajaan yang diuruskan oleh JPA. Oleh kerana itulah, saya merakamkan dahulu penghargaan kepada JPA dan kita harap JPA dapat menjalankan tugasnya dengan cemerlang dengan projek-projek utama yang sedang dilaksanakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pendidikan yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai permasalahan yang begitu banyak sekali berlaku terkini. Soal pelajar masuk IPTA, soal kuota, soal kurikulum baru, soal galakan mengenai sains dan teknologi, soal penekanan bahasa Inggeris, soal penggunaan bahasa Malaysia, soal pengwujudan kolej komuniti, tentang pemberian tender yang mula-mula tidak diiktiraf, kemudian diiktiraf dan sebagainya, terlalu banyak masalah.

Yang saya ingin bertanya, saya belum soalan, satu lagi. Selain daripada banyak permasalahan yang nampak, setiap kali juga kita dengar, Tuan Yang di-Pertua, 'perkara ini akan dikaji, perkara ini akan dipertimbangkan dan dikaji.' Yang lebih kerap 'dikaji' daripada 'dipertimbangkan',. Jadi, soalan saya ialah adakah sebenarnya kajian yang teliti dan saintifik sebenarnya berlaku di peringkat kementerian. Adakah ini satu tanggungjawab oleh bahagian EPRD Education Planning and Research Division (EPRD), kalau tidak salah sayalah, saya faham sebagai EPRD. Adakah bahagian ini diberi tanggungjawab khusus untuk mengumpul segala data, segala maklumat, segala keluhan, segala idea, segala cadangan yang begitu banyak mengenai pelajar, mengenai kurikulum, mengenai guru dan sebagainya supaya segala-galanya ini memang mendapat perhatian yang sewajarnya, sebab maklumat ini kalau tidak dikumpul dengan sistematik dan kalau tidak ada perancangan untuk memproseskan data dan maklumat ini secara terancang dan profesional, kita tidak akan mendapat hasilnya yang lengkap dan boleh dipakai. Ini yang saya takut, sebab kadang-kadang kita nampak seolah-olah masalah ini berlaku berulang kali, dia bising sekejap masa jadi, diaamm...kemudian, bila berlaku tahun depan peperiksaan, ulang balik, yang itu juga. Kadang-kadang masalahnya pun serupa, cara penekanan dan responsnya pun serupa.

Saya hendak sebut di sini, kalau tidak ada saya minta pihak kementerian wujudkan satu bentuk, satu badan, sama ada hendak out source kah bagaimanakah itu terpulang kepada kementerian supaya kajian yang teliti dibuat once and for all, sekurang-kurangnya dalam masa jangka RRJP3 ini sudah laku segala solutionnya atau minimumnya dalam RMK-8 ini kerana kalau tidak selalu kita berubah. Jadi, kadang-kadang bila kita berubah tidak semestinya yang kita berubah itu ke arah yang betul-betul lebih baik.

Sebagai contoh, penwujudan kolej swasta, penwujudan IPTS dengan begitu memuncak mempunyai harapan yang baik untuk membanyakkan institusi pendidikan

supaya Malaysia boleh menjadi pusat kecemerlangan dan sebagainya. Ini pun ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi semasa membentangkan RMK-8. Tetapi dalam masa yang sama, ia telah menimbulkan masalah lain. Jadi, oleh kerana masa kita melahirkan sistem penswastaaan IPTS ini tidak begitu terancang dan detail dari segi pelaksanaannya, dari segi kuota nya, dari segi mutu dan sebagainya, maka sekarang timbullah masalah yang kita sendiri kena beban.

Maka, kita fikirlah pula cara hendak menyelesaikan masalah itu seperti bantuan kewangan kepada para pelajar, bagaimana hendak mengawalkan mutu dan sebagainya. Perkara-perkara ini saya harap kalau ada badan khas yang secara terancang membuat perancangan yang lebih secara berbentuk jangka panjang, maka mutu dan hasilnya pun kita akan mendapat manfaat yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam membentangkan RMK-8, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menyebut semua ini ke arah pencapaian Wawasan 2020. Bila sebut Wawasan 2020, saya teringat, terbaca juga kita ingin mewujudkan masyarakat madani. Masyarakat madani ini mengikut fahaman saya ialah masyarakat yang maju secara keseluruhannya yakni rohani mahupun jasmani, emosi mahupun intelektual, duniawi mahupun ukhrawi dan misali terkini mahupun pada bila-bila masa dan mana-mana tempat sekalipun.

Sekarang persoalannya, kalaulah membentuk sebuah masyarakat begini yang mana tidak semestinya semua penduduknya beragama Islam tetapi sistem kehidupan dan wawasan masyarakat itu merupakan sesuatu yang boleh menjamin kesejahteraan dan keadilan dan saksama tanpa kira bangsa, agama dan status dalam masyarakat. Ini baik, persoalannya, kalau kita letakkan itu dalam ungkapan untuk mencapai dalam Wawasan 2020, saya ingin merujuk balik kepada sistem pendidikan yang kita ada sekarang. Sejauh manakah sistem pendidikan yang kita ada sekarang ini sebenarnya mengikut jejak langkah untuk mencaipai masyarakat madani.

Saya menyebut ini kerana dalam negeri Selangor, alhamdulillah, di bawah kepimpinan anak muda Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mohd Khir Toyo, baru-baru ini telah melancarkan satu program Bina Insan yang memberi pengkhususan kepada penwujudan insan rabbani ke arah mencapai masyarakat madani. Pada saya, segala usaha pihak peringkat Kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mohd Khir itu amat baik sekali kerana program-

programnya betul-betul menuju ke arah penwujudan masyarakat madani dan mengikut sektornya, sektor pegawai kerajaannya, sektor ahli politiknya, sektor pekerja-pekerja kilangnya, sektor penuntutnya, sektor gurunya dan sebagainya juga pemimpin-pemimpin masyarakat JKK dan sebagainya.

Pada saya, itu merupakan sebagai satu langkah positif yang amat baik sekali sebagai satu pendedahan pendidikan kepada seluruh anggota masyarakat yang saya sebut tadi. Mungkin bila saya sebut insan rabbani, jangan silap dengan Kumpulan Rabbani – nasyid yang baru-baru ini menang, jangan silap. Insan rabbani ini ialah insan yang melalui tindakan kata-kata, hasrat, fikrah, dasar hidup, perjuangan dan penampilan dirinya sebenarnya mencerminkan apa yang diredai oleh Allah S.W.T. ataupun dengan perkataan lain, insan yang mana ibadatnya, pengorbanannya, hidupnya dan matinya adalah kerana hendak menegakkan yang baik serta menafikan yang batil bertapak di bumi Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah membina insan rabbani sebagai pemimpin masyarakat pelbagai sektor ini, pada saya amat tepat sekali kerana kalau pemimpin kerajaan, pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan seterusnya, keseluruhannya bersiap diri untuk menjadi insan individu bercorak rabbani, insya-Allah, kita akan sama-sama menjayakan masyarakat madani.

Oleh kerana itulah saya rasa tempat semaian yang paling baik untuk membina masyarakat begini ialah di kindergarten, di sekolah-sekolah rendah, di sekolah-sekolah menengah dan seterusnya di IPTA ataupun di IPTS sendiri. Saya harap pihak kerajaan dapat memberi sedikit penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan perkara Majlis ICT yang baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan RMK-8. Saya ingat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi pun menyebutnya dalam bentuk yang lain. Cuma yang saya ingin bertanya pihak kementerian ialah setelah pengumuman oleh Yang Amat Berhormat mengenai penwujudan Majlis ICT ini, apakah status dan kedudukan sebenarnya.

Saya difahamkan bahawa tidak banyak yang berlaku lagi oleh kerana, inilah masalah JPA macam kita dengar tadi. Katanya kita kena menunggu keputusan ataupun kelulusan pihak JPA untuk mendapatkan pegawai-pegawai baru kerana untuk menjalankan ini kita mengkehendakkan sekian-sekian banyak pegawai dan seterusnya. Ini memerlukan masa sebab bukanlah boleh sekelip mata, kerana kena mendapat kelulusan pihak JPA seterusnya Kementerian Kewangan dan sebagainya.

Yang saya ingin berkongsi pendapat dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ialah, walaupun keadaan begitu kita memahami keadaan proses ini agak memakan masa, tetapi pada saya pihak kementerian patut mewujudkan majlis ini serta-merta dan meng'activate'kan dengan aktiviti serta-merta kerana pengumpulan, perlantikan ahli-ahli majlis ICT, sama ada dari kerajaan sendiri ataupun dari luar – individu ataupun dari segi sektor korporat dan sebagainya boleh kita wujudkan tanpa mendapat kelulusan pihak JPA. Yang hendak tunggu JPA ini ialah kakitangan pegawai kerajaan.

Mari kita bersama-sama duduk dalam bilik untuk mendengar perancangan strategiknya. Dalam kongres ekonomi bumiputera yang keempat yang berlangsung pada bulan September 1999 dahulu hampir dua tahun Tuan Yang di-Pertua, telah diketengahkan cadangan untuk mewujudkan majlis ICT ini. Malah lebih daripada itu telah juga diketengahkan supaya diwujudkan satu agenda ICT khas untuk bumiputera yang dipanggil Bumiputera IT Agenda dengan ringkas BITA, B-IT-A. Kalau NITA National IT Agenda ada, kita ingin kerajaan mewujudkan BITA, Bumiputera IT Agenda. Ini pun telah dibahaskan dan dibentang dan dipersetujui di peringkat kongres ekonomi bumiputera yang keempat dahulu. Tetapi sampai sekarang tidak ada banyak aktiviti ke arah itu, yang saya maksudkan aktiviti pengwujudan majlis boleh diwujudkan.

Perancangan telah dibentangkan dalam kertas kerja, ada yang boleh diusahakan tanpa menggunakan jawatan-jawatan tetap yang menjadi masalah itu. boleh di*activate*kan melalui swasta umpamanya, boleh difikirkan cara-cara yang lebih kreatif, yang lebih inovatif dengan constrain tekanan yang ada apa kita boleh buat. Tetapi kalau ada full time dengan izin jawatan-jawatan tetap memang kita boleh perhebatkan lagi. Jadi, saya berharap pihak kerajaan akan memberi keutamaan yang lebih, kerana dengan izin time is of asset, tadi saya sebut Bill Gates kata business as the speed of thought, hendak membuat perjalanan sekarang kena cepat. Kita kena sepintas kilat menjalankan satu-satu usaha. Jadi, kalaulah kita dalam bidang ini sudah lama kita mewujudkan koridor raya multimedia, tetapi kalau dalam pengwujudan majlis agak tergendala tentang program-program khas untuk memberi penekanan kepada bumiputera pun tidak dilaksanakan. Maka keadaan ini adalah agak membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat satu jadual yang saya dapat – guna tenaga dalam syarikat teknologi maklumat mengikut kaum pada tahun 1999 menunjukkan

bidang pengatur cara bumiputera 41.5%, bukan bumiputera 58.5%. Juruanalisa sistem 58.3%, bukan bumiputera 41.7%, pereka bentuk grafik bumiputera 13.9%, bukan bumiputera 86.1%, pakar runding 17.7% berbanding 82.3%, pentadbiran pengurusan 14.2% berbanding dengan 58.7%. Dalam tiga bidang yang khusus, pencapaian bumiputera dalam reka bentuk grafik, pakar runding dan pengurusan semuanya menjangkau belasan sahaja, 13, 17, 14. Ini satu keadaan yang sungguh amat mendukacitakan. Dalam senario beginilah yang saya katakan pengwujudan majlis ICT bersama-sama dengan (BITA) - Bumiputera IT Agenda yang saya sebutkan tadi akan dapat membuat perancangan bagaimana hendak mengimbangi keadaan ini. Kalau tidak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan kita bentangkan nanti Fasal 2 dari RRJP3 akan juga menunjukkan data yang rendah bukan kerana apa kerana tidak banyak usaha dibuat untuk meningkatkan data itu. Kerana data tidak akan meningkat sendiri, ia menghendakkan satu usaha gigih, usaha yang memberi fokus dalam bidang-bidang ini kerana bidang-bidang ini kita kata adalah satu bidang yang amat strategik.

Tuan Yang di-Pertua, satu jadual lain yang saya ingin melihat di sini ialah ahli profesional bumiputera dan bukan bumiputera berdaftar di antara tahun 1990-1999. Ini pun di antara angka yang sedikit disentuh oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan RMK-8 tadi. Secara ringkas saya memberi pengkhususan kepada bidang yang saya hendak memberi fokus sahaja, umpamanya dalam profesion akauntan. Tahun 1990 bumiputera 11.2%, tahun 1999 meningkat sedikit 15.9%, sedikit sangat. Doktor gigi, ini kita baru habis tentang rang undang-undang doktor gigi ini. Ini pun teruk, doktor gigi yang kita ada pada tahun 1990, 24.3% tahun 1999 hanya meningkat 33.7%. Begitu juga peguam, walaupun kita nampak bercambah peguam, ramai betul secara fizikalnya, secara visual keseluruhan tetapi bila kita melihat angka setakat meningkat daripada tahun 1990 22.4% kepada tahun 1999 sebanyak 31.3% sahaja.

Argument ini adalah sama dari segi usaha kerajaan untuk memberi galakan dan fokus termasuk dalam bidang pendidikan strategi yang saya sebutkan tadi. Jadi, saya berharap pihak kerajaan akan memberi pengkhususan dan keutamaan dalam bidang ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang keseluruhan dasar ekonomi untuk negara kita. Kita telah diberi maklum dahulu bahawa pihak kerajaan sedang menggubal dasar k-ekonomi ini, knowledge

economy dan telah pun diberi tanggungjawab kepada pihak-pihak tertentu tetapi setakat yang saya tahu dasar ini belum diumumkan lagi dengan rasmi. Setakat yang saya tahulah, mungkin saya salah minta maaf, betul, saya harap ada pegawai kerajaan mengganggu, betul itu. Yang saya tidak faham ialah pada mulanya membuat perancangan bunyinya hebat, kerana kita hendak pergi road show seluruh negara. Kita hendak melibatkan, involve, ramai rakyat di sekitar umur semua kaum dalam untuk memahami apa dia k-ekonomi ini.

Kemudian di samping itu kita mendapat maklum balas dari rakyat, bagus, sebab ini akan kita masukkan juga dalam rangka dasar k-ekonomi untuk negara, bagus. Yang agak meragukan sekarang ini, yang saya tanya apa jadi dengan itu, apakah terlalu amat sukar untuk mengeluarkan satu dasar. Dasar ini kepada saya jangan tunggu sampai tahap unggul yang kita berpuas hati 100%, kerana itu dasar. Dasar ini rangka sahaja, jadi kalau dasar setakat mengeluarkan rangka itu agak terlalu amat susah bagaimana pula tentang implementasinya, bagaimana pula tentang masalah-masalah yang telah saya bangkitkan awal tadi. Jadi, perkara ini bila kita melihat seolah-olah menampakkan tidak kesungguhan kerajaan, mungkin. Saya tidak menuduh, saya kata seolah-olah.

Jadi saya berharap pihak kerajaan memberi keutamaan kepada perkara ini. Apa tahap sekalipun saya percaya dalam peringkat, dalam masa yang terdekat ini kita boleh umumkan interim sebagai satu dasar yang akan diubah kemudian. Jadi, pada saya ini akan menyedarkan lagi masyarakat keseluruhan bila kita bercakap tentang keseluruhan jangka masa RMK-8 selama lima tahun yang akan datang ini, kerana lima tahun yang akan datang ini kita kata berteraskan ilmu, berteraskan pengetahuan, kekuatan mental lebih kuat, minda lebih kuat daripada kekuatan fizikal. Besar kecil tidak mustahak, dia datang dari kampung, dari desa, dari setingan, dari bandar rumahnya atap atau kayu, atau batu atau apa sahaja, tidak mustahak. Kekuatan yang menentukan kejayaan ialah kekuatan akal dan pengetahuan yang akan digunakan. Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong 100% cadangan pembentangan RMK-8 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Tuan Appala Naidu  
**2.56 ptg.**

**Tuan K.R.A. Naidu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan saya mengenai Usul Rancangan Malaysia Kelapan.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia atas kesudian beliau melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato. Seri Dr. S. Samy Vellu, Presiden Malaysian Indian Congress yang telah mencalonkan nama saya kepada Perdana Menteri untuk dilantik sebagai ahli dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berasa amat bertuah dan berbangga berkhidmat di bawah seorang pemimpin yang berwawasan dalam rupa Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membawa negara ini ke tahap pembangunan yang agak mengagumkan dan seorang lagi pemimpin berwawasan dan pejuang masyarakat yang tidak lain dan tidak bukan Presiden M.I.C, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. S. Samy Vellu.

Tuan Yang di-Pertua, Jumlah peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Rancangan Malaysia Ke-10 ialah RM110 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan digunakan untuk pendidikan dalam sektor sosial yang diperuntukkan sebanyak RM37.5 bilion atau 34.1% daripada jumlah peruntukan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang sentiasa berusaha untuk membawa pembaharuan dalam sistem pendidikan kita. Memandangkan masa depan negara ini adalah di tangan pelajar-pelajar generasi sekarang, kerajaan harus sensitif dan peka kepada isu-isu berkaitan pendidikan.

Pada masa sekarang masyarakat Malaysia termasuk pemimpin-pemimpin negara kluatir tentang perpaduan di kalangan pelajar khususnya di institusi-institusi pendidikan tinggi. Pada tahun 60'an dan 70'an, pelajar-pelajar dari pelbagai kaum sanggup tinggal di bilik yang sama di asrama tetapi sekarang ini jarang berlaku. Selepas empat dekad negara kita merdeka nampaknya perpaduan yang wujud pada masa yang lampau tidak lagi dikekalkan. Oleh yang demikian, falsafah pendidikan negara saya harap perlulah dikaji semula untuk memastikan sama ada ia:-

- (i) berjaya memupuk perpaduan kaum antara pelajar-pelajar kerana perpaduan membawa keamanan dan kestabilan yang merupakan teras kemajuan di sesebuah negara;
- (ii) mewujudkan masyarakat berilmu;
- (iii) mementingkan visi serta daya kreativiti;
- (iv) menggalakkan pandangan yang rasional dan kritikal; dan
- (v) memupuk semangat kompromi dan toleransi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan haruslah berwaspada tentang tugas-tugas yang diberikan kepada guru-guru. Ramai ibu bapa dan para guru-guru sendiri berpendapat bahawa kebanyakan masa dan tenaga guru-guru digunakan untuk membuat kerja-kerja yang tidak ada sangkut paut dengan pengajaran.

Kementerian Pendidikan hendaklah memastikan bahawa semua seminar, bengkel, ceramah, mesyuarat anjuran Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah hendaklah dijalankan sebaik-baiknya di luar waktu sekolah supaya pembelajaran dan pengajaran tidak terganggu. Apa yang saya maksudkan di sini ialah perbelanjaan yang tinggi dengan memberi pelbagai kemudahan dan latihan tidak akan bererti sama sekali sekiranya guru-guru tidak sempat berada di dalam kelas untuk mengajar.

Kita selalu mendengar aduan daripada guru-guru bahawa mereka dipaksa mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen mereka. Ini sering berlaku dan Kementerian Pendidikan harus bertindak dengan cepat dan tegas untuk memperbaiki keadaan ini. Sekiranya perkara ini berleluasa maka mutu pendidikan kita sudah tentu akan merosot sedikit sekurang-kurangnya kerana guru-guru tersebut tentu tidak begitu mahir dalam mata pelajaran yang bukan opsyen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian kerajaan bahawa sudah masanya untuk mengkaji dengan serius serta rasional perlunya dua klasifikasi sekolah iaitu :

- (i) Sekolah bantuan penuh kerajaan
- (ii) Sekolah bantuan modal kerajaan.

Apa yang berlaku sekarang ialah terdapat jurang-jurang yang ke tara di antara dua struktur tersebut. Rata-rata kita lihat sekolah bantuan modal seolah-olah terpinggir jauh jika dibandingkan dengan sekolah bantuan penuh. Pelbagai masalah dan cabaran dihadapi oleh sekolah-sekolah bantuan modal seperti kemudahan asas seperti kerusi dan meja bagi pelajar-pelajar adalah dalam keadaan yang buruk dan

biasanya tidak mencukupi, tiada bekalan air dan kemudahan elektrik, kadang-kadang tiada kantin dan tandas yang sempurna dan keadaan bangunan sekolah adalah dalam bahaya kerana struktur bangunan tersebut uzur. Sebagai contoh, di kawasan Parlimen Tanjung Malim, terdapat dua buah sekolah bantuan modal, sekolah rendah dan sekolah menengah dalam satu compound dengan jumlah pelajar seramai 1,300 pelajar daripada semua kaum yang terpaksa berkongsi sebuah tandas yang hanya mempunyai empat atau lima ruangan bilik air.

Di sebuah sekolah rendah bantuan modal yang lain yang dibina pada tahun 50-an hampir keseluruhan struktur bangunan itu telah dimakan oleh anai-anai dan sebahagian tiang dan siling telah runtuh. Perkara tersebut telah pun dimaklumkan kepada pegawai pendidikan daerah yang berkenaan. Apabila pegawai pendidikan daerah membuat lawatan ke sekolah tersebut, beliau menolak permintaan guru-guru untuk meninjau sendiri keadaan bangunan yang hampir runtuh atas alasan beliau tidak ada kuasa untuk memberi bantuan penyelenggaraan bangunan kepada sekolah-sekolah bantuan modal kerajaan. Bayangkanlah sendiri apa yang boleh berlaku sekiranya bumbung bangunan lama itu jatuh di atas pelajar atau guru yang mengajar di sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh sebutkan sekolah mana itu?

**Tuan K. R. A Naidu:** Saya boleh bagi kemudian surat itu. Saya tidak menyalahkan pegawai pendidikan daerah berkenaan, dia hanya menjalankan tugas tetapi kerajaan haruslah bertindak segera dengan menukarkan semua sekolah bantuan modal kerajaan kepada bantuan penuh kerajaan. Dengan ini kerajaan dapat membuktikan bahawa ia adalah sensitif dan peka kepada keperluan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua yang ingin saya sentuh ialah penyusunan semula guna tenaga. Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang berani mengaku kekurangan kakitangan bukan bumiputera di sektor awam. Ini sangat ketara terutama pada musim perayaan di mana kita dapati banyak pejabat kerajaan hampir kosong dan jentera kerajaan seolah-olah sudah berhenti. Langkah-langkah perlu diambil dengan segera untuk memperbaiki kedudukan ini

dengan menambah bilangan kakitangan bukan bumiputera dalam sektor awam dan dengan sektor swasta pula, mengambil lebih ramai bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, aspek ketiga yang saya ingin sentuh ialah pembasmian kemiskinan. Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 8.7% pada tahun 1995 kepada 6.1% pada tahun 1997. Pada tahun 1998, kadar kemiskinan meningkat kepada 8.5% kerana Malaysia dilanda krisis ekonomi. Pemulihan ekonomi pada tahun 1999 telah menurunkan kadar kemiskinan kepada 7.5%. Teras strategi membasmi kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% menjelang tahun 2005. Oleh yang demikian, kerajaan harus memberi perhatian yang serius kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum-kaum yang kurang maju. Sebagai contoh, ekuiti kaum India hanya meningkat ke-1.5% pada tahun 2000; dari 0.8% lebih 30 tahun yang lalu. Ini jelas menunjukkan bahawa kaum India sangat memerlukan pertolongan daripada kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Jumlah setingan kaum India dan peningkatan kes-kes jenayah di kalangan pemuda India jelas mencerminkan status sosioekonomi kaum India yang agak menyedihkan.

Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk menambah ekuiti kaum India dari 1.5% kepada 3%. Kerajaan harus mempergiatkan langkah bagi memastikan golongan miskin daripada semua kaum mendapat manfaat daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan dalam pilihan pendidikan, perumahan, perkhidmatan kesihatan, pertanian dan penyediaan kemudahan awam yang berkualiti. Kerajaan yang sedang mengaturkan program-program seperti penyediaan perumahan dan kemudahan awam bagi menangani masalah orang miskin di kalangan isi rumah di bandar mahupun di luar bandar sekarang. Program ini harus dilaksanakan di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas sekali lagi kepada kerajaan yang sudah pun sedar sebelum terlewat bahawa peranan sektor pertanian dalam ekonomi tidak boleh diabaikan. Hanya bergantung kepada eksport perindustrian adalah bahaya kepada ekonomi negara kita. Ada pepatah Inggeris menyatakan, *If America sneezes, the rest of the world will get fever*, dengan izin. Itulah sebabnya negara-negara besar seperti China dan India mengamalkan polisi *closed economy*, dengan izin, selama ini. Oleh kerana itu, apabila *Tiger Nations of South East Asia*, dengan izin, menghadapi kemerosotan ekonomi pada tahun 1998 hingga 2000, negara-negara yang besar itu sudah merasainya dengan begitu pesat.

Pelajaran yang diperolehi daripada peristiwa ini adalah *balanced economic development*, dengan izin, antara sektor-sektor ekonomi adalah satu langkah yang bijak. Kebijaksanaan dan kepintaran pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang mengemukakan polisi sedemikian mestilah dipuji. Kepentingan strategik sektor pertanian harus diutamakan memandangkan ia merupakan pembekal makanan kepada negara dan bahan mentah untuk sektor pembuatan.

Untuk menjayakan matlamat ini, kerajaan harus bertindak untuk menukar fikiran di kalangan rakyat bahawa pertanian bukan sahaja untuk orang yang buta huruf tetapi juga orang yang berpendidikan. Kerajaan harus mengambil langkah untuk menarik orang berpelajaran seperti lepasan universiti untuk menceburi diri dalam bidang pertanian supaya kita dapat memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Pada tahun 1995, Malaysia telah mengimport sebanyak RM2.8 bilion barang-barang berasaskan pertanian dan pada tahun 2000 ia telah meningkat kepada hampir RM4 bilion. Haruslah kita bertindak untuk menjimatkan *foreign exchange*, dengan izin, daripada sektor ini. Dalam usaha ini kerajaan mestilah bertindak untuk membantu penternak lembu dengan menyediakan kawasan padang ragut di setiap daerah jika boleh. Dengan pembangunan negara yang pesat, sektor ternakan lembu juga menjadi mangsa sebab kawasan lapang serta tanah kerajaan yang digunakan untuk ternakan dibangunkan untuk tujuan-tujuan lain. Sekiranya tindakan awal tidak diambil dengan segera untuk menyediakan padang ragut di seluruh negara dalam jangka masa satu abad lagi, penternakan lembu akan pupus dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya merangka Rancangan Malaysia Kelapan yang menyeluruh dan terperinci serta berdaya saing bagi menghadapi perkembangan globalisasi dan liberalisasi. Namun begitu, saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya ataupun mengadakan satu *monitoring system* dengan izin, untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud di seluruh bahagian jentera kerajaan bagi memastikan Dasar Negara tetap dilaksanakan tanpa penyelewengan atau kecuaiian. Saya juga syorkan bahawa badan yang ditubuhkan untuk mengawasi Dasar Negara perlu mempunyai kuasa untuk bertindak ke atas agensi-agensi kerajaan yang sengaja menyeleweng.

Dengan kata-kata tersebut, saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

**3.15 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana turut memberi peluang kepada saya bagi mengambil bahagian di dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri yang kita kasihi pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-8 telah disusun dengan begitu rapi sekali dan mencakupi berbagai bidang dan aspek. Namun, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita orang-orang Melayu adalah di dalam kesuntukan masa. Kenapa saya berkata demikian? Adalah kerana jika kita kaji dari waktu negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, orang-orang Melayu ketika itu boleh dikatakan tidak langsung berkecimpung dalam bidang ekonomi sehinggakan perbezaan kaum begitu ketara sekali, lantaran tercetusnya peristiwa hitam yang telah melanda negara kita dengan apa yang kita kenali sebagai Tragedi 13 Mei 1969.

Maka, pada tahun 1970, Allahyarham Tun Abdul Razak telah melahirkan Dasar Ekonomi Baru bagi menyeimbangkan kekayaan kaum. Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukannya bertujuan merampas hak orang lain dan diberikan kepada orang Melayu, akan tetapi Dasar Ekonomi Baru adalah dilahirkan demi memberi peluang-peluang baru yang boleh meningkatkan prestasi Melayu dan bumiputera, khususnya dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Malahan kaum bukan bumiputera mendapat banyak nikmat hasil dari DEB yang telah dilancarkan oleh kerajaan.

Namun kita harus ingat bahawa selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sehinggalah DEB dilahirkan, sesungguhnya orang-orang Melayu berada di dalam kerugian dan ketinggalan. Masa selama 13 tahun telah tidak menguntungkan Melayu. Maka, bermulalah satu gelombang yang saya ibaratkan sebagai gelombang yang pertama pada tahun 1970 dan gelombang yang pertama ini telah berterusan dengan begitu lancar selama lebih kurang 15 tahun sehinggalah kita bertembung dengan kegawatan ekonomi (recession) pada tahun 1985.

Di antara tempoh ini, 1970 hingga 1985, kita telah berjaya melahirkan multimillionaires Melayu dan timbullah nama-nama besar seperti Tan Sri Azman di dalam perbankan, Tan Sri Ibrahim di dalam binaan (construction), Tan Sri Shamsuddin di dalam telekomunikasi dan mungkin satu dua nama-nama besar lagi. Kita merasa bangga kerana dalam vakum selama 13 tahun selepas merdeka,

muncullah multimillionaires, dengan izin, Melayu ini dan mereka ini menjadi rangsangan kepada Melayu dan bumiputera lain untuk belajar dan menanam keyakinan diri bahawa orang Melayu juga mampu berjaya di arena ekonomi.

Namun, kita harus ingat bahawa tatkala Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1970, nama-nama besar tadi baru berusia 30 hingga 35 tahun ketika itu dan apakala tamatnya gelombang pertama pada tahun 1985, mereka ini sudah pun berusia 45 hingga 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh yang sama juga, kerajaan telah berjaya melahirkan ramai usahawan menengah dan usahawan mikro, namun ramai di kalangan mereka yang terkandas dan kecundang apakala dilanda kegawatan ekonomi pada tahun 1985. Namun, tidak pula dinafikan bahawa ada juga sebilangan kecil yang mampu terus survive, dengan izin, walaupun terpaksa bergelut (struggle) dengan pelbagai cubaan dan dugaan.

Kegawatan ekonomi 1985 juga telah tidak dapat mempertahankan sesetengah korporat kita yang sudah berada di mercu kejayaan. Kita bersimpati dengan Tan Sri Ibrahim kerana beliau juga tidak mampu bertahan ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah secara ringkasnya kayu pengukur yang dapat kita gunakan dalam tempoh perbahasan yang singkat ini bagi mengukur kejayaan kita secara rambang selama 15 tahun setelah DEB dilancarkan dan 20 tahun selepas negara mencapai kemerdekaan.

Sesudah recession 1985, dengan izin, bermulalah gelombang yang kedua sehingga kita bertembung pula dengan recession 1997 dan 1998 dan sekali lagi kita dapat bangga kerana kerajaan berjaya sekali lagi melahirkan tambahan-tambahan, multimillionaires-multimillionaires Melayu dan lahirlah nama-nama besar seperti Tan Sri Halim Saad dalam infrastruktur, Tan Sri Tajudin Ramli di dalam transportation dan telekomunikasi, Tan Sri Wan Azmi, Tan Sri Rashid Hussin di dalam perbankan dan ramai lagi multimillionaires-multimillionaires Melayu yang dapat kita banggakan. Seperti Yang Berhormat Tengku Dato' Adnan dan Yang Berhormat Datuk Effendi Norwawi, namun kedua mereka ini telah berkorban meninggalkan dunia korporat mereka bagi membantu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri bagi mentadbir negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengalun gelombang yang kedua, kita juga telah dikejutkan dengan recession pada tahun 1997. Bahtera ekonomi dapat kita layarkan di dalam gelombang kedua ini selama lebih kurang hanya 13 tahun sahaja.

Sekarang kita berada di alaf baru abad ke-21. Ketika ini *people like* Tan Sri Azman dan yang sewaktu dengannya, mungkin sudah berusia dalam lingkungan 58 hingga 60 tahun.

Maka, tahun ini tahun 2001, bermulalah gelombang yang ketiga. Persoalannya sekarang ialah berapa lamakah gelombang ketiga ini mampu bertahan sebelum kita bertembung pula dengan satu lagi kegawatan (recession). Namun apa pun jua yang berlaku, kita seharusnya sedar bahawa wawasan besar kita adalah pada tahun 2020 seperti yang disyorkan oleh pemimpin agung kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ini bererti kita masih punyai masa selama 20 tahun lagi. Namun, kita harus sedar bahawa di antara yang menjadi cita-cita besar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah pada tahun 2020, Melayu sudah mampu berdikari dan Melayu ketika itu sudah tidak perlu lagi perlindungan dasar-dasar dan polisi-polisi untuk mereka. Orang-orang Melayu pada ketika itu sudah seharusnya gagah dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja di dalam dunia tanpa sempadan ini. Orang Melayu sudah boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan apa sahaja bangsa ketika itu.

Justeru itu, kita harus pastikan persediaan ini mestilah dilakukan dalam satu dekad ini, maka itu kita hanya punyai 10 tahun sahaja dari sekarang dan 10 tahun inilah kita harus tentukan hala tuju orang-orang Melayu. Kita tidak punyai waktu yang banyak dan dalam kesuntukan waktu ini, kita harus memunggh seluruh kekuatan bagi merealisasikan cita-cita dan idealisme perjuangan kita yang suci.

Untuk menuju 10 tahun yang akan datang, kita harus tentukan siapa dan berapa ramai lagi Melayu yang hendak kita jadikan multimillionaires sebagai tambahan kepada yang sedia ada sekarang ini. Arena mana dan sektor apakah yang hendak kita pastikan orang Melayu berada pada ketika itu. Alhamdulillah, kita semua patut bangga bahawa orang-orang Melayu telah menguasai beberapa sektor seperti infrastruktur pengangkutan, telekomunikasi dan perbankan. Jadi, dari sekarang kita hendak pastikan pula beberapa sektor lagi yang harus kita terokai dan kuasai.

Dari segi pengangkutan, kita berbangga kerana kita kuasai di dalam bidang kereta dan penerbangan. Namun, kita penuh yakin bahawa kita telah bersedia ataupun sekurang-kurangnya sedang mengatur langkah dan strategi bagi mengatasi dan menghadapi competition, dengan izin, yang lebih global dewasa ini.

Kita sedar bahawa mereka telah mewujudkan world alliance, dengan izin, dengan penggabungan enam buah syarikat penerbangan, manakala di dalam industri pembuatan kereta pula, kita juga sedar bahawa kita akan berhadapan dengan WTO (World Trade Organization) liberalization pada tahun 2003 di mana semua pintu akan tertutup untuk kita dan tiada lagi tarif yang akan dinikmati ketika itu.

Persaingan akan menjadi lebih sengit di masa akan mendatang. Justeru, izinkan saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan juga Tun Daim Zainudin agar terus membantu korporat-korporat kita yang ada sekarang ini. Kita mesti *preserve the Malay wealth*, dengan izin. Persetankan apa yang orang lain kata. Kita ada matlamat kita.

Mereka yang telah berjaya ini harus diberi bantuan dan sokongan yang kuat agar mereka benar-benar menjadi kebal dengan apa juga dugaan di masa akan datang. Hatta, kemelesetan dan kegawatan ekonomi juga tidak akan dapat menggugat mereka lagi. Malah mereka inilah yang akan membantu memulihkan kegawatan ekonomi, kiranya ada di masa hadapan. Dalam pada itu, berpaksikan kejayaan yang mereka kecapai, rasanya perlu juga kita harus tingkatkan tanggungjawab kepada mereka. Dengan izin, *after giving them great wealth, they must remember that great wealth calls for great responsibilities*.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus *attach the responsibility to create more multimillionaires*, dengan izin. Mereka juga harus memainkan peranan dalam membasmi kemiskinan dan harus pula ada di antara mereka memikul tanggungjawab untuk membantu anak-anak yatim sehingga berjaya dan barangkali ada pula dipertanggungjawabkan kepada mereka beberapa orang usahawan untuk mereka membantu sehingga usahawan ini pula menjadi jutawan yang berjaya.

Semua pemimpin lain harus memberi sokongan kuat kepada mereka ini dan janganlah mencemburui kejayaan mereka. Mereka pun sudah banyak berjasa kepada bangsa dan tanah air kita. Adalah menjadi harapan kita agar pihak kerajaan akan terus membantu mereka agar dapat kita tingkatkan tanggungjawab-tanggungjawab besar yang hendak kita attachkan kepada mereka.

Kita juga harus sedar bahawa korporat-korporat besar seperti Tan Sri Azman yang semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, dahulu berusia 35 tahun tetapi kini mungkin sudah 60-an dan Tan Sri Halim Saad sudah lebih kurang 45 tahun kini dan

dalam masa 15 tahun yang akan datang, people like Tan Sri Halim Saad pula akan berusia 60 tahun. Maka itu saya ingin mencadangkan agar bermula dari sekarang kita juga harus melahirkan jutawan-jutawan Melayu muda yang nantinya mereka juga harus diattach dengan great responsibilities tadi, dengan izin.

Kita juga minta mereka yang sudah mencecah 50-an dan 60-an ini untuk dijadikan mentor kepada usahawan-usahawan yang hendak kita korporatkan nanti. Untuk tugas-tugas ini, peranan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin amatlah diperlukan. Pengalaman mereka yang luas, kematangan mereka yang tinggi serta kesabaran mereka bolehlah dipupuk kepada mentee yang akan dilahirkan kelak.

Saya hendak tegaskan bahawa kerajaan jangan peduli apa pembangkang kata. Tolonglah dan bantulah people like Tan Sri Halim Saad dan lain-lain lagi agar mereka benar-benar kukuh untuk memikul great responsibilities yang hendak kita attachkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana dianugerahkan seorang pemimpin yang tegas dan berani. Saya berani berkata demikian kerana kebijaksanaan dan ketegasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dibantu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Yang Berhormat Tun Daimlah, maka ekonomi negara kita semakin pulih dari masa ke semasa.

Kita harus berbangga kerana kita dapat keluar dari kemelut ekonomi yang begitu gawat dengan cara kita sendiri. Kita tidak perlu orang lain untuk mengajar kita bagaimana untuk mentadbir negara dan ekonomi kita. Kalaulah kita ikut telunjuk IMF tempoh hari, entah kemelut apa yang harus kita hadapi dan tempuhi sekarang ini. Kita boleh mengambil iktibar dari apa yang terjadi kepada negara-negara jiran kita dan terbukti sudah bahawa ubat pemimpin-pemimpin kita adalah yang paling mujarab dalam mengharungi kegawatan ekonomi yang melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesuntukan masa, maka izinkan saya selanjutnya memberi beberapa cadangan yang tidak sempat hendak dikupas panjang, namun yang penting agar point being taken up, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kaum bumiputera masih lagi terkebelakang berbanding dengan kaum-kaum lain. Walaupun negara telah melaksanakan tujuh rancangan pembangunannya yang melibatkan peruntukan berbilion-bilion ringgit, tetapi pencapaian bumiputera masih jauh dari sasaran 30% pemilikan ekuiti dan penguasaan korporat. Kedudukan penguasaan bumiputera dalam sektor korporat

hanyalah 20% syarikat pemilikan majoriti bumiputera yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat pada tahun 1997 dan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat hanyalah 19.3% pada tahun 1990 dan meningkat kepada 19.4% pada tahun 1998 di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Walaupun bagaimanapun, peratusan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat adalah menurun kepada 19.1% pada tahun 2000 lantaran dilanda kegawatan ekonomi dan kedudukan kita pula menjadi lebih buruk lagi dari tahun 1990. Dengan ini jelas bahawa walaupun dengan pelbagai usaha dan bantuan kerajaan setelah 30 tahun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, namun kita masih belum berupaya lagi mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat. Menginsafi keadaan tersebut, maka saya dengan ini ingin mengemukakan beberapa cadangan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini supaya ia dipertimbangkan demi untuk memastikan agar Melayu dan bumiputera akan terus hidup.

Cadangan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, membangun usahawan menyeluruh. Tuan Yang di-Pertua, negara kita memerlukan pendekatan pembangunan usahawan menyeluruh yang pada hemat saya boleh dikatakan dalam bentuk tiga dimensi, iaitu dimensi pertama berasaskan kepada mengkategorikan agensi pembangunan usahawan mengikut peranannya. Manakala dimensi kedua pula ialah peratusan pemilikan ekuiti dan penguasaan korporat yang disumbangkan oleh agensi berkenaan. Dan dimensi ketiga pula ialah bilangan usahawan yang diwujudkan oleh agensi masing-masing.

Dimensi yang pertama - melalui dimensi pertama kerajaan harus menentukan agensi di dalam kategori satu iaitu Khazanah Nasional, PNB, Lembaga Urusan Tabung Haji, KWSP dan LTAT juga terlibat dan bertanggungjawab dalam melahirkan golongan usahawan. Adah dicadangkan golongan usahawan yang diwujudkan oleh agensi-agensi ini dikenali sebagai usahawan korporat atau UK.

Seperti yang dimaklumkan jumlah ekuiti yang dipegang oleh agensi-agensi ini dalam sektor korporat adalah besar, tetapi peranan mereka dalam melahirkan usahawan adalah tidak jelas. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya agensi-agensi ini memperkenalkan skim management by out, dengan izin, secara terhad. Melalui cara ini, agensi yang terlibat dalam kategori ini boleh membenarkan seorang atau dua orang daripada pihak pengurusan tertinggi, key personnel, dengan

izin, membeli ekuiti tidak melebihi 15% daripada ekuiti syarikat yang diuruskan. Walau bagaimanapun, agensi berkenaan akan tetap memegang majoriti daripada ekuiti syarikat berkenaan bagi mengelak berlakunya penurunan pemilikan ekuiti bumiputera.

Melalui kategori satu ini kita dapat berbangga kerana melalui kategori ini kerajaan telah melahirkan korporat seperti Tan Sri Khalid Ibrahim. Maka kita berharap melalui kategori ini juga kerajaan akan dapat melahirkan lebih ramai lagi korporat-korporat Melayu.

Dimensi yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, melalui dimensi kedua pula kita dapat lihat ketelusan dan kesungguhan kerajaan yang terus menyokong dan membantu agensi-agensi dalam kategori kedua seperti PNS, PUMB, BBIMB, BIMB, SMIDEC, MTDC, MDC dan lain-lain agensi dalam kelas yang sama supaya memainkan peranan secara lebih agresif dalam mewujudkan usahawan kelas menengah. Agensi ini berperanan memegang peratus pemilikan ekuiti yang sederhana tetapi dalam masa yang sama mewujudkan lebih ramai bilangan usahawan menengah bumiputera melalui pakej pembiayaan masing-masing. Agensi yang terlibat dalam kategori ini patutlah membangunkan bilangan usahawan yang lebih ramai dari agensi kategori pertama. Kita rasa usaha-usaha yang dibuat oleh PNS dan PUMB di dalam melahirkan usahawan-usahawan menengah ini patutlah dipuji. Kita turut berbangga kerana melalui usaha-usaha PNS dan PUMB kerajaan telah berjaya melahirkan lebih kurang 20 hingga 30 usahawan kelas menengah yang telah berjaya.

Dalam pada itu, kita tidak menafikan bahawa ramai juga yang tidak berjaya, apatah lagi putik yang baru hendak tumbuh terkulai layu dengan serangan kegawatan ekonomi yang melanda negara pada Julai 1997. Justeru itu, kita merayu kepada kerajaan agar usahawan-usahawan yang terkandas di tengah jalan khususnya menghadapi masalah kegawatan bermula dari Julai 1997 diberi bantuan terus kepada mereka ini kerana ada di kalangan mereka yang telah mencatatkan kejayaan-kejayaan cemerlang sebelum dilanda kegawatan ekonomi.

Kita juga merayu kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Tun Daim selaku Menteri Kewangan agar PNS dan PUMB tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap usahawan-usahawan yang genuine ini yang terkandas lantaran serangan spekulator kewangan seperti George Soros. Kita

berharap agar kerajaan dapat memberi peluang kepada mereka kerana usaha kerajaan adalah untuk melahirkan usahawan-usahawan kelas menengah ini. Dan mungkinkah dengan pengalaman-pengalaman yang mereka lalui akan membuat mereka lebih matang dan bijak lagi untuk mengemudikan perniagaan baru jika diberi peluang oleh kerajaan sekali lagi.

Dimensi yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, manakala melalui dimensi ketiga pula kerajaan telah menentukan bahawa agensi-agensi dalam kategori ketiga iaitu CGC, MARA, Yayasan Tekun dan lain-lain tabung pembiayaan pembangunan usahawan yang bertujuan memberi tumpuan untuk mewujudkan ramai lagi bilangan usahawan mikro.

Secara keseluruhan peratus pemilikan ekuiti yang disumbangkan dalam sektor korporat mungkin terlalu kecil, tetapi apa yang akan dihasilkan melalui strategi ini ialah ianya mampu mewujudkan masyarakat dan budaya berniaga di kalangan bumiputera secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kedua saya ialah berhubung dengan penglibatan usahawan dalam sektor perkhidmatan. Trend terbaru dunia perniagaan dan perdagangan di alaf baru akan menjuruskan kepada sektor perkhidmatan, pemasaran, pusat maklumat dan jaringan perundingan, pengedaran, perkhidmatan perundingan, pusat pengedaran dan pembungkusan, pembangunan perisian komputer, pusat membaiki komputer dan e-dagang yang akan menjadi aktiviti terpenting. Pihak kerajaan sama ada secara atau tidak langsung mesti mula mengenal pasti setelah tinggi dan mekanisme bagi mempromosi kepentingan sektor perkhidmatan kepada usahawan bumiputera. Usahawan ini harus mempunyai kesedaran untuk menukar aktiviti perniagaan mereka kepada sektor perkhidmatan. Dalam pada itu, kemudahan infrastruktur, penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang dicebur serta rangkaian antara usahawan bumiputera tempatan mesti juga dibangunkan dan diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ketiga saya agar Malaysia dapat dijadikan sebagai pusat nilai tambah dunia, Malaysia as the world added value centre. Pihak kerajaan atas saranan dan daya usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meneroka pelbagai peluang perniagaan untuk ahli perniagaan Malaysia di negara-negara dunia ketiga. Kita terutamanya masyarakat perniagaan seharusnya memulakan perbincangan dan kerjasama sama ada di peringkat kerajaan atau swasta dengan pihak dunia ketiga tersebut bagi menjadikan Malaysia sebagai

sebuah pusat perdagangan antarabangsa. Dengan cara ini kita dapat memindahkan kemudahan perindustrian berteknologi rendah yang mengeluarkan peralatan dan komponen ke negara-negara tersebut. Kita juga harus memfokuskan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan dalam penghasilan produk barangan siap dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah, value added, dengan izin. Di samping itu, kita juga harus bersedia melengkapkan diri dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), penghasilan produk prototype, mereka bentuk, kemasan (finishing), jenama (branding), pemasangan (assembling), pembungkusan (packaging) serta pusat pengedaran dan pemasaran bertaraf dunia.

Perlu diingat bahawa kekuatan kita adalah dari segi lokasi negara yang terletak di antara Timur dan Barat dan di antara negara membangun dan negara Dunia Ketiga. Kedudukan kita yang strategik ini harus dimanfaatkan.

Cadangan saya keempat ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran barangan makanan halal. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui bahawa negara kita Malaysia terkenal di seluruh negara Islam sebagai sebuah negara tulen, tetapi dalam masa yang sama mengutamakan unsur-unsur komersial di dalam pentadbiran kita. Justeru, mengambil kekuatan ini sebagai satu tarikan, Malaysia harus mempelopori projek untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran makanan halal sedunia.

Kerajaan negeri seperti Kedah katakan harus memperuntukkan kira-kira 500 ekar tanah bagi membangunkan infrastruktur supaya pusat pengeluaran makanan halal ini dapat diwujudkan. Keutamaan harus diberi kepada usahawan-usahawan bumiputera dan yang mempunyai kepentingan bumiputera supaya dapat memasuki bidang ini. Satu skim yang melibatkan pemberian kemudahan premis perniagaan dan kilang serta kemudahan-kemudahan bentuk kewangan harus diperkenalkan oleh agensi-agensi yang sedia di bawah kerajaan. Negara kita sendiri mengimport lebih daripada RM10 bilion barang-barang makanan. Dengan adanya pusat ini, saya yakin bahawa Malaysia akan mendapat faedah tukaran asing yang lumayan terutama sekali dari segi mengurangkan import barang-barang makanan ini, tetapi di sebaliknya dapat mengeksport makanan-makanan halal di seluruh dunia Islam.

Manakala cadangan saya kelima adalah agar Kementerian Pembangunan Usahawan meneroka pasaran dunia. Tuan Yang di-Pertua, perhubungan melalui rangkaian atau networking dan era pasaran baru dunia merupakan dua asas kejayaan kepada perdagangan antarabangsa. Kita sesungguhnya menggesa kepada

pihak kerajaan khasnya Kementerian Pembangunan Usahawan supaya memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memperkenalkan usahawan bumiputera agar dapat menembusi pasaran dunia.

Kita yakin bahawa keekonomi adalah satu sektor baru yang harus diterokai untuk kejayaan dan kemakmuran bangsa Melayu. Ia adalah sangat penting untuk masa depan negara. Akan tetapi kita harus berhati-hati agar tidak membuat kesilapan asas. Kita janganlah memikirkan bahawa oleh kerana k-ekonomi ini adalah untuk masa hadapan maka ia hanya akan terjadi di masa hadapan. Yang sebenarnya k-ekonomi ini bermula dari sekarang, oleh yang demikian pengetahuan tentang k-ekonomi amat penting dan hendaklah diterokai mulai sekarang.

Kementerian Pembangunan Usahawan kini seharusnya mempunyai pelan tindakan bagi mengetuai usahawan bumiputera dalam setiap misi perdagangan dan pertunjukkan perdagangan antarabangsa. Kementerian Pembangunan Usahawan juga harus mendapat kerjasama daripada pihak MATRADE dan pihak kedutaan Malaysia di luar negara dalam menganjurkan misi-misi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini 90% daripada delegasi perdagangan anjuran MITI disertai oleh lebih ramai usahawan bukan bumiputera. Peluang untuk turut serta dalam setiap misi perdagangan ini telah dinikmati oleh usahawan bukan bumiputera sejak 20 tahun yang lalu. Malah terdapat seorang usahawan perabot yang telah berjaya mencapai pendapatan sebanyak RM10 juta dalam tempoh kurang dari 3 tahun dengan bermodalkan hanya sebanyak RM20 ribu yang diperolehi daripada kemudahan pembiayaan CGC.

Semua perolehan perniagaannya berorientasikan 100% pasaran eksport yang diperolehi melalui penyertaannya dalam setiap misi perdagangan MITI. Maka saya berharap peluang yang lebih harus diberi kepada usahawan bumiputera untuk turut serta dalam misi perdagangan anjuran MITI ini.

Cadangan saya yang keenam pula ialah agar Persatuan Francais Malaysia (MFA) diberi mandat bagi melaksanakan program modal teroka bagi franchisee. Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Francais Malaysia (MFA), dilihat sebagai sebuah badan bukan kerajaan NGO yang banyak membuat fokus di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bagi menyokong usaha kerajaan demi mewujudkan lebih banyak usahawan melalui kaedah francais. Selaras dengan itu, adalah dicadangkan agar MFA diberi mandat tambahan iaitu sebagai pelaksana program modal teroka kepada franchisee. Satu dana patut disediakan bagi diuruskan oleh MFA untuk membiayai

pihak franchisee. Dengan cara ini, tumpuan dapat dibuat dalam membangunkan lebih banyak usahawan terutamanya usahawan bumiputera dalam bidang francais ini.

Cadangan ketujuh pula ialah berkait dengan tumpuan pelaburan dalam bidang ICT dan teknologi tinggi. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi industri iaitu industri ICT dan teknologi tinggi haruslah dilihat sebagai penggerak utama ataupun pemangkin bagi ekonomi negara ketika melangkah di dalam abad ke-21. Sehingga kini industri ini masih baru dan sukar bagi mendapatkan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan memandangkan ianya adalah bergantung kepada modal otak, ataupun intellectual property or capital.

Adalah dicadangkan agar tumpuan pelaburan diberikan kepada bidang tersebut untuk diceburi khususnya oleh usahawan bumiputera. Suatu dana patut diwujudkan di bawah Multimedia Development Corporation (MDC) bagi menyediakan kemudahan modal teroka dan stok pinjaman kepada usahawan menengah bumiputera bagi menerokai perniagaan di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kelapan ialah agar galakan supaya kakitangan kerajaan menceburi bidang perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, kakitangan kerajaan yang telah lama terlibat di dalam pembangunan usahawan merupakan sumber individu penting yang boleh digerakkan bagi pembentukan usahawan menengah bumiputera. Akan tetapi insentifnya ada pada ketika ini masih belum menarik bagi membolehkan mereka menceburi diri bagi menjadi usahawan.

Oleh itu, sudah tiba masa dan ketikanya, kerajaan secara lebih telus dan beriltizam membangunkan usahawan dari dalam. Satu skim galakan khas diwujudkan kepada golongan ini untuk mengubah arah kerjaya mereka di dalam menjadi usahawan yang memiliki dan mengurus perniagaan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri adalah sebenarnya untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera dalam meningkatkan penyertaan kaum bumiputera dalam sektor korporat. Malah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sepatutnya memperuntukkan kerja-kerja kontrak kepada kontraktor bumiputera. Walaupun kebelakangan ini, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri tidak banyak membantu syarikat-syarikat bumiputera, malahan kini ada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah menubuhkan anak-anak syarikat mereka untuk diberikan kontrak kerja kepada anak-anak syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya anak-anak syarikat tersebut, maka syarikat-syarikat atau kontraktor-kontraktor Melayu terpaksa bersaing dengan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk mendapatkan kontrak kerja. Hal ini menyebabkan kontraktor kerja Melayu sukar untuk maju. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan daripada agensi-agensi kerajaan ini adalah untuk membantu syarikat ataupun usahawan bumiputera. Akan tetapi kewujudan agensi ini tidak langsung membantu syarikat ataupun usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari kegawatan ekonomi telah menyebabkan banyak syarikat-syarikat milik bumiputera mengalami masalah dan telahpun gulung tikar. Syarikat tersebut bukannya kurang pengalaman di dalam bidang perniagaan dan pengurusan yang tidak cekap, akan tetapi disebabkan oleh kegawatan ekonomi. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar ditubuhkan satu tabung, seperti Tabung Pemulihan Usahawan untuk membantu golongan ini. Kali ini mungkin dengan dana yang lebih besar lagi agar harapan untuk mewujudkan lebih ramai usahawan Melayu dapat menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa peluang ekonomi yang lebih banyak terdapat di pusat-pusat bandar dan ini telah menarik minat masyarakat untuk tinggal di bandar. Kira-kira 3/5 rakyat Malaysia tinggal di dalam bandar. Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatan ini telah membawa satu fenomena baru, iaitu peluasan kawasan setinggan dan kemiskinan secara relatif di bandar, di kalangan bumiputera dan juga orang-orang India. Masalah sosial juga kian meruncing.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat membina rumah-rumah kos rendah dengan lebih banyak lagi dan cepat lagi demi untuk menampung masalah setinggan ini. Maka, saya yakin dengan pembinaan rumah kos rendah tersebut, sudah tentulah ia dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah ini memiliki rumah sendiri seterusnya akan dapat menangani masalah setinggan di kawasan bandar.

Dengan itu, akhir sekali saya merayu agar kita orang-orang Melayu harus bersatu padu dan marilah kita tutup buku lama abad 20 dan membuka buku baru di alaf baru abad 21 ini. Pemimpin di semua peringkat haruslah bersatu dan berpadu, lantaran kita telah dapat saksikan sendiri betapa kegawatan politik yang paling hebat yang telah melanda negara telah pula memecahbelahkan orang-orang Melayu di serata pelosok tanah air atas sebab-sebab yang kita semua sedia maklumi.

Saya percaya dan penuh yakin bahawa dengan peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Rancangan Malaysia Kelapan, maka Dasar Wawasan Negara pasti akan mendapat kejayaan dan kemakmuran kepada bangsa, rakyat dan juga negara, insya-Allah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

**3.49 ptg.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin turut serta untuk mengambil bahagian dalam membahaskan pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Dewan Rakyat pada 23 April yang lepas dan di Dewan Negara yang mulia ini pada hari ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas pembentangan tersebut, yang mana saya kira ianya begitu komprehensif serta berpandangan jauh demi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 yang mampu bersaing dengan negara serantau dalam suasana ekonomi yang sihat stabil lagi terancang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah cita-cita dan inspirasi yang telah tergaris dalam Dasar Wawasan Negara yang di antara lain bermatlamat memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan negara dalam menghadapi cabaran masa kini dan masa depan serta mengharungi segala rantau dan onak duri walaupun kadangkala kita dihujani pelbagai kritik dari negara luar yang cemburu serta iri hati terhadap negara Malaysia yang kecil ini, termasuklah kritik-kritik disaksikan di sana-sini daripada bekas-bekas Perdana Menteri, jiran kita, kalau diizinkan saya menyebut nama beliau, Lee Kuan Yew yang mengkritik negara kita kerana saya kira, perasaan cemburu terhadap perkembangan ekonomi negara kita sendiri.

Lee Kuan Yew bukan sahaja mengkritik Malaysia tetapi juga kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, he more or less like a busy body, critics all ASEAN nations. Jadi, seolah-olah menunjukkan Lee Kuan Yew ianya seorang yang pintar, pandai sahaja di rantau ini, tidak ada siapa yang harus mengatasi beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa usaha-usaha yang dirancang oleh kerajaan akan dapat mempertingkatkan lagi keupayaan negara dan seterusnya mencapai kejayaan yang kita semua impikan. Dengan perancangan sedemikian juga secara tidak langsung kritikan-kritikan yang kita terima sama ada dari dalam mahupun luar negara akan terjawab dengan sendirinya.

Kita juga harus menganggap kritik-kritik tersebut, Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu cabaran dan perangsang untuk kita ketengahkan idea-idea yang baru, yang bernas, selaras dengan inspirasi yang diinginkan oleh rakyat dan kita harus tidak berasa gentar dan takut, dengan izin, without fear or favour, kita harus ketengahkan idea-idea yang baru demi untuk kepentingan negara kita. Peduli apa negara-negara lain yang membuat kritik terhadap negara kita asalkan kita sanggup bergerak maju dan berhadapan serta mewujudkan idea-idea yang baru demi untuk kepentingan rakyat dan juga negara kita.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, satu hari kelak mereka yang mengkritik dasar-dasar negara kita ini akan sedar bahawa kritik-kritik yang mereka lemparkan adalah merupakan kritik-kritik yang tidak berasas dan tidak boleh diterima sama sekali oleh kita semua dan juga dunia amnya.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat jelata negara ini dan juga segenap lapisan masyarakat tidak kira fahaman apa atau ideologi politik apa mereka anuti, mereka harus menggembelng tenaga dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap konsep dan pelaksanaan dasar yang telah kita wujudkan.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan menjadikan dan meliha t negara kita Malaysia ini walaupun kecil tetapi kukuh serta maju menjadi kebanggaan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah memperkukuhkan perpaduan nasional, di sini saya menyeru kepada setiap lapisan rakyat untuk menerima nasihat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri kita, rujukan kenyataan beliau pada 21 Mei 2001 yang lepas untuk menggunakan saluran-saluran yang ada bagi menyuarakan ketidakpuasan ataupun rungutan

mereka terutama sekali berhubung soal kemasukan pelajar-pelajar ke IPT atau isu kuota yang diperkatakan.

Segala kritikan yang disuarakan seharusnya merupakan kritikan yang membina dan bukan sebaliknya. Kenyataan-kenyataan tersebut juga tidak seharusnya bertujuan untuk merosakkan kemakmuran, perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini dengan semata-mata untuk memenuhi keinginan nafsu mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya harga keamanan dan kemakmuran yang dinikmati negara pada hari ini semenjak negara kita mencapai kemerdekaan tidak ada tolok-bandingnya dan ianya tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Keharmonian yang kita capai hari ini tidak ada bandingnya seperti yang telah saya jelaskan tadi dengan negara-negara lain di rantau ini.

Justeru itu, kita haruslah berasa bangga dengan keharmonian yang telah kita nikmati dan jika dapat saya perkatakan, Tuan Yang di-Pertua, saya menjelaskan bahawa keharmonian yang telah kita nikmati yang selama ini kita rasai nikmatnya dan kita harus berasa begitu bangga dan boleh dianggap, kalau perkataannya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, segala apa yang kita rasai, segala apa yang kita nikmati dari segi pertumbuhan ekonomi, keharmonian kaum dan segala-galanya.

Saya sebagai seorang rakyat, Tuan Yang di-Pertua, selalu pergi ke luar negeri. I could say, dengan izin, to be Malaysian we can walk tall and proud to be Malaysia abroad. Oleh kerana negara kitalah sebuah negara yang telah dapat mewujudkan keharmonian kaum dan juga mempertingkatkan ekonomi dalam negara kita, tidak seperti mana negara-negara lain walaupun seperti Amerika, Britain, Eropah dan sebagainya.

Kalau di negara tersebut, Tuan Yang di-Pertua, mereka beranggapan bahawa mereka telah dapat mendirikan sebuah negara yang begitu maju, kestabilan politik mereka tetapi jika sekiranya dilihat dari dekat, Tuan Yang di-Pertua, berlaku pelbagai masalah seperti baru-baru ini kita lihat dalam televisyen, pergaduhan kaum di England, pergaduhan kaum di Amerika selalu berlaku setiap masa. Pergaduhan kaum di Eropah berlaku setiap masa dan perbezaan kulit memang terdapat di negara-negara yang berkenaan.

Dengan lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, I feel they shouldn't be proud, mereka tidak harus membanggakan negara mereka oleh kerana di negara mereka sendiri tidak ada keharmonian perkauman tetapi kita bangga dengan negara kita.

Dengan adanya pelbagai bangsa di dalam negara kita, kita telah dapat mewujudkan keharmonian, keamanan dan inilah sesuatu yang kita harus banggakan sebagai rakyat negara ini.

Saya kadangkala merasa begitu kurang senang adanya kritik-kritik sebagai kritik yang tidak membina. Kita boleh membuat kritikan-kritikan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kritikan tersebut haruslah merupakan kritikan-kritikan yang membina. Kritikan yang membawa perhubungan kaum yang lebih baik, kritikan-kritikan yang membawa perkembangan ekonomi, kritikan-kritikan yang membawa keharmonian, mewujudkan kestabilan, inilah kritikan-kritikan yang harus dibuat dan tidak merupakan kritikan-kritikan yang tidak membina. Ini akan mencerminkan kita sebagai sebuah negara yang statusnya tidak begitu padat dengan keadaan keharmonian seperti mana berlaku di negara-negara yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh beberapa aspek membabitkan Rancangan Malaysia Kelapan, ingin saya mengimbas kembali akan pencapaian Rancangan Malaysia Ketujuh dari sudut pembasmian kadar kemiskinan di negara ini yang mana kadar tersebut telah dapat diturunkan mengikut daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan dari 8.7% dalam tahun 1995 kepada 7.1% pada tahun 1999.

Ini amat membanggakan walaupun kedapatan beberapa perkara yang berlaku dan penyiaran televisyen menunjukkan adanya terdapat rakyat yang masih jauh ketinggalan ke belakang. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan beberapa masalah yang dihadapi oleh kita semua. Saya yakin kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaikinya dari masa ke semasa.

Kita tahu dan semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, untuk membasmi kemiskinan tidak boleh dilakukan dalam sekelip mata, ia memerlukan masa yang begitu panjang, kerana kemiskinan adalah merupakan satu perkara yang wujud sejak dari awal lagi, dan saya juga yakin kita tidak boleh menghapuskan kemiskinan ke tahap 0%. Tidak ada satu dunia dan satu negara dalam dunia ini Tuan Yang di-Pertua, yang telah dapat menghapuskan kemiskinan sehingga 0%. Kita lihat sahaja negara-negara maju seperti di Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan sebagainya masih ada rakyat mereka yang tinggal di bawah jambatan. Masih terdapat rakyat mereka tidur dalam kotak, di tepi-tepi jalan dan sebagainya.

Kalau kita melawat ke negara-negara tersebut, memang ini kita dapat lihat sendiri apa yang berlaku dan kita tidak harus merasa kurang senang ataupun

merasa malu apa yang berlaku di dalam negara kita, walaupun sesetengah kadangkala televisyen mereka menyiarkan keadaan sedemikian, tetapi apa yang berlaku dalam negara mereka adalah lebih dahsyat daripada negara kita sendiri.

Oleh kerana kenyataan saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak berasas, oleh kerana saya sendiri telah melihat dalam lawatan saya ke luar negara, saya telah melihat keadaan-keadaan seperti ini. Seperti di Jepun kadangkala kita melihat orang ini dia pakai coat, pakai tie very smart, dengan izin. Lawa, cantik dan malam dia tinggal dalam kotak. Itu berlaku di negara Jepun. Begitu juga di England, di Jerman, di France, worst lebih dahsyat daripada negara-negara Eropah. Jadi sesuatu yang kita tidak harus malu, dan kita biasa merasakan bahawa kalau kita lihat rakyat negara kita ini jarang sekali kita melihat mereka tinggal dalam kotak, kita ada rumah walaupun usang, tetapi masih ada rumah, tetapi mereka tidak ada rumah, mereka tinggal dalam kotak, di tepi jalan, di bawah jambatan, lebih dahsyat hidup mereka daripada rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi soal untuk membasmi kemiskinan adalah satu perkara yang perjuangan jangka panjang dan ianya tidak boleh dihapuskan dalam masa yang begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menghargai usaha-usaha kerajaan membasmi kemiskinan, para majikan juga saya ingin untuk mengingatkan dan ahli-ahli korporat di negara ini, tidak harus meletakkan tugas atau tanggungjawab sosial tersebut di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya mereka juga hendaklah sama-sama memainkan peranan ke arah untuk membasmi kemiskinan ini dengan cara membayar upah atau gaji yang berpatutan kepada pekerja-pekerja mereka selaras dengan kos sara hidup semasa termasuk juga bayaran bonus yang harus dibayar oleh mereka hasil dari keuntungan yang diperolehi oleh syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bila mana saya menyatakan soal gaji, kita masih lagi mendesak kerajaan, kita berharap kerajaan akan dapat memperkenalkan perundangan gaji minimum dalam negara kita ini untuk semua sektor, bukan sahaja private sector tetapi juga public sector.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes bonus, bonus adalah merupakan satu bayaran insentif, sesuatu bayaran galakan bagi memastikan pekerja mempertingkatkan produktiviti mereka. Bonus diperolehi adalah hasil bukan sahaja dari pelaburan syarikat itu sendiri, yang datang dari usaha tenaga korporat dan juga

wang-wang yang dilaburkan oleh mereka, tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, ialah hasil dari titik peluh kaum pekerja itu sendiri.

Jadi, profit sharing, dengan izin, harus menjadi teras kepada semua orang korporat dalam negara ini. Jika sekiranya mereka dapat mengiktirafkan profit sharing ini sebagai satu dasar mereka, saya yakin, pekerja dalam negara kita ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik, akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih bagus dan mempertingkatkan produktiviti mereka, dengan ini syarikat akan membawa keuntungan, negara akan lebih makmur di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, kalau dapat saya perkatkan bahawa masih lagi kedapatan sesetengah pihak majikan masih lagi membayar gaji begitu murah kepada pekerja-pekerjanya, walaupun pencapaian syarikat tersebut begitu tinggi, masih lagi kedapatan masyarakat kaum pekerja di negara ini boleh diibaratkan seperti kata pepatah, 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' walaupun negara telah maju dan sebagainya, tetapi masih lagi kedapatan sesetengah sektor pekerja masih lagi tinggal jauh ke belakang.

Saya telah meninjau banyak tempat, Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah, di Sarawak, di Semenanjung masih lagi kedapatan seperti kata saya dahulu, gaji pekerja kurang daripada RM200 sebulan, bagaimana mereka harus hidup Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya saya selalu menekankan bahawa perlunya gaji minimum diperkenalkan dalam negara ini, jika sekiranya usaha kita ke arah untuk mengurangkan kemiskinan dan mempertingkatkan ekonomi rakyat negara ini, menolong mereka untuk turut serta menikmati kemakmuran yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapatan yang rendah yang diperolehi oleh sesetengah pekerja, kadangkala mereka ini seperti mana juga kita sedia maklum, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli politik dan rakan-rakan saya yang lain dan kita tidak harus hanya menutup telinga ataupun menutup mata tidak melihat di sekeliling kita. Saya ingin menjelaskan sesetengah pekerja yang berpendapatan rendah terpaksa kadangkala bekerja overtime yang lebih, ada pula di kalangan mereka yang terpaksa bekerja dua, memandu teksi di sebelah petang atau malam atau menjadi gardener, tukang potong rumput dan sebagainya ataupun menjadi jaga di tempat-tempat meletak kereta atau penjual burger di pasar-pasar malam dan pelbagai jenis kerja yang dilakukan oleh mereka.

Ini tidak lain dan tidak bukan, Tuan Yang di-Pertua, semata-mata untuk menambah pendapatan mereka kerana cost of living atau sara hidup yang telah meningkat dari masa ke semasa, oleh kerana keadaan yang begitu terdesak Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa melakukan ini untuk menjaga keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf kualiti hidup kaum pekerja, namun demikian kemiskinan dalam bandar masih terus membelenggu masyarakat. Ada lagi rakyat yang hidup serba daif dengan persekitaran yang menyedihkan tanpa bekalan air, elektrik dan rumah yang usang, sempit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kritik-kritik ini saya tujukan secara ikhlas untuk mencari jalan penyelesaian dan sama-sama membantu meringankan beban mereka. Justeru itu, saya menyeru kepada ahli-ahli politik termasuk juga kakitangan awam negara ini agar sama-sama berusaha melaksanakan dasar yang telah diwujudkan oleh kerajaan sebaik-baiknya supaya dasar ini dinikmati oleh seluruh rakyat tidak kira miskin ataupun kaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata sedemikian kerana pada masa-masa yang lepas, sebab saya menjelaskan ini mendesak pegawai-pegawai kerajaan melaksanakan dasar kerajaan ini ialah terdapat terlalu banyak sangat karenah-karenah birokrasi atau red tape, dengan izin, di kalangan kakitangan dan pegawai kerajaan walaupun pagi tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada kakitangan awam, tetapi namun demikian ini tidak bermakna tidak wujudnya keadaan-keadaan birokrasi atau red tape yang wujud dalam negara kita ini.

Jadi, saya berharap birokrasi atau red tape yang berlaku sekarang ini harus dihapuskan sama sekali dan pegawai-pegawai kerajaan harus mematuhi segala apa juga dasar yang telah diwujudkan dan sebagai memastikan dasar tersebut dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah pegawai ini kerap sekali kadangkala saya sendiri menghadapi Tuan Yang di-Pertua, tetapi memang kita ini menggalakkan mereka mengadakan mesyuarat, berbincang, menjalin kemesraan, tetapi kadangkala kerap kali mesyuarat juga tidak akan membawa faedah, sebab pengetahuan saya di mana kadangkala saya telefon sesetengah pegawai di sesetengah jabatan katanya pegawai bermesyuarat, petang pegawai bermesyuarat, esok juga pegawai bermesyuarat.

Jadi, persoalan Tuan Yang di-Pertua, kalau terlalu sangat bermesyuarat, kita tidak menyatakan kita tidak boleh bermesyuarat, kita boleh bermesyuarat, berbincang, itu pun kalau sekiranya selepas mesyuarat Kabinet dan apa sahaja yang kita lakukan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pegawai ini bahagian mesyuarat sahaja tak?

**Tuan Zainal bin Rampak:** [*Ketawa*] Bahagian mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, jadi bukan melaksanakan dasar.

Jadi, saya berharap, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pegawai ini kita cakap kurangkan mesyuarat, kalau benar ada mesyuarat, buat perbincangan dengan begitu ringkas, padat, konstruktif, buat keputusan dengan serta-merta dan jalankan apa juga yang telah diperintahkan oleh kerajaan dan sebagainya, itu yang sebaik-baiknya.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan zaman teknologi ini, telefon pun sudah bertukar, kadang-kadang no more telefon operator tetapi on line straight Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kehendak orang ini, pegawai ini .....

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput, jemput. Datuk Long bin Jidin nampaknya .....

**Datuk Long bin Jidin:** ...ada ramai rakyat di luar sana, rakyat di luar bandar bercakap dan kadangkala mereka kata hendak jumpa pegawai ini lebih susah daripada jumpa menteri. Apa pandangan Yang Berhormat pasal hal itu? Terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Saya memang bersetuju sekali dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Long, memang betul, saya sendiri juga mempunyai pengalaman yang sama, kalau hendak jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih senang saya kira, kalau sayalah dari berjumpa pegawai kerajaan, itu yang berlaku.

Semasa dahulu kadangkala setiausaha-setiausaha kepada menteri pun susah juga Tuan Yang di-Pertua, kita telefon Setiausaha Menteri kadangkala dia cakap menteri tidak senang, appointment full, boleh tidak tinggalkan pesan, panggil saya balik, bila saya dapat berjumpa, kadang-kadang begitu lama tidak dapat jawapan. Saya ingat barangkali saya amat menghargai Yang Amat Berhormat

Menteri Besar Selangor tetapi saya minta maaf Datuk Ghazi, *I think almost six months*, dengan izin, enam bulan saya tidak dapat appointment [Ketawa] saya tengok dalam *billboard* di tengah-tengah jalan kata *direct line* dan *handphone*, saya telefon handphone pun tidak dapat juga jawab.

Jadi, ini perkara yang kadangkala Tuan Yang di-Pertua, rakyat merasa bosan dan sekarang ini zaman teknologi, saya minta maaf Datuk Ghazi di atas perkara ini, ini *it's a fact*, saya hendak jelaskan. Za man teknologi ini, IT ini dan telefon tidak payah pakai telefon operator, boleh telefon *direct*. Kadangkala kita telefon, Tuan Yang di-Pertua, ringing telefon saya kira sampai 20 kali tidak dijawab juga.

Jadi, saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan, mencadangkan supaya diubah semula atau dibuat – kalau kita cakap, kita ubah semula, orang cakap kita ini ketinggalan zaman, zaman IT ini sepatutnya zaman IT ini lebih canggih, lebih baik, lebih bagus.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, lebih bagus tetapi nampaknya kadangkala kita balik kepada asal, telefon mana-mana pejabat tidak ada jawapan – saya hendak menyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, ini semata-mata untuk menyenangkan rakyat kampung, orang kampung kadangkala dia tidak tahu, dia telefon tidak ada orang jawab, dia kata, “*Oh, pejabat sudah tutup, tidak ada orang jawab. Pegawai tidak tahu ke mana pergi.*”

Ini saya hendak menjelaskan oleh kerana saya sendiri menghadapi masalah ini.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak. Sekarang ini di kalangan rakyat sudah bertukar trend, sudah tidak hendak jumpa pegawai bawahan ini, malah Ketua Pengarah pun kadangkala dia tidak mahu jumpa. Semua hendak jumpa menteri, kalau boleh hendak jumpa Perdana Menteri, walaupun perkara itu sekecil-kecil yang seharusnya diselesaikan oleh peringkat pegawai tetapi ramai pihak yang bercita-cita tinggi, perkara yang remeh-temeh pun hendak jumpa orang yang paling-paling besar. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu? Terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk tadi.

Kita lihat tidak berapa lama dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat barangkali Perdana Menteri sendiri sedar (*realize*) beliau sendiri turun ke padang pergi ke kawasannya di Kubang Pasu dan menemui rakyat sendiri dan rakyat sendiri membangkitkan memorandum, masalah tanah, penerokaan tidak selesai, permohonan tanah, permohonan perumahan dan pelbagai masalah. Malahan inilah yang berlaku.

Jadi, saya telah bercakap banyak kali Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan ini, saya sebenarnya tidak mahu berpura-pura, dengan izin, *I think we should not be* pura-pura segalanya baik, kita terangkan dengan jelas, kalau kita cakap perlu diperbaiki, kita nyatakan perlu diperbaiki supaya tidak keterlaluan. Akhirnya, rakyat menyatakan bahawa seperti mana Yang Berhormat Datuk Long kata tadi saya tidak mahu jumpa pegawai-pegawai lagi, saya sudah *fed-up*, sudah bosan, saya pergi pun tidak dapat jawapan, telefon ringing pun tidak ada orang jawab dan menemui mereka pun tidak ada *respond*. *The best thing* katanya, lebih baik jumpa dengan menteri sendiri ataupun Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri, itulah 'chance' yang paling baik.

Kalau tengok Yang Berhormat, bila mana ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri berkerumun rakyat untuk menyerahkan surat dan sebagainya. Ini berlaku dan dapat kita lihat dengan mata sendiri. Mengapa ini semua berlaku? Adakah kita harus benarkan, kita harus tutup mata benarkan keadaan yang sedemikian berlaku berterusan, mengapa kita menyatakan bahawa kita perlu kakitangan awam yang cemerlang, saya tidak menyatakan mereka yang di hadapan sana dan di belakang sini, mereka pegawai rendah saya tahu. Kadang-kadang setengah nasib mereka ini pun, Tuan Yang di-Pertua, datang ke Dewan Rakyat, Dewan Negara pun naik motosikal, bawa kot. Saya tahu level income mereka ini, setengah-setengah mereka, bukan saya tidak tahu tetapi mereka yang berpangkat tinggi, berpangkat yang lebih menjadi Ketua Setiausaha, Pengarah dan sebagainya.

Ini harus kita pandang dan lihat .....

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Zainal kerana memberi laluan.

Saya mengikuti hujah perbahasan Yang Berhormat dengan begitu khusyuk sebab mengeluarkan banyak masalah praktikalnya, cuma saya menanti dengar tadi, Yang Berhormat mengkhususkan kepada pegawai kerajaan dan rakyat dan menteri. Saya cuba hendak dengar lagi, kemudian Yang Berhormat tukar tajuk jadi nampaknya ada satu faktor lagi yang saya hendak tanya ini di mana wakil rakyat? Sebab nama wakil rakyat itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sebagai definisinya ialah mewakili rakyat.

Jadi, kalau kita melihat rakyat tidak boleh sampai hajat mereka kerana berkerumun, berjumpa dengan menteri, apa pula pendapat Yang Berhormat tentang peranan wakil rakyat itu sendiri? Yang Berhormat beri pengkhususan ialah kepada pegawai kerajaan, saya pun bersetujulah, cuma bila lebih fokus kepada pegawai kerajaan ini saya rasa agak begitu berat sedikitlah. Kalau saya pegawai kerajaan, saya kata, masya-Allah, tetapi yang wakil rakyat ini jangan lepas juga sebab wakil rakyat ini lebih bertanggungjawab untuk mewakili rakyat, menyampaikan masalah mereka kepada pihak kerajaan.

Kemudian, kalau wakil rakyat itu sendiri tidak dapat layanan yang setimpal, yang sepatutnya oleh pegawai-pegawai kerajaan, kemudian saya agak bersetuju permasalahan pegawai kerajaan ini. Saya tidak menidakkan bahawa perkara itu berlaku, cuma saya ini suka kepada *balance approach*, berseimbang kalau yang senyap sunyi langsung ia terlepas. Jadi, itu saya minta pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Betul wakil rakyat juga harus memainkan peranan yang penting. Kalau kadangkala sekiranya wakil rakyat telahpun memainkan peranan penting menjalankan tanggungjawab mereka tetapi kadangkala tidak ada respons daripada pihak yang berkenaan pegawai-pegawai kerajaan, ini satu permasalahan. Wakil rakyat juga dinyatakan kepada yang membuat komplain dan permohonan katanya saya sudah buat dan saya sudah cuba, tetapi tidak ada jawapan. Kadangkala jawapan menunggu begitu lama, kenapa tidak, keluhan rakyat Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya wakil rakyat telah mengemukakan, Perdana Menteri sendiri ada membuat komplain menyatakan begitu lama permohonan, Perdana Menteri sendiri menulis surat pun juga memakan masa yang begitu lama, kenapa ini semua berlaku. Jadi pegawai kerajaan ini sebagai kakitangan awam yang menjalankan tugas, saya tidak

menyatakan Yang Berhormat Datuk semata-mata untuk meletakkan 100% kesemua mereka, tidak.

Tetapi mereka yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya kadangkala secebis kertas, satu jawapan one line, two lines dengan tiga empat lines, permohonan kamu telah diterima tindakan susulan akan diambil, dan give the frame time, masa dua minggu, tiga minggu, sebulan bagi jawapan. Dengan tindakan-tindakan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ini akan dapat menyakinkan rakyat kepada kerajaan. Sebaliknya, kalau berlaku keadaan yang tidak diinginkan dan kegagalan pegawai-pegawai tinggi kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, kadangkala diletakkan kepada ahli Exco tidak menjalankan tugas kerana ahli Exco katanya belum approve permohonan tersebut. Ini jalan yang paling senang, oleh kerana rakyat tidak boleh pergi berjumpa Exco, dia cakap Exco belum meluluskan dan sebagainya. Jadi, kemudian meletakkan kepada Menteri, ini bukan satu jalan keluar. Jadi, akhirnya kerajaan menerima nama yang tidak baik dan juga Menteri.

Ini yang berlaku sekarang ini, barangkali Yang Berhormat Datuk Ghazi sendiri bersetuju dengan saya. Keluhan rakyat, saya hendak menyatakan keluhan rakyat. Biarlah kita kritik kakitangan kita tidak mengapa, kritik ini bukan bererti kritik untuk merendahkan kredibiliti mereka tetapi kritik yang akan membawa kebaikan demi untuk kepentingan negara dan kerajaan kita. Itu yang hendak saya jelaskan. Jadi, kita harus berterus terang we should not be hiding the facts, dengan izin. Dengan terang dinyatakan, kalau boleh diperbaiki, perbaiki lagi. Kita memang sayang dengan kakitangan awam, siapa tidak sayang, saya sebagai pemimpin persatuan sekerja, Yang Berhormat Datuk Ghazi, memang sayangkan kakitangan awam oleh kerana kebanyakan kakitangan awam adalah ahli kesatuan sekerja, tetapi saya ingin melihat mereka ini memperbaiki lagi tugas-tugas mereka. Bukan kakitangan yang bawah, tetapi mereka yang membuat dasar, menjalankan dasar, inilah golongan-golongannya. Mereka ini harus memperbaiki dari semasa ke semasa oleh kerana merekalah yang menjadi perutusan di antara kerajaan dengan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, soal balik dengan telefon.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ghazi minta laluan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Saya minta maaf kerana saya banyak provokasi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Zainal yang memberi peluang. Saya cuba hendak melanjutkan analisa ini disebabkan sudah kita khusus kepada pegawai kerajaan. Okaylah you sudah memberi gambaran begitu. Sekarang saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat, apa pendapat Yang Berhormat tentang sebab musabab berlakunya keadaan begini di peringkat pegawai kerajaan? Adakah ini di atas diri sendiri, individu sengaja tidak hendak membuat dari segi sikap ataupun sendiri mempunyai agenda yang tersirat ataupun yang lain-lain, sebab permasalahan ini yang cuba kita hendak kongsi di sini. Sebab bila kita mengenali permasalahan sebenarnya, barulah kita kata, wahai ketua jabatan, sila lihat dari segi unsur ini, apa kita boleh buat, barulah kita dapat menuju ke arah menyelesaikan masalah yang kita ada. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat dari segi ini. Saya pun ingin tahu juga, terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Persoalan dia kenapa keadaan sedemikian berlaku dalam pentadbiran negara kita, di kalangan kakitangan awam yang membuat dasar yang menjalankan satu kementerian, jabatan dan sebagainya. Saya kira Yang Berhormat Datuk sendiri pun sedia maklum, beberapa sebab memang wujud di kalangan kakitangan kerajaan.

Satu, besar kemungkinan ada sebab-sebab tersendiri, ada agenda tersendiri di sebalik keadaan sedemikian berlaku. Kemudian agenda yang tersirat yang tidak dapat kita lihat dalam bahasa Inggeris *unforseen mind*, dengan izin, ada di kalangan mereka. Kadangkala wujud pula soal besar kemungkinan sebab wujudnya kepartian dalam kakitangan itu sendiri. Saya ingat barangkali kalau mereka ini kita dalam Artikel 10 Perlembagaan Negara membenarkan rakyat menjadi ahli mana-mana persatuan politik, itulah kebebasan yang telah dijamin di dalam Perlembagaan Negara, hak kebebasan mereka. Tetapi dalam menjalankan tugas mereka harus faham, mereka makan gaji dengan kerajaan dan menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Soal *political belief*, dengan izin, itu harus dilakukan selepas masa mereka bertugas, tetapi dalam masa bertugas mereka tidak harus mempunyai lain daripada apa yang harus dilaksanakan oleh mereka. Besar kemungkinan setengah-setengahnya kelewatan berlaku disebabkan guidance ataupun penasihat-penasihat dasar dan sebagainya dari seorang ketua jabatan tersebut. Kalau didapati ketua jabatan tersebut tidak begitu cekap dan theret is no vision, Yang Berhormat, saya

ingat barangkali ini yang berlaku. Kita memerlukan pegawai-pegawai kerajaan kalau hendak memilih naik pangkat does not meant anybody, dengan izin, semua orang boleh naik pangkat tetapi mestilah pegawai yang mempunyai vision, pandangan jauh dan tidak memilih kasih di antara kakitangan mereka.

Kadangkala, Yang Berhormat Datuk Ghazi, kalangan kakitangan awam ini yang berpangkat tinggi, dia juga ada golongan dia, ada group-group dia berlaku dan orang ini kesayangan mereka dan orang ini tidak kesayangan mereka. Bila ini berlaku atau wujud maka berlakulah kepincangan dari segi pentadbiran itu sendiri. Ini yang telah dapat kita lihat. Jadi, inilah sikap yang harus dihapuskan oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang diberikan tauliah, kuasa untuk melaksanakan dasar kerajaan yang telah diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik semula kepada IT yang baru ini, soal telefon, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat barangkali orang kampung tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak dapat panggilan telefon, tidak ada jawapan, pejabat sudah tutup, tidak ada orang menjawab. Saya pun kadangkala mendengar, dia pun letakkan telefon dengan marah, menghentam telefon, sudah sepuluh kali saya telefon tidak ada satu orang pun yang menjawab. Saya ingat barangkali kalau dahulu, Tuan Yang di-Pertua, ada operator yang menjawab, hendak bercakap dengan siapa, dia transfer the line kepada orang yang berkenaan ataupun orang ini katanya tidak ada, dia akan balik, hendak tinggalkan pesan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa suka mencelah untuk menyegarkan suasana ini. Jadi saya menarik apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal tadi. Apa yang hendak saya perbandingkan suasana pemimpin yang ada dalam negara kita, suasana pemimpin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal tadi dengan suasana yang ada di negeri Kelantan, di negeri yang diperintahkan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Saya tengok suasana ini jauh sangat berbeza dengan apa yang digambarkan tadi sebab masalah jawab telefon ini, kalau seorang Menteri Besar di Kelantan bukan sahaja waktu pejabat. Ada seorang rakyat daripada keturunan Cina pernah menelefon Tuan Guru Menteri Besar pada pukul 3 pagi sebab Tuan Guru Nik Abdul Aziz ini kita tahulah bagaimana jadual dia begitu padat. Kalau kita tengok hari Jumaat sebelum Subuh, dia dipenuhi rakyat di masjid. Apabila dia selepas sembahyang Subuh, rakyat datang membawa anak, mungkin jarang kita hendak cari

Menteri Besar dalam Malaysia kita ini orang yang bawa anak supaya cukur kepala anak, tahmidkan *baby* tadi untuk mengambil keberkatan dia, ramai yang pergi.

Selepas itu mengajar kuliah, lepas itu kalau hari biasa dia terus ke pejabat. Balik pejabat, mesyuarat, lepas itu malam sampai pukul 12 malam lagi ada penerangan kepada rakyat, *contact* dia dengan rakyat. Dengan pegawai-pegawai di bawah, kalau bulan Ramadhan, dia turun ke jabatan-jabatan, buat Tadarus dengan pegawai-pegawai dan apabila di pejabat sebelum memulakan pejabat, diberi tazkirah kepada pegawai-pegawai, diberi peringatan, kalau pen itu hak pejabat, jangan dibawa keluar, ini hak rakyat, dia beri amanah dan kalau guna *air-cond* dalam bilik pejabatnya, pukul 3 petang sebelum keluar pejabat, suruh *offkan* sebab suasana sejuk itu masih ada sehingga pukul empat itu, kita masih terasa lagi sejuk. Begitu cara yang diamalkan oleh Tuan Guru dan dalam keadaan ini kita tengok bagaimana hubungan akrab rakyat sentiasa rasa puas hati dan akrab antara pegawai dan pemerintah tidak ada masalah.

Jadi kita tengok, pernah seorang perempuan Cina telefon kepada Tuan Guru pukul 3 pagi sebab Tuan Guru balik pukul 12 atau 1 malam baru balik rumah. Jadi telefon pukul 3 menyatakan terima kasih seorang kaum ibu Cina memberitahu bagaimana terima kasih kerana Tuan Guru telah mengharamkan premis judi di Kelantan yang menyebabkan dia kata, suami dia tidak lagi pukul dia. Jadi saya hendak dapat respons, minta Yang Berhormat bagaimana perbezaan ini sepatutnya membuat perubahan yang lebih baik supaya pentadbiran negara kita ini ke arah yang lebih baik.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi bukan sahaja bertanya tetapi juga telah berucap. [*Ketawa*] Jadi soal di Kelantan, Yang Berhormat, saya pun kadangkala berada di sana juga, saya tahu keadaan di sana dan memanglah keadaan menteri kita di sini, menteri kerajaan pusat pun serupa juga dan kerajaan pusat dan Ahli-ahli Parlimen kita tahu kadangkala pukul 12 tengah malam orang kena tangkap di *police station* berlaku juga. Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, Dewan Parlimen juga pergi gegas ke *police station* untuk bertanyakan mereka yang telah ditangkap dan sebagainya. Ini soalan perkhidmatan, memang patut dilakukan oleh sebab saya yakin Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan menteri-menteri Barisan Nasional juga bertindak sama menjalankan tugas mereka.

Saya juga tadi, dalam waktu selepas Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berucap, saya tunggu beliau keluar, saya cuma serahkan satu surat kepada beliau dan saya juga pernah berjumpa dengan menteri waktu pagi dan waktu pukul 6.30 pagi selepas sembahyang Subuh pergi ke rumah beliau untuk menyerahkan surat oleh kerana beberapa perkara. Ini berlaku juga kepada menteri-menteri lain di kerajaan Barisan Nasional dan sebagainya. Saya yakin bahawa apa yang dilakukan oleh Tok Guru mencukur kepala dan sebagainya adalah merupakan satu ibadah agama yang harus dilakukan. Saya yakin juga menteri-menteri lain, kerajaan pusat, kerajaan Barisan Nasional melakukan perkara yang sama.

Jadi berbalik semula soal telefon, Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi dengan telefon. Jadi saya berharaplah kerajaan memikirkan sesuatu yang baik bagi memastikan bahawa operator telefon walau apa sekalipun jawapan yang harus diberikan kepada rakyat dan kita tidak harus membenarkan rakyat menelefon beberapa kali tetapi tidak mendapat apa-apa jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Ketua Audit Negara yang mengeluarkan laporan kebelakangan ini. Misalnya bagi perbahasan Dewan tahun 2001, laporan yang disediakan adalah untuk tahun 1999. Jadi bagaimana kami hendak menolong mengenal pasti masalah-masalah dan cuba menyelesaikannya. Sepatutnya laporan yang disediakan adalah laporan terkini, first half atau second half. Apa yang hendak saya perjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini iaitu kita biasanya membahaskan Laporan Audit Negara ini dua tahun yang lepas. Sepatutnya Laporan Audit ini harus dibuat kalau boleh dilakukan tiap-tiap enam bulan sekali, jadi memastikan bahawa segala perancangan kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik.

Jadi dengan adanya laporan-laporan enam bulan sekali ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat adakah perancangan-perancangan yang telah disusun oleh kerajaan telah dilaksanakan. Jika sekiranya belum dilaksanakan, apakah tindakan-tindakan yang harus dilakukan oleh kerajaan dan kementerian umumnya. Jadi ini akan dapat menolong memastikan bahawa *budget* yang telah diluluskan, peruntukan yang telah diluluskan tidak dibelanjakan seperti mana kenyataan-kenyataan yang telah dibuat pada masa yang lepas bahawa walaupun telah hampir cukup tahun, namun demikian budget tersebut belum habis dibelanjakan atau dilaksanakan projek-projek yang dirancangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang mana dari segi pengeluaran tenaga kerja, ahli-ahli profesional seperti akauntan, arkitek, doktor, jurutera dan peguam jumlahnya telah meningkat dari 39,125 pada tahun 1995 kepada 52,953 pada tahun 1999. Namun begitu, seperti kita ketahui, bilangan ahli-ahli profesional di negara kita kini masih lagi tidak mencukupi sehinggakan ahli-ahli profesional kita di luar negara juga telah dipanggil balik untuk berkhidmat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memanggil ahli-ahli profesional ini balik ke negara kita ini bukanlah satu perkara yang mudah dan kita janganlah berharap sangat mereka ini akan senang-senang kembali ke negara kita kerana seperti mana yang kita sedia maklum pendapatan yang mereka perolehi dari negara-negara maju yang mana mereka telah bekerja seperti United States, Australia, Canada dan sebagainya mencapai 3 atau 4 kali ganda dari pendapatan di negara kita. Tambahan pula jika mereka pulang sekalipun bagaimanakah kita hendak menggaji mereka ini sedangkan dalam masa yang sama ahli-ahli profesional yang sedang berkhidmat juga perlu diberikan kenaikan gaji yang setaraf. Keadaan ini pastinya akan mewujudkan jurang perbezaan yang ketara di antara mereka.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah menerima hakikat bahawa perkara ini sukar untuk dilaksanakan dan menarik mereka lebih ramai untuk berkhidmat dalam negara kita. Saya telah banyak melihat sebilangan daripada menteri-menteri kita sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli korporat di luar negara dan ahli-ahli profesional di luar negara dan setelah mengadakan pertemuan, mereka telah bertanya kepada saya bagaimana soal gaji, bagaimana soal pendapatan dan sebagainya dan bagaimana soal *income tax* dan soal cukai pendapatan, harta dan sebagainya. Jadi mereka tidak begitu yakin untuk kembali ke negara kita.

Jadi apa yang perlu kita lakukan, Tuan Yang di-Pertua, ialah melatih generasi muda yang ada sekarang iaitu dari segi latihan, Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna latihan ini hanya di peringkat institut pengajian tinggi tetapi juga mereka yang telah bekerja diberikan latihan seperti mana Rancangan Malaysia Kelapan, *risk killing skill* dan sebagainya untuk menjadikan mereka ini sebagai golongan profesional. Saya yakin kalau ini dapat dilakukan, kita tidak bersandarkan kepada ahli-ahli profesional yang di luar negeri yang saya yakin persembelian mereka tidak begitu menggalakkan kerana dari segi pendapatan dan sebagainya lebih lumayan

mereka berada di luar negara. Melihat kepada kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan dan peningkatan bilangan ahli-ahli profesional, saya amat merasa sedih kerana usaha-usaha memajukan negara sedikit sebanyak telah membantut akibat dari krisis ekonomi yang melanda negara kita.

Kesan dari serangan spekulasi penyangak mata wang negara ini pada tahun 1997 dan 1998 termasuk juga mata wang negara-negara jiran ASEAN yang lain, penyangak-penyangak mata wang ini tidak duduk diam dan sentiasa menanti peluang untuk mengeksploitasi mata wang negara kita.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, agak malang sekali kerana ada negara-negara jiran ASEAN kita yang terpaksa meminta pakej bantuan dari IMF dan masih lagi terperangkap dalam kemelut kemelesetan ekonomi yang berpanjangan. Menyentuh tragedi negara dalam menangani serangan spekulasi mata wang, kami amat menyokong langkah-langkah kerajaan mengekalkan kawalan mata wang dengan terus menetapkan ringgit pada kadar 3.8 berbanding USD1. Dengan langkah ini saya percaya kadar ringgit dapat distabilkan dan seterusnya memelihara kekukuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tema Rancangan Malaysia Kelapan ialah mencapai pertumbuhan mapan yang berdaya tahan. Jika dapat saya petik kembali kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, tema Rancangan Malaysia Kelapan kali ini adalah untuk mencapai pertumbuhan mapan yang berdaya tahan yang mana saya kira begitu luas dan mendalam sekali skop serta perlaksanaannya. Jika dapat saya perjelaskan pertumbuhan mapan yang berdaya tahan haruslah mengambil kira akan kepentingan rakyat khususnya pekerja dari sudut pewujudan peluang-peluang pekerjaan yang berterusan dan berkekalan.

Di samping pewujudan peluang-peluang pekerjaan, syarat-syarat atau pengisytiharan pekerja juga hendaklah dipertingkatkan lagi terutama sekali dalam isu merektifikasi piawai buruh teras seperti Konvensyen ILO 87 iaitu hak kebebasan berserikat yang selari dengan Artikel 10, Perlembagaan Negara. Dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, tenaga kerja di negara ini haruslah diperengkapkan dengan kemahiran terkini yang secukupnya dengan penekanan diberikan terhadap penguasaan teknologi maklumat dan pengurusan berpengetahuan. Matlamat ini dapat dicapai melalui penerangan, latihan, latihan semula dan pelbagai latihan serta pembangunan sumber manusia yang lebih intensif

yang digerakkan atas konsep kerjasama di antara kesatuan sekerja, majikan dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal rektifikasi piawaian buruh teras terutama sekali Konvensyen 87, saya telah banyak kali menyatakan bahawa perlunya negara kita me'rectify'kan Konvensyen 87 ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapat melihat dengan tidak merektifikasi Konvensyen ini dengan dasar kerajaan yang ada mewujudkan *in-house union* atau kesatuan dalaman banyak baik daripada buruk.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana apa yang berlaku, beberapa buah syarikat di negara ini di mana kedapatan syarikat tersebut telah membuang pemimpin-pemimpin kesatuan seperti sebuah syarikat komputer yang beroperasi di negara ini di mana kesatuan dalaman ditubuhkan dan pemimpin kedua-dua kesatuan tersebut telah dibuang kerja iaitu presiden dan kesatuannya semata-mata memakai logo kesatuan waktu kerja, mereka dibuang kerja dan tidak ada penyiasatan dalaman mengikut Artikel 14, Perlembagaan Negara iaitu memerlukan syarikat mengadakan penyiasatan dalaman sebelum pekerja tersebut dibuang, tidak ada penyiasatan dalaman dibuat, mereka dibuang begitu sahaja dan begitu juga beberapa syarikat yang lain.

Hari ini kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, seperti syarikat saya nyatakan Shell Company, sebuah syarikat gergasi yang besar. Sehingga hari ini, pekerja diwakili oleh kesatuan dalaman, *in-house union* dan kesatuan telah membuat banyak perjanjian bersama tap-tiap tiga tahun sekali iaitu Shell Company di Semenanjung Malaysia, sebuah kesatuan; Shell Company di Sarawak, satu kesatuan dan juga di Sabah satu kesatuan. Apa yang dilakukan oleh syarikat, Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menghapuskan kesatuan dalam syarikat tersebut, syarikat telah menaikkan status pekerja, ini jawatan mereka, dari pekerja biasa menjadi junior executive.

Dalam Seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan 1997 di mana empat kategori pekerja tidak boleh menjadi kesatuan iaitu pengurusan, eksekutif, sulit dan pengawal. Bila mana mereka ini dipindahkan dari status yang ada sekarang kepada *junior executive*, majikan cakap, kamu tidak boleh menjadi ahli kesatuan sekerja dan 70% dari pekerja Shell Company, Tuan Yang di-Pertua, tak boleh menjadi. Dengan ini akhirnya kesatuan akan habis, akan pupus di syarikat, itu motif syarikat tetapi bila mereka ini pula dinaikkan menjadi *junior executive*, Tuan Yang di-Pertua, gaji tidak

naik, cuma pangkat sahaja yang dinaikkan iaitu orang cakap mahu pada *glamour* jawatan tetapi tidak kepada gaji pekerja tersebut. Jadi, ini yang berlaku.

Oleh sebab itu saya menyatakan, jika sekiranya Konvensyen ILO 87 ini dan juga hak kebebasan untuk mendirikan kesatuan dari konsep *Nation Union*, saya yakin perkara-perkara sedemikian tidak berlaku dan saya berharap Kementerian Sumber Manusia, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya inilah yang diketara kan oleh setengah-setengah majikan-majikan, saya meminta Kementerian Sumber Manusia, kita tahu dalam soal Seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan, orang cakap dia tidak boleh jadi kesatuan, pengurusan, eksekutif, sulit dan pengawal tetapi kesemua kategori ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai kuasa mengambil dan membuang orang, *right to hire and fire*. Jadi saya tidak nampak mengapa mereka tidak boleh menjadi ahli-ahli kesatuan. Jadi tujuan syarikat semata-mata ialah untuk mempuskan kesatuan dalam syarikat ini.

Kalau inilah tujuan syarikat, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya Seksyen 9 ini dipinda dan perkataan 'eksekutif' ini dihapuskan, pengurusan boleh dikekalkan dan pengawal boleh dikekalkan dan sulit boleh dikekalkan. Oleh kerana kedapatan pihak majikan telah menyalahgunakan perkataan eksekutif ini, mereka naikkan just junior executive, tidak lebih daripada itu dan tidak mempunyai kuasa hak mengambil orang dan membuang orang, ini satu tindakan yang dilakukan oleh syarikat yang berkenaan. Saya telah pun membuat kenyataan akhbar dan beritahu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil tindakan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal melatih pekerja. Para majikan tidak sepatutnya menyandarkan semua tanggungjawab ini di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya mereka juga harus sama-sama melatih pekerja dengan menggunakan kemudahan dana pembangunan sumber manusia atau *human resource development fund*, dengan izin. Di samping itu, mereka juga harus menubuhkan dana atau tabung mereka sendiri untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Inilah yang seharusnya dilakukan oleh para majikan negara ini dan bukannya memikirkan soal keuntungan semata-mata. Mereka harus faham dan sedar bahawa dengan latihan yang berterusan, pekerja-pekerja inilah yang akhirnya akan menjana dan membawa balik keuntungan yang besar kepada syarikat itu sendiri dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memberikan penekanan latihan dan pembangunan sudut keselamatan dan kesihatan pekerja hendaklah dipertingkatkan juga bagi mengelakkan kemalangan di tempat kerja yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan dan sebagainya. Dalam soal ini, pemeriksaan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa memainkan peranan yang sangat penting dan harus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pegawai-pegawai yang cukup terlatih dan mahir hendaklah diambil bekerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesatuan Pekerjaan untuk menjalankan pemeriksaan mengejut di tempat-tempat kerja dan tempat pembinaan dan sebagainya bagi memastikan piawaian keselamatan pekerjaan dipatuhi dan diamalkan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lengkap rasanya jika kita membicarakan soal kemakmuran negara hanya dari sudut pencapaian ekonomi makro sahaja kerana kekuatan atau keupayaan sebenarnya negara bergantung kepada kemampuan pendapatan sebenar pekerja-pekerja negara kita. Ekonomi sesebuah negara akan goyah jika pekerja memperolehi pendapatan yang terlalu kecil dan tidak setimpal untuk menyara keluarga mereka, tambahan pula kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari. Dengan pendapatan yang rendah di bawah paras kemiskinan negara iaitu kurang daripada RM350 sebulan, bagaimanakah mereka ini hendak berbelanja dan seterusnya membantu menggerakkan semula ekonomi negara malahan soal RM350 ini juga saya fikir tidak lagi sesuai dijadikan ukuran atau *benchmark*, dengan izin, kadar ini sudah sepatutnya dinaikkan kepada RM900 sebulan sepertimana yang telah diminta oleh MTUC.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan wajarlah mempertimbangkan pelaksanaan dasar gaji minimum di negara ini untuk menolong kaum pekerja berpendapatan rendah di samping mempertingkatkan faedah-faedah kebajikan yang sedia ada. Walaupun, setengah-setengah majikan menolak untuk menerima gaji minimum ini, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kerajaan prihatin, kerajaan peka, kerajaan telah melihat keadaan nasib kaum pekerja khususnya dan melihat kemakmuran harus juga dinikmati oleh rakyat golongan miskin negara ini. Dan, saya berharap kerajaan akan melaksanakan skim ataupun penerimaan gaji minimum ini dengan secepat mungkin.

Di samping usaha-usaha kita memartabatkan kedudukan negara sebagai sebuah negara perindustrian baru, kadar ataupun siling gaji minimum ini juga hendaklah sentiasa dikaji agar ia selari dengan kos sara hidup semasa. Jika,

sekiranya kerajaan menerima cadangan MTUC, saya juga mencadangkan supaya ianya dikaji pada tiap-tiap 3 tahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah mencapai pertumbuhan mapan yang berdaya tahan, kerajaan haruslah juga memberi penekanan terhadap pangkalan daya saing negara untuk terus menarik kedatangan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Sebagai sebuah negara yang berdaya saing faktor-faktor seperti kestabilan sosial dan politik, kemudahan prasarana yang terkini, kos pengeluaran rendah dan bekalan tenaga mahir yang mencukupi memainkan peranan yang sangat mustahak. Sepertimana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN baru-baru ini, pelaksanaan AFTA - Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN akan dipercepatkan satu tahun iaitu ke tahun 2002.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, persediaan negara bagi menghadapi AFTA harus disegerakan dengan seberapa segera dan teratur. Bila mana AFTA dilaksanakan sepenuhnya nanti, satu daripada cabaran utama yang perlu dihadapi oleh negara membangun seperti Malaysia ialah keperluan untuk mengubah dirinya dengan segera daripada sebuah ekonomi berasaskan pengeluaran p-ekonomi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan iaitu keekonomi. Keperluan bagi negara ini untuk menguasai dengan segera keekonomi dipercepatkan lagi oleh perubahan pantas globalisasi perdagangan yang mana akhirnya akan melibatkan semua faktor-faktor pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, apakah persediaan yang telah diambil bagi menghadapi cabaran WTO, AFTA, e-ekonomi, e-dagang dan sebagainya. Apatah lagi kita sudah tahu bahawa kita akan berhadapan dengan satu movement ataupun satu pergerakan yang dinamakan globalisasi, yang begitu besar dan begitu hebat. Justeru itu, apakah persediaan kita dalam menghadapi cabaran ini, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu negara-negara kaya, G-7 dan sekarang sudah tambah satu negara G-8 telah bersedia. Merekalah yang telah menjana segala-galanya ini, Tuan Yang di-Pertua. Dan, persediaan harus dilakukan oleh kita dengan serta-merta menghadapi globalisasi dan sebagainya.

Kita tidak boleh menolak globalisasi, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*We cannot reject*", dengan izin. Kita harus berhadapan dengan mereka, kita harus hadapi mereka, kita harus tentang mereka, kita harus meneruskan persediaan mereka, dari semua aspek, dari tenaga kerja, dari pendapatan, dari kehidupan rakyat dan sebagainya bagi memastikan

mereka ini tidak menggunakan negara kita sebagai satu fenomena yang baru untuk menguasai negara ini.

Saya amat menghargai serta menghormati akan pandangan jauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap cabaran globalisasi. Name, malangnya tidak semua pandangan beliau ini dikongsi oleh segenap lapisan masyarakat. Ahli-ahli politik, profesional, warga korporat termasuk ahli-ahli fikir di AFTA dan juga di IPTA dan IPTS. Saya juga tidak mahu melihat usaha-usaha murni kerajaan ini dirosakkan atau disabotaj oleh birokrat-birokrat yang tidak taat setia dan tidak cintakan kepada negara ini.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengingatkan kita semua, termasuklah kerajaan, majikan dan pekerja bahawa tanpa perpaduan kukuh di kalangan kita tidak mungkin semua cabaran-cabaran tersebut dapat kita hadapi dan tempuhi. Tuan Yang di-Pertua, untuk terus kekal bersaing, kita perlu melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran dan berpengetahuan terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Menurut definisi ILO, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *knowledge workers*, adalah pekerja-pekerja yang bukan sahaja menggunakan pengetahuan semata-mata tetapi juga turut menjana idea-idea dan pengetahuan-pengetahuan baru.

Sehubungan dengan itu, seluruh anggota masyarakat, kerajaan, majikan, pekerja, harus menyahut cabaran tersebut agar negara kita mampu untuk terus bersaing dan menjadi sebuah ekonomi yang kukuh dan disegani di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa satu hari kelak. Itu tidak mungkin ia akan berlaku dan kita hari ini memang di ambang dihormati oleh negara-negara yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kami faham bahawa kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pekerjaan 1955 sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi tadi, yang akan mengambil kira keadaan kerja yang baru seperti tele-kerja atau *tele-work*, dengan izin, kerja sambilan, perkongsian kerja dan *job sharing*. Jenis-jenis pekerjaan yang baru ini muncul berikutan dari pengenalan Internet dan juga ICT.

Oleh itu, kami menyeru pada kerajaan agar pindaan tersebut dibuat dengan sebaik-baiknya bagi memberi perlindungan terhadap hak dan kebajikan pekerja yang terlibat dalam bidang pekerjaan tersebut dan juga memastikan mereka menikmati faedah-faedah yang serupa yang terkandung dalam Akta Pekerjaan seperti cuti

tahun, cuti sakit, cuti bersalin dan juga faedah-faedah lain yang harus dinikmati oleh mereka.

Menyentuh soal kebajikan pekerja, Tuan Yang di-Pertua, saya telah beritahu bahawa pramugari yang bekerja di syarikat penerbangan MAS, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini diambil bekerja sebagai kontrak untuk lima tahun. Saya ini, Tuan Yang di-Pertua, biasa terbang ke luar negeri, saya selalu dikacau bila hendak tidur tengah malam, bila mereka semua sudah habis service, semua duduk, mereka datang jumpa saya. Dia kata, *"Saya bekerja lima tahun kontrak". "Lepas lima tahun"*, katanya, dia menunggu, Dia *not immediately renew*, Tuan Yang di-Pertua, dia punya kontrak.

Dia kena tunggu 2 bulan, 3 bulan dan setengahnya pula, hendak meneruskan hidup, jual nasi lemak, jual roti canai - pramugari. Mereka terpaksa bekerja sambilan untuk menunggu kontraknya baru sampai. Jadi, ini tidak harus berlaku di dalam negara kita. Kebanyakannya wanita. Dan, kadangkala pula terdapat, Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan ialah saya harap Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga kita akan dapat memberi jawapan, memberi pandangan.

Setengah-setengah wanita yang bekerja dengan MAS, Tuan Yang di-Pertua, bilamana mereka mengandung, mereka diminta mengambil cuti tanpa rekod sehingga mereka melahirkan anak, tetapi dibayar dua bulan gaji dengan penuh mengikut Akta Pekerjaan, tetapi 9 bulan mereka mengandung, mereka diberikan cuti tanpa rekod. Kalau saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara Eropah yang lain, *air hostess* – pramugari dalam kapal terbang yang tua-tua belaka. Saya tanya umurnya kadangkala berapa umur - *"What's your age?"* dengan izin. *"I'm sixty". "You are still strong?" "Yes, I'm still strong"*, dengan izin, Dan mereka ini dapat cuti bergaji kalau mereka mengandung dan mereka diberikan *light work*, dengan izin, kerja yang ringan di pejabat dan sebagainya.

Tetapi di MAS mereka ini diminta mengambil cuti panjang tanpa rekod sehingga melahirkan anak, ini satu perkara yang sangat-sangat tidak harus berlaku dalam negara kita. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku dalam MAS tetapi juga di tempat-tempat yang lain.

Saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berterima kasih kepada beliau khususnya menjaga hal ehwal wanita dan satu hari kita juga kelak

ingin melihat Menteri Hal Ehwal Laki-laki [*Ketawa*] akan diwujudkan menjaga kepentingan kita juga.

Jadi, saya berharap Kementerian ini akan mengambil tindakan memastikan bahawa tidak ada eksploitasi, penganiayaan terhadap pekerja wanita bukan sahaja dari segi soal gangguan seksual di tempat kerja tetapi juga dari segi penganiayaan ataupun menafikan hak untuk mereka bekerja bagi mendapatkan pendapatan. Satu, soal kontrak lima tahun yang kena diganti. Kedua, soal mereka mengandungi sembilan bulan, mereka tidak diberi kerja dan diminta bercuti.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita merdeka kaum pekerja telah memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan ekonomi negara kita terus berkembang maju dengan berusaha bersungguh-sungguh tanpa mengenal erti penat-lelah mahupun jemu. Kaum pekerja adalah tulang belakang terhadap pembangunan dan kepesatan negara pada hari ini. Tanpa mereka semua kejayaan yang telah dicapai pada hari ini tidak mungkin akan tercapai. Untuk itu, kerajaan juga haruslah memperkemas jaring keselamatan, sosial kaum pekerja yang sedia ada di negara ini termasuk melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan bagi mengelakkan pekerja-pekerja menjadi mangsa syarikat yang mufliis, gulung tikar bantal dan sebagainya.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, dalam Persidangan Negara-negara APEC pada 18 November yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998, Bahagian 24 telah menerangkan dengan jelas negara-negara APEC adalah digalakkan menubuhkan social safety net untuk negara tersebut dan menteri yang bertanggungjawab hendaklah membuat laporan tiap-tiap kali mesyuarat APEC.

Kemudian, mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan oleh Menteri Buruh ASEAN di Rangoon pada bulan Mei 1999, Manila tahun 2000 juga telah menjelaskan penubuhan jaring keselamatan ini tiap-tiap negara yang berkenaan. Jadi, saya berharap kerajaan akan prihatin dan mengambil tindakan segera melaksanakan keputusan-keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rancangan Malaysia Ketujuh, Dasar Perumahan yang digariskan telah menampakkan hasil yang amat memberangsangkan di mana sejumlah 859,480 unit rumah telah dibina mengatasi jumlah sasaran iaitu 800,000 unit rumah. Bagi pembinaan rumah kos rendah, prestasi pemaju sektor awam dan swasta juga amat menggalakkan sekali di mana

sebanyak 190,597 unit rumah atau 95.3% telah dapat disiapkan dalam tempoh rancangan tersebut. Manakala bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sasaran ditetapkan adalah seperti berikut:

- |       |                            |                   |
|-------|----------------------------|-------------------|
| (i)   | rumah kos rendah           | 232,000 unit;     |
| (ii)  | rumah kos sederhana rendah | 131,300 unit; dan |
| (iii) | rumah kos sederhana        | 110,700 unit.     |

Saya percaya melalui perancangan yang rapi berasaskan kepada prestasi Rancangan Malaysia Ke tujuh, sasaran Rancangan Malaysia Kelapan ini pasti akan dapat dicapai dengan jayanya. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap segala-galanya akan dapat dilaksanakan.

Dalam perkara bila mana kita bercerita soal hal dan masalah kaum pekerja, rakyat dan sebagainya, saya ingin membawa pandangan Tuan Yang di-Pertua, satu perkara barangkali semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, soal skim anuiti yang wujud dalam KWSP.

Hari ini kami telah diserang oleh mereka yang menjadi ejen kepada anuiti skim ini. Apa yang saya hendak jelas kepada Tuan Yang di-Pertua, ialah skim anuiti ini bukanlah skim yang ditolak oleh kita semua pekerja MTUC. Skim ini baik untuk membekalkan satu pencen bila mana mereka telah bersara kelak tetapi apa yang tidak kita persetujui itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah ianya dilaksanakan secara swasta atau diberi kepada syarikat insurans melaksanakannya.

Kebanyakan syarikat insurans ini kita tahu adalah mengira keuntungan, Tuan Yang di-Pertua, jadi bila mana ianya dilaksanakan banyak buruk daripada baiknya, kami membantah terhadap pelaksanaan skim ini dan kami tidak mahu ianya dilaksanakan secara swasta tetapi kita mahu KWSP sendiri melaksanakannya. Sebab-sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya syarikat insurans ini melaksanakan daripada penjualan skim anuiti ini dan ianya hendaklah dibayar kepada ejen iaitu had yang dibenarkan oleh Bank Negara ialah 5%.

Saya telah diberitahu ejen ini telah memungut sebanyak 2% daripada skim anuiti ini. Skim anuiti ini tidak seperti insurans nyawa. Insurans nyawa kalau seseorang itu insurans ejen pergi kepada seorang 'A' dan bertanya sama ada hendak masuk, hendak beli insurans nyawa, mereka nyatakan bersetuju dan sains dan bila hendak bayar, kata tunggu sampai cukup bulan, saya sudah ada duit baru bayar. Tetapi skim anuiti senang, dia sains borang, hantar kepada EPF, EPF transfer duit dia kepada syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kurang lapan bulan sudah RM4 bilion telah ditukar dalam syarikat insurans yang berkenaan. Mereka begitu agresif, mereka menawarkan pelbagai tawaran kepada pembeli skim anuiti ini. Mereka buka kaunter di mana-mana tempat, di panggung wayang, di The Mall dan sebagainya, di mana juga mereka buka kaunter menjual skim anuiti ini. Mereka mendapat 2%, Tuan Yang di-Pertua, komisyen dan saya telah diberitahu, saya telefon dua tiga orang rakan lama saya yang jadi ejen insurans, saya cakap dengan dia, you jangan masuklah, tidak usah, you keluarlah, *we are taking you now you better leave*.

Saya tanya berapa komisen yang didapati, saya dapat 2% komisen, empat bulan katanya, empat bulan saya boleh dapat RM100,00 komisen. That means RM25,000 sebulan pendapatan (*income*), saya ingat lebih besar gaji daripada Perdana Menteri. RM25,000 komisen. Kemudian, mereka ini pula beritahu pembeli skim anuiti katanya, bila mereka pencen, mereka dapat RM1,000 dan pelbagai perancangan ataupun pelbagai perkara yang telah dikemukakan oleh mereka itu, kebaikan membeli skim anuiti ini. Seperti mana yang ada pada saya, Tuan Yang di-Pertua, sebuah insurans company ini mengeluarkan satu risalah iaitu 'EPF Conventional Annuity Scheme', Advertising Published by Annuity Consort Tudor Malaysia, dengan izin, dia menyatakan kalau orang beli skim anuiti ini, umur 55 tahun mereka bersara, mereka akan mendapat 4.1% dividen.

Kemudian katanya turun ke bawah 56, 57, 60, 65, 70, 75 sehingga umur 100 tahun mereka boleh dapat 7.6%, cash Tuan Yang di-Pertua, umur 55 tahun – 4.1% janji mereka, bila umur 100 tahun orang ini sudah tak ada lagi dah, dalam tanah, dia cakap boleh dapat 7.6%, dia tunjuk kepada orang ramai, dia cakap berapa untung kalau kamu beli skim ini. Itu sebab saya nyatakan ejen-ejen insurans boleh saya gunakan perkataan cuba memutarbelitkan ataupun perkataan menipu terlalu sangat kasar rasanya, saya tidak tahu apa perkataan yang harus digunakan.

Jadi, itu sebab MTUC all out, dengan izin, cuba untuk meyakinkan orang ramai jangan membeli annuity scheme ini dan kita mahu annuity scheme ini dikendalikan oleh KWSP sendiri, sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kalau KWSP mengendalikan dengan sendirinya itu tax cukai hasil daripada pelaburan anuiti ini, tidak akan dikenakan kepada KWSP, dikecualikan tetapi kepada insurance company dia mesti bayar dan ini akan mengurangkan lagi keuntungan yang diperolehi hasil dari pelaburan dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyatakan ini kalau kita lihat skim ini dengan insurans ini menggerakkan annuity scheme ini, sungguh hebat sekali dengan usaha-usaha mereka untuk menarik pencarum membeli KWSP tidak lain dan tidak bukan mereka mencari keuntungan diri sendiri, bukan menjaga kepentingan kaum pekerja.

Kalau task force yang ditubuhkan oleh ejen-ejen insurans ini menjadi penyelamat annuity scheme, saya ingin mencadangkan mereka tukar nama, bukan panggil task force penyelamat annuity, task force penyelamat ejen-ejen insurans annuity scheme, itu nama yang sebaiknya, sebab mereka ini memutarbelitkan, memesongkan kenyataan dan menjanjikan janji yang bukan-bukan kepada pekerja dan sebagainya, kepada para pembeli annuity scheme.

Jadi, kami telah mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin merakamkan Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang ini ucapan sekali lagi ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah campur tangan perkara ini dan telah bersetuju supaya annuity scheme ini biar dikaji semula oleh consultant yang dilantik oleh KWSP dalam masa kajian ini dilakukan dan pihak skim ini hendaklah ditangguhkan atau *didefer*. Ini satu perkara yang baik oleh kerana dalam jangka panjang jika sekiranya KWSP melaksanakannya, ianya akan menjamin wang-wang ini terselamat dan pembayaran pulangan balik kepada pembeli-pembeli annuity scheme ini akan dapat dibayar pada setiap tahun, oleh kerana skim ini di bawah jagaan kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan perbezaan zaman, sistem pentadbiran kerajaan juga telah berubah, misalnya dengan pengenalan *electronic government* atau e-government dan sebagainya yang mana diharap dapat mengemaskan sistem pentadbiran negara. Namun demikian saya amat terkilan kerana masih lagi terdapat keadaan-keadaan yang begitu tidak selesa berlaku dalam perkhidmatan awam seperti mana yang telah saya terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan meletakkan sasaran untuk memperbaiki pengurusan sumber tanah negara melalui perancangan penggunaan tanah yang telah bersepadu. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap peranan yang dimainkan oleh FELDA di tanah-tanah rancangan di Malaysia pada hari ini.

Seperti mana yang kita sedia maklum, FELDA memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan mutu kehidupan para petani di negara kita dengan

menyediakan tanah untuk mereka usahakan dengan projek-projek pertanian seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya.

Namun begitu, pada hari ini konsep FELDA dilihat tidak lagi begitu relevan kerana rizab tanah dengan ini semakin hari semakin berkurangan. Tidak seperti mana pada tahun-tahun 70-an yang lepas. Malahan harga tanah pada hari ini juga telah meningkat berlipat kali ganda dan bertambah mahal.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan untuk mengkaji semula peranan FELDA bagi menyesuaikan peranannya dengan keperluan pada hari ini untuk menjaga kepentingan rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira isu terakhir yang ingin saya sentuh ialah isu perhubungan perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya patut menyuarakan ini sebab saya sebagai pemimpin kesatuan. Saya pernah bertanya dalam Dewan ini, bilakah Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan dapat dikaji dan dibina agar soal isu pengiktirafan kesatuan dapat dipercepatkan bagi mengelakkan kaum pekerja dianiaya oleh pihak pengurusan syarikat yang anti terhadap kesatuan.

Di sini saya ingin menyebut satu kes terbaru yang membabitkan dua pemimpin kesatuan seperti mana yang telah saya jelaskan iaitu Syarikat Epson Precision Malaysia Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat luar negeri yang memberhentikan pekerja syarikatnya tersebut hanya kerana mereka ini aktif dalam kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia dengan Menteri sendiri supaya perkara-perkara sedemikian dapat diatasi dengan secepat mungkin yang boleh, tetapi walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kedapatan perkara-perkara seperti ini masih lagi begitu banyak terbengkalai belum diselesaikan. Tuan Yang di-Pertua, tanpa pengiktirafan, soal kestabilan berhubung dengan perusahaan tidak akan dapat dijamin.

Jadi, oleh kerana pentingnya perkara isu pengiktirafan ini, saya mendesak kepada kerajaan supaya mempercepatkan membawa pindaan-pindaan yang telah dipersetujui di antara tiga penjuru, kerajaan dan majikan dan kesatuan pada Dewan yang mulia ini, untuk diluluskan dan dilaksanakan supaya wujudnya keharmonian perhubungan perusahaan dalam negara kita dan pekerja di negara kita dapat dibela dan tidak dianiaya oleh mana-mana pihak majikan.

Jadi, dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rancangan Malaysia Kelapan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Wabillahaufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Safinah.

**5.15 ptg.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut sama membahar Usul Rancangan Malaysia Kelapan, pertamanya saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, untuk memulakan dengan perkara yang berkaitan wanita dan pembangunan.

Melalui RMK-7, kita dapat melihat betapa kerajaan memang mengambil suatu perhatian yang berat berhubung dengan soal-soal pembangunan wanita. Di saat-saat akhir, RMK-7 kerajaan barulah bergerak dan berupaya mewujudkan sebuah kementerian khas untuk wanita iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Melalui RMK-8 pula saya difahamkan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan peranan kedudukan dan taraf wanita bagi memastikan penyertaan mereka sebagai rakan kongsi sama dalam pembangunan negara. Wanita juga disediakan dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi cabaran globalisasi dan bagi memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Semua hasrat ini memanglah kami sambut baik, walau bagaimanapun, saya juga difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga masih belum diberikan perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. KPWK masih belum dapat berfungsi sepenuhnya memandangkan kerajaan belum memberikan kelengkapan-kelengkapan dan juga keperluan yang sepenuhnya kepada kementerian ini termasuklah di sudut kakitangan kementerian itu sendiri.

Pada hemat saya, perkara ini tidak seharusnya dibiarkan lama. Sewajarnya sebelum kerajaan mengisytiharkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini maka segala keperluan termasuklah bidang tugas dan hala tujunya telah pun selesai didokumentasikan sebagai satu paradigma untuk berperanan lebih mantap, luas, menyeluruh dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada banci penduduk tahun 2001, saya difahamkan bahawa terdapat kira-kira 48% wanita dalam kumpulan umur bekerja

iaitu dalam lingkungan 15 hingga 64 tahun, jumlah ini merupakan satu pertiga daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh di Malaysia.

Sektor pembuatan pula menyerap sebahagian terbesar pekerja wanita iaitu kira-kira 27% pada tahun 2000, ini tentunya merupakan sumbangan besar kepada pembangunan negara memandangkan hampir separuh daripada jumlah penduduk wanita Malaysia merupakan pekerja yang akan menyumbang kepada produktiviti negara.

Walau bagaimanapun, kebajikan kepada pekerja wanita masih berada di tahap yang tidak memuaskan, baik jika ditinjau dari sudut keselamatan, kesesuaian tempat dan kerja, kemudahan sebagai seorang ibu dan isteri khususnya keanjalan waktu bekerja.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, melalui perbahasan ini dalam RMK-8 ini, sekali lagi saya mencadangkan agar para majikan mengambil berat terhadap beberapa perkara itu tadi dan kerajaan pula melalui kementerian yang bertanggungjawab mestilah terus memberikan galakan kepada para majikan untuk membina dan menyediakan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau menyediakan kemudahan tersebut di kawasan-kawasan berhampiran dengan tempat kerja para wanita.

Saya bersetuju sebagai imbuhan kepada apa-apa kemudahan yang diberikan oleh para majikan itu, maka kerajaan memberikan pelepasan cukai kepada mereka. Kerajaan hendaklah juga mengadakan prasyarat kepada mana-mana syarikat ataupun firma yang baru hendak didirikan atau ditubuhkan agar premis penjagaan kanak-kanak ini turut dimasukkan bersama ketika merangka dan merancang pembinaan bangunan-bangunan tersebut. Sehingga kini sukalah saya bertanya setakat manakah *respond* majikan dan firma-firma berhubung dengan pembinaan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak?

Di samping itu juga saya turut mencadangkan agar majikan mengadakan pusat-pusat kesihatan dan klinik kecemasan di setiap tempat kerja bagi menghadapi apa-apa kemungkinan yang mendatang di tempat kerja tersebut. Keselamatan pekerja-pekerja khususnya wanita perlu diambil perhatian, perlindungan keselamatan daripada alat-alat atau bahan-bahan yang merbahaya misalnya perlu dipertingkatkan. Para pekerja ini seharusnya didedahkan kepada pengetahuan berkaitan dengan keselamatan tersebut.

Keselamatan pekerja wanita ketika berulang alik dari rumah ke tempat kerja mestilah juga di bawah jaminan para majikan. Sebaik-baiknya kerajaan mengambil tindakan dan keputusan untuk menggalakkan pekerja wanita tidak bekerja malam. Ini kerana terdapat daripada kalangan wanita-wanita yang bekerja kilang misalnya, terpaksa berjalan agak jauh untuk sampai ke rumah. Bas-bas yang menghantar mereka hanya menurunkan mereka di tepi-tepi jalan utama sahaja. Ini tentunya berkemungkinan mendedahkan mereka kepada ancaman mana-mana pihak yang berniat jahat.

Juga dengan menentukan para pekerja wanita dapat bersama dengan keluarga mereka di rumah pada waktu malam, masalah pengabaian, hubungan mesra dan pendidikan kepada anak dan keluarga dapat dielakkan. Kita mahu menghasilkan tenaga kerja khususnya dari golongan wanita yang tidak tertekan perasaan, emosi dan mental mereka dan ini membolehkan mereka menjadi tenaga kerja yang cekap, efektif dan produktif di tempat kerja masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan keusahawanan wanita. Saya amat bersetuju dan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memberikan inisiatif, modal, khidmat nasihat, latihan kemahiran, kursus kepimpinan dan motivasi kepada usahawan wanita tetapi di sana saya melihat ada suatu perkara yang agak diabaikan iaitu bantuan pemasaran produk-produk yang dihasilkan oleh mereka.

Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan juga berusaha untuk membantu para usahawan terutamanya ibu-ibu tunggal yang baru untuk menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Suatu bentuk rangkaian pemasaran yang menyeluruh hendaklah diwujudkan, ini adalah untuk memastikan para usahawan wanita ini terus dapat berkembang sedikit demi sedikit sehinggalah mereka benar-benar bersedia untuk dilepaskan berusaha di peringkat yang lebih besar dan mampu mengadakan pemasarannya sendiri.

Sekian, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

**5.25 ptg.**

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan penghargaan perlu diberi kepada kerajaan dan semua kakitangannya yang bekerja bersungguh-

sebenarnya dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh yang lepas. Walaupun negara kita dilanda krisis kewangan, kejayaan yang kita capai adalah petanda kejayaan setiap lapisan anggota perjawatan awam dan swasta yang merealisasikan keputusan dan cadangan yang dibuat oleh pihak kerajaan sehingga negara kita dilihat sebagai negara yang mampu menempuh pelbagai rintangan dan mencipta pendekatan kita sendiri dan memulihkan keadaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kerajaan membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, Rancangan Malaysia Kelapan adalah fasa pertama daripada dua fasa RRJP3. Rancangan Malaysia Kelapan sebahagiannya adalah usaha kerajaan melaksanakan Dasar Wawasan Negara yang berlandaskan tiga teras utama daripada strategi berasaskan input kepada strategi keekonomian yang bertujuan meningkatkan potensi pertumbuhan keluaran dan perubahan di sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta memperkukuhkan kestabilan sosio ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan rakyat akan dihidangkan dengan peluang pendidikan, kemudahan kesihatan, penyediaan perumahan yang mampu dimiliki, kemudahan kebudayaan dan rekreasi bagi memberi peluang dan kesempatan untuk meningkatkan kualiti hidup segenap lapisan masyarakat. Semua peluang dan hidangan ini tidak memberi apa-apa makna andainya pepatah Melayu ada menyatakan, 'Panas setahun akan berubah dengan hanya hujan sehari.' Pelan dan rancangan apa sahaja yang digubal oleh pemerintah akan gagal seandainya rakyat tidak mampu mengekalkan keharmonian kaum.

Peristiwa 13 Mei 1969, peristiwa Kampung Medan, demonstrasi jalanan, peristiwa di Indonesia dan Filipina memaparkan kepada rakyat dan pemimpin negara ini dan mereka seharusnya insaf dan sedar betapa kegawatan politik dan rusuhan rakyat tidak mampu menghasilkan atau mengubah dan memberi kesedaran kepada rakyat seperti yang dituntut oleh sekumpulan masyarakat dengan tujuan untuk mencapai hasrat dan matlamat mereka. Hasilnya adalah rakyat terus merana, ekonomi tidak dapat dipulihkan, yang tidak berdosa turut terlibat. Akhirnya, negara akan hancur dan usaha pemulihan akan memakan masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu konvensyen Persidangan Perpaduan Nasional yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (ASLI) dalam ucapan utama Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah

bin Haji Ahmad Badawi menggariskan lima perkara bagi mengekalkan keharmonian kaum.

Yang pertama ialah menyelesaikan isu perpaduan menerusi pendidikan. Kerajaan telah pun memperkenalkan Sekolah Wawasan dengan niat yang baik dan memberi keharmonian kepada semua penduduk negara ini bagi mendidik anak-anak kita mengenali di antara satu dengan lain sejak kecil lagi tetapi masih kedengaran pelbagai tentangan, kerajaan seolah-olahnya bertolak ansur dan tidak ada ketegasan.

Yang kedua, menggalakkan pertumbuhan kelab perpaduan di dalam sistem pendidikan. Saya mencadangkan semua pihak terutamanya sekolah-sekolah yang mempunyai murid daripada kalangan pelbagai kaum seharusnya bertindak lebih proaktif menjadikan ianya satu kemestian atau wajib ditubuhkan kelab ini seperti ini secara bersungguh-sungguh, manakala di pusat-pusat pengajian tinggi juga tidak harus melihat perkara ini sebagai remeh-temeh, merekalah seharusnya yang mengadakan kelab-kelab perpaduan yang saya nyatakan tadi.

Kementerian Pendidikan seharusnya bertindak melaksanakan program seperti ini. Salah satu saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam perjumpaan pada 15 Februari 2001 yang lepas dengan Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara di Putrajaya adalah – kata beliau, *“Perpaduan hanya akan lahir apabila ianya disemai dan dipupuk oleh seluruh masyarakat dan bukannya akan datang sendiri. Sekiranya tidak dipupuk, perpaduan tidak akan wujud walaupun tinggal dalam satu kumpulan etnik atau kaum itu sendiri.”*

Yang ketiga, menggalakkan penubuhan lebih banyak Rukun Tetangga di seluruh negara. Seperti yang kita sedia maklum di seluruh negara terdapat 2,000 lebih Rukun Tetangga telah diwujudkan oleh kerajaan. Saya mencadangkan kepada kerajaan bukan sahaja menggalakkan tetapi menjadi satu perkara yang wajib, setiap inci kawasan penempatan haruslah dilingkungi kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Rukun Tetangga. Ada pendapat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh menyambung ucapan esok?

**Datuk Long bin Jidin:** Boleh, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini adalah ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

9 Mei 2001

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan  
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)

- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)  
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.  
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,  
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,

S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.  
(Dilantik)

- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

**Monarita binti Mohd. Hassan**

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari

**Nurziana binti Ismail**

Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAW ANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

DN.29.5.2001

120

**KESEPULUH**

**KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid III**

**Bil. 13**

**Selasa**

**29 Mei 2001**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)

(Halaman 22)